

**Bil. 62**

**Selasa  
12 September 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**



## KANDUNGAN

### PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Pelantikan Setiausaha Dewan Rakyat (Halaman 1)

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):

- Pembakaran Mayat Rafie Syzwan Abdullah  
*Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]* (Halaman 20)

### RANG UNDANG-UNDANG

- Rang Undang-undang Perbekalan 2007 (Halaman 21)

### USUL-USUL:

- Anggaran Pembangunan 2007 (Halaman 21)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 40)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.J.N., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) - UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO

34. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO

18. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO

33. Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO

73. Yang Berhormat Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) - UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) - UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) - UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) - UMNO
100. “ Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) - UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) - UMNO
104. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) - UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) - UMNO
106. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) - UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) - DAP

112. Yang Berhormat Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mahmood bin Adam

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**UNIT PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob



**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 12 September 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA  
PELANTIKAN SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Encik Mahmood bin Adam telah dilantik sebagai Setiausaha Dewan Rakyat yang baru.... [*Tepuk*]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** Minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memajukan sektor koperasi dan nyatakan:-

- (a) jumlah keseluruhan koperasi berdaftar yang aktif dan berdaya maju serta berjaya; dan
- (b) jumlah keseluruhan koperasi yang tidak berjaya dan telah ditutup.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi,

- (a) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Jabatan Pembangunan Koperasi telah mengambil langkah-langkah untuk memajukan sektor koperasi seperti berikut:
  - (i) membudayakan koperasi dengan nilai-nilai keusahawanan supaya koperasi berubah daripada aktiviti tradisional kepada aktiviti yang lebih berbentuk komersial dan berdaya maju;
  - (ii) melibatkan koperasi dalam program-program seperti *mentor-menti*, *groom big*, *francais* dan *vendor*, satu wilayah satu industri, rantaian nilai;
  - (iii) memberi bantuan kepada koperasi-koperasi dalam bentuk bantuan, pengukuhan dan pinjaman mudah;
  - (iv) menganjur kursus, seminar dan bengkel bagi koperator-koperator untuk menjana idea baru bagi menceburi perniagaan yang lebih global;
  - (v) meningkatkan peranan kawal selia dalam membantu meningkatkan tadbir urus koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 31 Disember 2005, jumlah keseluruhan koperasi berdaftar ialah 4,771 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,443 buah atau 93% bergerak aktif, berdaya maju dan berjaya.

- (b) Sehingga 31 Disember 2005, jumlah koperasi yang tidak aktif hanyalah 328 buah sahaja. Sepanjang tahun 2002 hingga 2005, koperasi yang telah dibatalkan pendaftarannya ialah sebanyak 224 buah.

Sekian.

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada semua jumlah yang telah dinyatakan oleh timbalan menteri tadi, 7% daripada koperasi-koperasi ini telah gagal. Daripada 7% ini soalan saya ialah apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak koperasi-koperasi yang gagal ini daripada berjaya menjadi tidak berjaya dan apakah usaha-usaha daripada pihak kementerian untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab-sebab kegagalan koperasi yang telah saya nyatakan tadi ialah:

- (i) tidak menjalankan sebarang aktiviti ekonomi;
- (ii) tidak menyelenggarakan dan mengaudit akaun melebihi tiga tahun; dan
- (iii) tidak mengadakan mesyuarat anggota lembaga koperasi melebihi tiga tahun.

Di antara punca-puncanya ialah:

- (i) anggota Lembaga Pengarah tidak aktif dan kurang minat untuk menguruskan koperasi;
- (ii) kekurangan modal;
- (iii) bilangan anggota yang kecil;
- (iv) sumbangan modal yang rendah; dan
- (v) juga tidak ada komitmen kepada koperasi yang mereka uruskan.

Terima kasih.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apabila kita menyatakan koperasi, koperasi ini sebenarnya ditubuhkan untuk kepentingan ahli-ahli koperasi yang berasaskan kepada ketelusan, berasaskan kepada keprihatinan dan usaha sama bersama.

Kita juga dapati bahawa banyak tabung yang telah ditubuhkan dalam membantu koperasi dan juga kita dapati bahawa di setiap kawasan ataupun di setiap parlimen atau daerah, pegawai-pegawai yang menjalankan tugas khusus untuk perkembangan koperasi.

Apakah tindakan ataupun langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan semua tabung-tabung atau dana-dana yang telah usahakan ataupun dijalankan oleh kerajaan ini dapat diterima dan digunakan sebaik mungkin serta apakah peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai penggerak koperasi yang ada di dalam kawasan-kawasan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Tugas dan tanggungjawab penggerak atau pengembang koperasi di setiap daerah itu sudah tentulah untuk mengawal selia terhadap koperasi-koperasi yang wujud di daerah masing-masing.

Kita di kementerian, mempunyai tabung. Kita ada dana untuk dipinjamkan setinggi RM5 juta dengan faedah yang terlalu kecil, antara 1% ke 5% sahaja. Itu juga boleh kita beri pinjaman berasaskan Kertas Kerja ataupun jenis perniagaan yang akan diurustadbirkan. Yang lain, kita ada juga yang berbentuk geran untuk diberi kepada koperasi untuk memulakan perniagaan masing-masing, serendah-rendahnya dengan RM30,000 tanpa *collateral* atau tanpa syarat dan sebagainya, kita bagi pinjam

RM30,000. Itu juga berasaskan kepada cara kertas kerja dan perniagaan yang akan dijalankan oleh setiap koperasi yang memohon kepada koperasi.

Setakat ini, kita mempunyai dana yang begitu besar dan kita juga telah meluluskan... [Merujuk kepada dokumen yang dibawa] Saya mempunyai angka di sini, bolehlah kalau sesiapa yang hendakkan angka itu, boleh saya beri kerana kita mempunyai dana yang mencukupi untuk beri pinjaman kerana kita sedang menggalakkan koperasi-koperasi untuk bergerak maju, kerana kita ialah ke arah koperasi keusahawanan. Terima kasih.

**2. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, mengapa pihak berkuasa tempatan (MPAJ) sangat lemah dalam penguatkuasaannya hingga laluan pejalan kaki di deretan kedai Taman Keramat Permai sukar dilalui kerana digunakan untuk operasi perniagaan di mana ia kotor dan longkangnya pula dipenuhi minyak dari bengkel-bengkel kenderaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Ledang, pihak MPAJ sentiasa menjalankan pemeriksaan pembersihan di premis-premis termasuk bengkel dan restoran makanan bagi memastikan tahap kebersihan di kawasan tersebut.

Semenjak 31 Ogos 2005, MPAJ telah menghentikan pengeluaran borang untuk gerai-gerai berselerak di tepi-tepi jalan termasuk di laluan pejalan kaki. Buat masa ini, MPAJ menjalankan Operasi Pemutihan dengan menangani masalah gerai-gerai berselerak yang telah beroperasi sebelum 31 Ogos 2005 dengan menempatkan semula gerai-gerai ini di penempatan yang bersesuaian.

Selepas 31 Ogos 2005, tiada lesen perniagaan dikeluarkan kepada penjaja-penjaja yang berselerak. Mana-mana penjaja haram telah pun dibuat pemantauan dari masa ke semasa termasuk mengenakan kompaun dan sita. Kompaun yang dikenakan adalah sebanyak RM300.

Menurut Undang-undang Kecil Penjaja, denda maksimum yang boleh dikenakan oleh MPAJ adalah sebanyak RM1,000. Walau bagaimanapun, bagi kes di Taman Keramat Permai tersebut, pihak MPAJ sedang menyiasat dan akan mengambil tindakan segera seperti mengenakan kompaun kepada pemilik bengkel yang sekiranya didapati telah mencemarkan longkang-longkang di kawasan terbabit. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon maaf kerana mungkin saya sudah terkeluar dari kawasan saya, tapi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Sebenarnya saya kerap ke sana dan pada saya, saya membangkitkan perkara tersebut kerana saya lihat di depan mata saya sendiri dan ini bukanlah satu kejadian yang *isolated* dengan izin, tetapi juga berlaku banyak di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan yang lain.

Kepada saya Tuan Yang di-Pertua, ukuran keberkesanan penguatkuasaan ialah apa yang kita lihat sendiri di depan mata. Jadi soalan saya, apakah cadangan pihak berkuasa tempatan, apakah cadangan kementerian ini terhadap keseluruhan penguatkuasaan yang akan dilaksanakan di seluruh negara bagi kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan terutamanya berkaitan dengan longkang kotor, parit sumbat dan sebagainya, yang sebenarnya pada saya menjejaskan imej negara kita khususnya di mata pelancong. Sekian, terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, isu tentang penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan telah dibangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, dan kementerian telah memberi jawapan dan pandangan kementerian. Kita mengakui bahawa ada kelemahan di dalam penguatkuasaan yang terdiri daripada beberapa sebab, antaranya pihak berkuasa tempatan yang tidak mencukupi pegawai-pegawai penguat kuasa; dan kedua, pengetahuan di kalangan mereka yang kadang-kadang tidak mencukupi.

Dan untuk mengatasi ini, kita telah daripada segi kementerian, dari segi dasar, kita telah memberi bantuan dan nasihat supaya pihak berkuasa tempatan boleh menambahkan lagi jawatan-jawatan penguat kuasa dan selain daripada itu mengadakan kursus supaya pihak-pihak pegawai penguat kuasa di pihak berkuasa tempatan boleh mendapat pengetahuan yang lebih dalam dan lebih terkini tentang undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan, supaya kelemahan ini boleh diatasi. Terima kasih.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya juga mengalami perkara yang sama seperti Yang Berhormat bagi Ledang tadi dan saya ingin tahu, sebagai contohnya di Kelantan, di bawah Kerajaan PAS ini, terutama sekali di Parlimen saya, Kuala Krai, di mana longkang-longkang tersumbat, kawasan-kawasan yang terbiar menyebabkan banjir berlaku. Bila belum banjir pun dah banjir dan bila diutarakan perkara ini kepada MDKK, tidak ada jawapan.

Jadi apakah langkah yang seharusnya diambil oleh kerajaan kita Barisan, terutama sekali wakil-wakil rakyat yang mengalami masalah ini dengan rakyat supaya, bila kita buat perkara ini tidak jadi, lembu punya susu, sapi punya nama. Apakah langkah yang perlu diambil untuk mendapat kerjasama kepada rakyat-rakyat yang begitu memerlukan perkara-perkara ini di kawasan. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat telah maklum bahawa di negeri Kelantan, majlis-majlis pihak berkuasa tempatan adalah di bawah kuasa kerajaan negeri dan terpulanglah kepada kerajaan negeri untuk mematuhi kehendak rakyat untuk memastikan bahawa masalah-masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu diambil kira supaya kesulitan dan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat boleh diatasi, kalau tidak, rakyat akan mengambil tindakan dengan memberi kesan kepada keputusan pada pilihan raya yang akan datang. Terima kasih.

**3. Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh mana konsep Islam Hadhari telah diterapkan dalam sukatan pelajaran sekolah-sekolah rendah, menengah, menengah atas dan matrikulasi memandangkan penghayatan Islam mesti dimulakan semasa muda lagi. Adakah sukatan mata pelajaran Islam pada hari ini menepati konsep Islam Hadhari.

**Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kurikulum Pendidikan Islam yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia selama ini telah pun menerapkan dan juga merangkumi ciri-ciri dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam konsep Islam *Hadhari*. Selaras dengan yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah menyelaras dan menyusun langkah-langkah wajar ke arah merealisasikan konsep Islam Hadhari ini dalam sukatan pelajaran sekolah rendah, sekolah menengah dan juga sekolah menengah atas dan juga kolej-kolej matrikulasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri, konsep Islam Hadhari telah diperjelaskan kepada semua kakitangan Kementerian Pelajaran Malaysia termasuklah guru-guru serta murid-murid kita dan pada bulan November ini, kementerian akan mengadakan satu seminar khusus berhubung dengan pelaksanaan Islam Hadhari dalam kurikulum pendidikan kebangsaan. Seminar tersebut bertujuan untuk mendapat pandangan daripada pelbagai pihak tentang faedah dan pendekatan yang terbaik demi menerapkan Islam Hadhari dalam kurikulum pendidikan kebangsaan kita.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Pertamanya kerana memberi jawapan yang menggembirakan dan yang kedua kerana datang sendiri hari ini menjawab soalan saya dan tidak membiarkan setiausaha Parlimen menjawab soalan yang sebegini besar. Terima kasih.

Soalan tambahan saya ialah bagi keluarga yang mahu anak-anaknya memahami dan menghayati pengajian Islam pada masa ini mereka terpaksa menghantar anak-anaknya, pertama, kepada sekolah kebangsaan kerana itu adalah sistem aliran kebangsaan, tetapi sebelah petangnya terpaksa menghantar ke sekolah agama. Masalahnya tidak semua negeri mengadakan dua aliran seperti ini, yang ada

hanya di Johor, Wilayah Persekutuan dan di Selangor. Di Kelantan hanya ada sekolah agama, hanya ada sekolah kebangsaan.

Soalan tambahan saya, untuk menghayati Islam ini, apakah Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menyatukan kedua-dua sistem ini menjadi satu sistem yang benar-benar baik supaya pengajaran dan pemahaman Islam ini akan betul-betul menjadi amalan dan dihayati oleh seluruh umat Islam sesuai dengan agama Islam adalah agama rasmi negara. Terima kasih.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, kepada Yang Berhormat bagi Ketereh. Dua pendekatan, pertamanya dalam usaha kita untuk memperkasa sekolah kebangsaan sememangnya usaha-usaha sedang dilaksanakan supaya kandungan dan juga pendekatan kita untuk mengajar nilai-nilai agama Islam yang sebenarnya dirangkumi di dalam konteks kurikulum yang sedia ada. Contohnya J-QAF, di mana J-QAF ini kita harap dalam konteks sekolah rendah dapat diperluaskan kepada semua sekolah menjelang tahun 2010.

Perkara kedua ialah berhubung kait dengan aliran sekolah-sekolah agama di sebelah petang yang sekarang ini dalam usaha kita hendak menyelaraskan penerimaannya bergantung banyak kepada kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri dan mana kerajaan-kerajaan negeri yang bersetuju untuk mendaftar dan bersama-sama dengan kita, kita tidak ada masalah dan saya gembira untuk maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa usaha kita yang dimulakan melalui jawatankuasa Tan Sri Murad dahulu berjalan dengan lancar dan tidak ada polemik dan ditimbulkan masalah sangat sehingga menimbulkan isu-isu yang mungkin menjejaskan usaha murni ini. Jadi, negeri-negeri yang tidak menimbulkan masalah mendapat kerjasama rapat daripada kerajaannya, kita teruskan dahulu supaya tidak ada tuduhan-tuduhan bahawa kita hendak mengambil alih sekolah-sekolah berkenaan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Soalan saya pendek saja. 'Watchdog', kalimah yang tidak berapa baik. Untuk hasrat memartabatkan sekolah-sekolah kebangsaan ini perlu kepada pendukung. Pendukung kita sudah kuat iaitu yang disebut dengan PIBG. Apakah juga kursus-kursus berbentuk Islam Hadhari ini dipanjangkan kepada jawatankuasa yang saya sebutkan tadi iaitu PIBG dan guru-guru KAFA di Kelantan saja kita ada 4,000 lebih, kerana guru-guru KAFA ini tidak secara langsung *direct* di bawah kementerian tetapi tanggungjawab kementerian, maka apakah juga mereka ini didedahkan dengan Islam Hadhari supaya mereka dapat memahami?

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Satu soalan yang cukup penting. Di peringkat kementerian, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa memastikan bahawa warga kita di kementerian betul-betul memahami konsep dan juga pengisian Islam Hadhari terdahulu. Sebab itu sebelum ini kita telah memastikan bahawa penjelasan konsep ini diperluaskan kepada pertamanya, di peringkat kementerian, pegawai, pensyarah dan kakitangan kita melalui 14 siri di mana 16,709 mereka yang terlibat.

Keduanya, peringkat Jabatan Pelajaran Negeri dan PPD dan sekolah seramai 71,353 orang guru dan kakitangan melalui 275 siri program telah pun dilaksanakan. Ini untuk memastikan bahawa kakitangan dan warga kita sendiri memahami dan menghayatinya sebelum ia dapat diperluaskan kepada pihak PIBG dan guru-guru KAFA. Selain daripada itu jurulatih eksekutif dakwah, jurulatih utama dakwah, jurulatih dakwah kita lebih daripada 2,000 orang telah pun kita lahirkan supaya usaha ini dapat diteruskan dan insya-Allah melalui jurulatih yang ada ini dan kerjasama daripada agensi-agensi lain, saya percaya bahawa ia dapat diperluaskan tetapi keutamaan kita dalam kementerian sekarang ini ialah:

- (i) memastikan bahawa kakitangan dan warga kita memahami konsep ini;
- (ii) melihat kepada kurikulum yang ada di sekolah; dan
- (iii) memperluaskan kepada pihak PIBG dan pihak-pihak lain yang ada.

Terima kasih.

4. **Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sama ada beliau setuju dengan pandangan bahawa tindakan Barat (Amerika dan Sekutunya) di Timur Tengah memungkinan pihak Syiah melebar dan mengukuhkan pengaruhnya dalam wilayah yang memiliki rizab minyak dunia yang banyak dan memungkinan konflik yang lebih besar di masa hadapan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gua Musang di atas soalan yang dikemukakan.

Kita menyedari kerajaan negara Islam yang diterajui oleh mereka yang berfahaman Syiah atau mirip kepadanya bukan lagi hanya Republik Islam Iran. Selepas kejatuhan Saddam Hussein di Iraq, kerajaan negara tersebut turut diambil alih oleh sebuah kerajaan baru yang diterajui oleh majoriti Syiah. Manakala Syria yang beraliran Alawiyah dilihat menjadi penyokong kuat kepada pergerakan Hizbullah di Lebanon yang juga beraliran Syiah. Sukar untuk ditentukan buat masa ini bahawa akan terdapat satu pakatan di kalangan Muslim bermazhab Syiah dalam penguasaan minyak di rantau itu apatah lagi ia akan melibatkan konflik dalam bentuk baru di kawasan yang kaya dengan rizab minyak itu.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Baru-baru ini satu tindakan yang telah diambil oleh Israel untuk menyerang Lubnan dengan alasan bahawa tindakan itu adalah bertujuan untuk menghambat Hizbullah yang kebetulan berfahaman Syiah Alawiyah, dan apa yang kita diberitahu bahawa kebanyakan daripada negara-negara jiran Lebanon tidak pun mengambil apa-apa tindakan konkrit untuk membantu Lubnan dan mereka membiarkan tindakan Israel untuk menghambat Lebanon dengan alasan untuk menghambat Hizbullah.

Jadi, persoalannya di sini, adakah ini menunjukkan bahawa sebenarnya apa yang telah dilakukan oleh Amerika iaitu polisi '*divide and rule*' telah pun benar-benar mempengaruhi kebanyakan negara-negara jiran kerana seperti mana yang kita tahu dalam kes yang berlaku di Lubnan baru-baru ini hanya kelihatan OIC yang benar-benar khususnya yang bukan negara-negara Arab, yang benar-benar prihatin dengan masalah di Lebanon. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kudat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Perlu dijelaskan di sini, walaupun dikatakan serangan Israel terhadap Lubnan bagi menghapuskan apa yang dikatakan golongan Syiah Hizbullah dan Syiah Hizbullah bukanlah Alawiyah tetapi Syiah yang mempunyai aliran yang hampir sama dengan mereka di Iran. Dan tidak ada sokongan pada peringkat awalnya di lihat oleh negara-negara Arab yang lain boleh ditafsirkan kepada ketidaksenangan mereka tentang pengaruh gerakan Syiah itu sendiri tetapi sukar untuk kita mengatakan bahawa pertentangan baru yang wujud sekarang hanya akan berlaku antara Sunni dan Syiah.

Ini kerana hasil daripada usaha kerajaan Amerika, misalnya menjatuhkan Saddam Hussein ialah sebuah kerajaan yang beraliran Sunni yang minoriti pada waktu itu, dan kejatuhan Saddam telah memberi peluang kepada golongan majoriti yang bermazhab Syiah di Iraq untuk naik di sana.

Sukar untuk kita menyatakan juga bahawa Syiah di Iraq sekarang ini adalah merupakan Syiah yang mempunyai pakatan yang sama dengan Iran, dengan Syria dan juga Hizbullah. Ini kerana mereka yang menguasai di Iraq juga dilihat adalah mereka yang bekerjasama untuk menyenangkan geopolitik Amerika di sana. Jadi, saya rasa keadaannya lebih kompleks dan tidaklah semudah sebagaimana yang kita fikirkan. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Fatah binti Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Daripada apa yang disebutkan oleh setiausaha Parlimen sebentar tadi berkaitan dengan kedudukan Syiah Iraq dan Syiah Iran dikatakan keadaan yang agak berbeza sedikit. Saya ingin tahu, kerana sahabat saya ini barangkali pro Iran. Ini kerana beliau pernah pergi ke Iran suatu masa sewaktu revolusi dahulu.... [Ketawa] Apakah di antara

dua Syiah Iraq dan Iran ini, yang mana lebih bahaya kalau dikira dari sudut melebarkan pengaruh mereka di dunia Arab atau dunia yang mengandungi minyak... [Ketawa]

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Soalan itu terlalu umum apa yang dimaksudkan lebih bahaya tadi. Bahaya kepada siapa, bahaya kepada PAS? Saya rasa PAS itu sendiri berbahaya... [Disorak] Kalau ia mempunyai fikiran-fikiran yang berlainan dengan fikiran yang sepatutnya menjadi aliran utama kepada Islam itu sendiri, tetapi kalau dilihat daripada perspektif Amerika Syarikat dan sebagainya, sudah tentu berbeza; kerana Amerika Syarikat dilihat tidak senang dengan beberapa negara yang tidak bersetuju ataupun sealiran untuk dijadikan alat mereka dalam menguasai minyak di rantau tersebut.

Kalau kita ingin menyempitkan dengan pandangan bahawa Syiah semestinya radikal. Itu adalah pandangan yang salah. Syiah semestinya ekstrem, Syiah melibatkan keganasan. Itu adalah suatu pandangan yang salah. Ini kerana banyak gerakan-gerakan yang dikaitkan dengan keganasan seperti Al-Qaeda misalnya, itu bukannya Syiah. Tentang berapa keganasan yang berlaku di Indonesia misalnya, itu bukannya Syiah. Dan, keganasannya juga tidak boleh dikaitkan dengan Islam semata-mata kerana terdapat juga keganasan yang dikaitkan dengan agama lain seperti yang berlaku di Ireland, berlaku di Sepanyol dan berlaku di tempat yang lain.

Jadi, kalau hendak tanya tentang siapa yang lebih bahaya, itu adalah subjektif dan saya rasakan yang berbahaya pada orang Islam di negara ini ialah PAS itu sendiri. Terima kasih.... [Ketawa]

**5. Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan supaya tanah adat bumiputera (NCR land) di Sarawak boleh dibangunkan oleh pemiliknya sendiri secara estet kecil dengan perusahaan ladang sawit, ladang getah, kebun buah-buahan dan lain-lain dengan menggunakan bantuan kerajaan yang telah dilancarkan oleh kementerian dalam tahun 2005.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kanowit iaitu mengenai pembangunan tanah adat ataupun NCR land, dengan izin, *Native Customary Rights*, golongan bumiputera di Sarawak, ingin saya maklumkan bahawa ianya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersedia membantu melaksanakan pembangunan tanah adat dengan tanaman kelapa sawit dan tanaman getah sekiranya isu berkaitan telah diselesaikan dan mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat. Itulah masalah yang kita hadapi di Sarawak, sebab apabila geran diperlukan untuk permohonan bantuan Kementerian Kewangan ataupun subsidi benih, geran tanah itu sudah menjadi *exclusion clause* kepada permohonan itu. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mencari jalan lain supaya bumiputera di Sarawak yang mempunyai tanah NCR itu dapat diberi bantuan secara kewangan ataupun secara subsidi yang selalu disebut-sebutkan oleh kerajaan pada masa ini.

Sebab saya melihat kalau kita memerlukan luluskan geran itu, ia menjadi masalah kepada mereka ini. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk apabila tanah itu diiktiraf oleh ketua kampung ataupun pegawai daerah sebagai status NCR dan tidaklah perlu supaya ianya perlu diberi kelulusan oleh Jabatan Tanah dan Ukur, sebab apabila ia sampai ke jabatan itu, permohonan itu akan terbantut. Minta penjelasan.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kanowit di atas soalan itu. Kita memang akui bahawa ada masalah di negeri Sarawak berkenaan dengan geran tanah. Oleh kerana tanah-tanah tersebut tidak ada batu sempadan, dan bila kita masuk dalam perbincangan dengan tuai atau penghulu, ada macam-macam masalah, macam-macam *claim* di antara ahli-ahli

keluarga tetapi Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini dan kepada Yang Berhormat untuk menggalakkan lebih ramai pekebun kecil yang memiliki tanah NCR di Sarawak mendapat kemudahan seperti Skim Pinjaman Mudah atau Skim Bantuan Anak Benih Sawit dan juga bantuan-bantuan untuk getah.

Kita pun telah menubuhkan satu jawatankuasa kerja Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa Sawit di Sarawak. Ini telah dibentuk oleh KPPK. Jawatankuasa ini terdiri daripada KPPK, Lembaga Pembangunan Lindungan Tanah di Sarawak (LCDA), MPOB, Bank Pertanian Malaysia, Jabatan Tanah dan Survey Sarawak, Jabatan Pertanian Sarawak dan wakil pekebun kecil. Jawatankuasa akan menimbang cadangan supaya LCDA mengetuai pembangunan projek kelapa sawit di tanah NCR dan bersedia menjadi penjamin pinjaman mudah. Pihak MPOB akan membantu mengenal pasti kawasan dan bantuan lain seperti bantuan Benih Tanaman Integriti dan bantuan Intensif Sistem Tanaman Dua Baris Berkembar.

Tuan Yang di-Pertua, pihak KPPK bersiap sedia jika kerajaan negeri bersetuju sesiapa pun seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, pegawai daerah atau sesiapa pihak berkuasa, boleh menjadi penjamin atau mengakui bahawa ini adalah tanah yang sah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah yang telah diceritakan oleh tadi begitu elok tetapi saya nampak proses ini memang akan berpanjangan. Pada masa yang lepas, kita telah memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman itu. Seperti kita beri pada orang yang menanam padi, kita beri bantuan baja, bantuan benih. Boleh atau tidak kementerian mencadangkan menggunakan kuasa tuai rumah, ketua kampung, penghulu, pemancar ataupun temenggung? Ini kerana apabila LCDA pun turun ke padang, mereka juga menggunakan *judgment* temenggung, pemancar dan penghulu untuk menentukan siapa pemilik tanah itu. Jadi bolehkah kita beri bantuan terus cara itu supaya bumiputera minoriti di Sarawak ini nasib mereka akan terjamin. Kalau melalui yang telah dicadangkan saya rasa sampai hari kiamat pun mereka akan terus dalam belunggu kemiskinan. Sekian.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat tadi di atas soalan seperti mana saya katakan tadi kementerian bersiap sedia menerima sesiapa pun mengakui tanah mengesahkan tanah tersebut tetapi kita harap tidak bercanggah dengan dasar kerajaan negeri so jika kerajaan negeri bersetuju kita pun siap sedia dan boleh saya katakan di sini Tuan Yang di-Pertua cadangan Yang Berhormat nampak satu cadangan yang sangat baik dan saya menjamin saya akan membawa balik kepada kementerian saya kepada Yang Berhormat Menteri kita boleh bincang dengan lebih teliti. Sekian Terima kasih.

**6. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:

- (a) sejak tarif elektrik dinaikkan 12% pada 1 Jun 2006, berapakah tambahan hasil yang diterima oleh TNB bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2006 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2005; dan
- (b) adakah rebat telah diberikan kepada bil pelanggan berikutan kejadian gangguan bekalan, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Semenjak tarif elektrik dinaikkan pada 1 Jun 2006 peningkatan dan hasil yang diperolehi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah sebanyak RM145.7 juta atau 9.67% pada bulan Jun 2006 berbanding dengan Jun 2005. Bagi bulan Julai 2006 peningkatan adalah sebanyak RM218.3 juta atau 14.9% berbanding dengan Julai 2005. Saya ingin memohon maaf kerana tidak dapat memberi maklumat tentang jualan elektrik bagi bulan Ogos memandangkan data tersebut hanya dapat disediakan pada pertengahan bulan September.

Saya juga ingin menjelaskan hasil jualan elektrik ini bukan sahaja disebabkan kadar elektrik yang telah meningkat semata-mata tetapi juga disebabkan peningkatan dalam jumlah jualan elektrik yang meningkat pada tahun ini berbanding dengan jumlah yang sama pada 2005. Contohnya jumlah jualan elektrik dalam kilowatt joule pada bulan Jun 2006 menunjukkan peningkatan sebanyak 3.79% berbanding dengan jumlah jualan elektrik pada bulan Jun 2005. Begitu juga pada bulan Julai 2006 terdapat peningkatan sebanyak 3.02% berbanding dengan Julai 2005.

Bagi menjawab soalan,

- (b) Mengenai rebet kepada pengguna sekiranya berlaku gangguan elektrik sukacita saya ingin menjelaskan bahawa Seksyen 17(3) Akta Bekalan Elektrik 1990 memperuntukkan bahawa pemegang lesen adalah bertanggungjawab membayar pampasan kepada pengguna sekiranya gangguan bekalan elektrik berlaku atas kecuaiannya pemegang lesen. Dalam kes ini TNB, sehubungan dengan itu TNB hanya akan membayar pampasan atau rebet kepada pengguna sekiranya gangguan bekalan elektrik tersebut berlaku disebabkan oleh kecuaiannya TNB. Akta Bekalan Elektrik 1990 tidak menetapkan sebarang peruntukan bagi pembayaran rebet kepada pengguna melainkan pembayaran pampasan bagi kes kecuaiannya pemegang lesen seperti yang dinyatakan tadi.

Sehubungan dengan itu TNB tidak memberikan sebarang rebet kepada pengguna pada tempoh 1 Jun 2006 sehingga sekarang. Pemberian rebet sebanyak 10% oleh TNB berikutan kejadian gangguan bekalan elektrik pada bulan Ogos 1996 adalah secara sukarela dan bukan disebabkan kecuaiannya TNB atau kehendak undang-undang. Bagi tempoh sepanjang 1 Jun 2006 hingga sekarang memang terdapat beberapa gangguan bekalan elektrik tempatan di kawasan-kawasan yang sedang mengalami pembangunan. Walau bagaimanapun, gangguan-gangguan ini kebanyakan berpunca daripada ketidaksengajaan pihak ketiga yang mengorek kabel bawah tanah TNB semasa menjalankan kerja-kerja pembinaan.

Terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan timbalan menteri itu bererti kenyataan menteri tempoh hari itu semasa beliau mengumumkan kenaikan tarif bersamaan janjinya sendiri bahawa jika berlaku gangguan bekalan, pengguna-pengguna akan diberikan rebet. Ini adalah satu jaminan menteri. Walau bagaimanapun, daripada jawapan timbalan menteri itu ia bererti kenyataan menteri ini adalah satu dusta, satu pembohongan untuk mengelirukan rakyat. Untuk membuat rakyat gembira semasa mendengar berita-berita buruk mengenai kenaikan tarif. Saya memang dukacita kerana walaupun pengguna-pengguna tidak berasa terperanjat bahawa kenyataan ini tidak berasas, tidak akan menjadi satu hakikat kerana janji kosong adalah amalan kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Soalan saya ialah sejauh manakah pengguna-pengguna telah... Sejak kenaikan tarif sejauh manakah pengguna-pengguna telah bertindak untuk mengurangkan penggunaan elektrik untuk mengelakkan caj tambahan 12% itu. Adakah kajian atau tidak dan kenaikan tarif itu berpunca TNB berhutang besar dan ingin saya tahu ekoran kenaikan tarif dan tambahan *revenue* oleh TNB macam mana kedudukan hutang TNB sekarang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri jawab.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Cheras. Pertamanya saya ingin menyangkal kenyataan Yang Berhormat yang mengatakan Yang Berhormat Menteri menipu. Kerana sememangnya benar kita boleh, TNB akan dikenakan tindakan ataupun dikenakan rebet sekiranya Suruhanjaya Tenaga mendapati kecuaiannya berlaku di pihak TNB dan menyebabkan pengguna tenaga elektrik mengalami kerugian itu yang pertamanya. Berhubung dengan dari segi kesan kepada orang ramai pada hari ini sebab kenaikan itu baru dalam masa dua bulan lebih maka tidak ada lagi kajian yang menunjukkan berapakah yang dapat dijimatkan berhubung dengan penggunaan elektrik.

Cuma ingin saya nyatakan bahawa Suruhanjaya Tenaga sedang rancak melancarkan kempen-kempen penjimatan elektrik yang mana kalau Yang Berhormat lihat atau menonton TV ataupun di akhbar-akhbar termasuk juga di radio-radio banyak juga kempen-kempen penjimatan elektrik berlaku pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ini jelas pembangkang dia tidak tahu baca apa dia kecuaiannya itu. [*Dewan riuh*] Betul ya. Lain kali baca dulu. Yang penting baca undang-undang dulu. Yang pertama sekali Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengatakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat mengenai tarif elektrik yang telah dinaikkan walaupun saya tahu 60% rumah dalam Malaysia ini tidak dikenakan kenaikan ini. Ini satu cadangan yang baik kepada rakyat Malaysia tetapi yang paling penting sekali ialah masalah di Tenaga Nasional mengenai tarif juga ada kaitan dengan IPP.

Ada usaha atau cadangan bahawa tarif atau kos *electricity* dari IPP ini akan didenda atau dibuka untuk Tenaga Nasional supaya minta satu tarif yang lebih kompetitif supaya akhirnya pengguna akan dapat menjimatkan tarif *electricity* ini ada di komersial ataupun di peringkat rumah. So, apakah sampai sekarang ini rancangan kementerian supaya tarif IPP ini didenda ataupun dibuka untuk supaya satu tarif yang lebih kompetitif di rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Suka saya nyatakan pada Yang Berhormat pada masa ini kerajaan telah memberi kebenaran kepada kementerian ini supaya mengadakan rundingan dengan pihak IPP supaya menyemak semula kos kapasiti yang dikenakan oleh IPP kepada Tenaga Nasional dan pada masa ini pihak Suruhanjaya Tenaga telah memulakan rundingan dan kita mengharapkan bahawa rundingan ini dapat diselesaikan mungkin pada hujung tahun atau awal tahun 2007 dan di masa yang sama untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Puchong kementerian ini juga tidak ada mengeluarkan lesen-lesen IPP yang baru.

Cuma di masa-masa yang akan datang kementerian merancang merencanakan kalau dipersetujui bahawa sekiranya di masa-masa yang akan datang sekiranya keperluan IPP ada maka ia akan diberi secara tender mana-mana syarikat yang rasa mereka ingin menyertai untuk menjadi *dependent power producer* mereka terpaksa *beat* harga yang bersesuaian dan di sana nilai kita akan menilai dari segi *economical* nya sebelum dianugerahkan lesen IPP kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk menyertai industri ini. Terima kasih

7. **Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [Jasin]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan sedar beberapa pertubuhan NGO dan pertubuhan awam lain memperolehi bantuan kewangan dari luar negara dan pernahkah kerajaan membuat siasatan mengejut terhadap akaun pendapatan dan perbelanjaan mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, setakat ini masih belum ada maklumat yang boleh dikaitkan bahawa ada NGO dan pertubuhan awam memperoleh bantuan kewangan dari luar negara. Setiap pertubuhan di negara ini dikehendaki mengemukakan laporan tahunan melalui Borang 9, yang mengandungi maklumat antaranya ialah perolehan sumber kewangan serta perbelanjaannya dan aktiviti yang dijalankan. Jika sekiranya sesuatu pertubuhan itu tidak mengisytiharkan bagaimana punca kewangan tersebut diperolehi maka pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia tidak akan dapat maklumat tersebut.

Dari segi perundangan Akta Pertubuhan 1966, membenarkan Pertubuhan NGO dan pertubuhan awam yang lain, memperoleh bantuan kewangan dari luar negara, asalkan ianya dibelanjakan mengikut tujuan dan perlembagaan pertubuhannya. Dan jika sekiranya terdapat aduan terhadap sebarang penyelewengan berhubung perakaunan, pendapatan dan perbelanjaan, mereka boleh disiasat oleh pihak Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Malah dalam hal ini jika ada aduan yang berunsurkan jenayah, maka pihak polis akan menjalankan siasatan, sehingga tindakan perundangan acara jenayah diambil. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih SUPAR. Kita ingin mengingatkan kepada kerajaan kerana kita lihat akhir-akhir ini banyak NGO yang bergerak di dalam negara kita, menghasut orang ramai, memburuk-burukkan kerajaan dan kalau kita lihat NGO-NGO ini, dari segi penghasilannya kita pun tahu kalau sekadar makan malam berapa dia dapat, tetapi tengok lihat dia bergerak, seolah-olah nampak, menampakkan bahawa mereka dapat bantuan daripada luar. Dan soalan saya yang terakhir ini Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini tersebar dalam SMS, bahawa ada tertubuhnya Persatuan Melayu-Kristian. Bagaimana Kementerian melihat kebenaran penyebaran SMS ini? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan berhubung dengan perjalanan sesuatu persatuan, setiap persatuan dikehendaki mengemukakan laporan tahunannya dan di dalam laporannya antara yang penting ialah Borang 9 yang di dalamnya mestilah melaporkan penyata kewangan yang diperolehi sepanjang tahun, punca dan dari mana datangnya.

Jadi berdasarkan laporan setakat ini, tidak ada bukti atun pun penyata yang menunjukkan ada NGO mendapat sumbangan daripada luar negara. Namun begitu, kalau sekiranya Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang sah dan nyata, maka Yang Berhormat boleh melaporkan perkara ini kepada pejabat Pendaftar Pertubuhan ataupun kepada polis dan siasatan dan tindakan akan diambil. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang soalan yang kedua tadi, SMS tadi.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelbagai SMS disebarikan setiap hari. Jadi SMS ini mungkin ada kebenaran, mungkin tidak ada kebenaran tetapi rekod di Jabatan Pendaftar Negara telah disemak, kita ada 106,820 pertubuhan yang berdaftar dengan kerajaan setakat ini, dan tidak ada satu yang dikaitkan dengan Pertubuhan Melayu-Kristian. Dan tidak ada laporan yang sampai kepada kita setakat ini. Kalau Yang Berhormat mempunyai laporan yang jelas, sila laporkan kepada Pendaftar Pertubuhan, kita akan siasat dan ambil tindakan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih setiausaha Parlimen, terima kasih pelajar-pelajar daripada UUM Tuan Yang di-Pertua, mereka datang ke Parlimen kita. Tuan Yang di-Pertua.... [Terbatuk-batuk] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kurang sihat.

Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tadi Yang Berhormat cerita fasal belanjawan dan sebagainya tetapi sudah tentu Kementerian mempunyai satu mekanisme bagaimana kita hendak mengawal NGO-NGO yang bergerak. Kerana kita sedar bahawa ada NGO-NGO yang diperalatkan oleh negara-negara barat untuk mengucar-ngacirkan negara kita, menjadikan ekonomi negara kita kucar-kacir, dan juga menggugat kestabilan politik negara kita.

Jadi kalau kita tidak ada kaedah dan juga mekanisme untuk kita melihat dan mengkaji satu demi satu NGO yang wujud ini, mungkin satu hari nanti NGO ini akan menjadi dalang kepada barat untuk mengganggu-gugat kestabilan politik, keharmonian dan juga kesejahteraan negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih. Di pihak Jabatan Pendaftar Pertubuhan sendiri kita mempunyai 280 orang pegawai termasuk 50 orang pegawai di ibu pejabat. Di mana daripada 280 pegawai ini, kita ada bahagian penguatkuasaannya. Dalam operasi harian kita, kita menjalankan tinjauan dan juga pemeriksaan mengejut. Pada

tahun ini sahaja kita telah mengadakan sebanyak 635 pemeriksaan mengejut, di mana 136 di buat oleh ibu pejabat dan 599 pemeriksaan mengejut dibuat oleh pihak negeri.

Di samping itu, kita juga telah menjalankan siasatan aduan sebanyak 148 pada tahun ini dan lima kertas siasatan sedang diadakan. Bagi menentukan semua pertubuhan-pertubuhan yang ada dalam negara kita berjalan berdasarkan peraturan dan perlembagaan yang telah ditetapkan, maka pemeriksaan-pemeriksaan ini akan menentukannya dan juga laporan tahunan yang dikemukakan. Di samping itu, pihak Polis Diraja Malaysia juga mempunyai bahagian yang bertugas atau bertanggungjawab untuk menentukan dan memastikan perjalanan persatuan-persatuan ini sentiasa berada di atas landasan perlembagaan dan peraturan mengikut undang-undang negara. Terima kasih.

*[Soalan No. 8 - Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) tidak hadir]*

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jerlun tidak ada di sini, tetapi saya menganggapan soalan ini penting, jadi mengikut Peraturan Mesyuarat 24, saya ingin kalau dipersetujui oleh Tuan Yang di-Pertua, untuk *adopt this question*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak perlulah ya, kita teruskan kepada soalan seterusnya. Yang Berhormat bagi Puchong.

**9. Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan penggunaan meter air berasaskan plastik sebagai langkah menangani kecurian meter air besi, justeru adakah kerajaan bercadang untuk membuat pemasangan meter air secara berasingan bagi pangsapuri pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada dasarnya kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan penggunaan meter air berasaskan jenis bahan pembuatan, contohnya plastik dan logam. Dasar yang diamalkan sekarang ialah supaya pihak-pihak berkuasa air negeri menggunakan meter-meter air yang mematuhi standard antarabangsa yang ditetapkan. Standard yang diguna pakai di negara ini ialah MS ISO 4064 atau BS 5728, untuk meter air sejuk.

Antara parameter yang ditetapkan oleh standard ini dan perlu dipatuhi oleh PBAN iaitu pihak berkuasa air negeri ialah meter tersebut hendaklah dapat memberi bacaan penggunaan air yang tepat sepanjang jangka hayatnya. Mempunyai daya ketahanan dan mempunyai reka bentuk yang memudahkan bacaan meter. Sehubungan dengan itu, kerajaan tidak ada halangan sekiranya ada pihak berkuasa air negeri bercadang untuk menggunakan meter air yang berasaskan plastik yang boleh mengurangkan kadar kecurian meter air, asalkan meter jenis tersebut melepasi ujian pematuhan kepada standard yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemasangan meter-meter individu bagi pangsapuri dan flat kos rendah pihak berkuasa negeri pada dasarnya telah memberikan persetujuan untuk melaksanakan dan seterusnya mengenakan cas berdasarkan blok penggunaan.

Bagi pangsapuri dan flat kos rendah di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, pihak SYABAS telah bersetuju dan sedang dalam peringkat awal pelaksanaan kaedah tersebut. Sebagai langkah percubaan, SYABAS akan melaksanakan satu projek perintis pemasangan meter individu di sebuah pangsapuri KLH Condo di Puchong, Selangor.

Dengan pemasangan meter ini, pengguna-pengguna di pangsapuri tersebut akan dibilkan berdasarkan tarif air berpandukan blok penggunaan. Walau bagaimanapun, para pengguna masih perlu membayar penggunaan air guna sama seperti kolam renang serta kemudahan-kemudahan lain. Jika ada kerja-kerja penyelenggaraan mengikut kadar yang dikenakan oleh jawatankuasa pengurusan pangsapuri tersebut. Kementerian ini menjangka negeri-negeri lain akan mengambil

tindakan yang sama dan perkara ini memerlukan masa untuk dilaksanakan sepenuhnya. Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengalu-alukan Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk mencegah kecurian meter yang telah berleluasa terutamanya di kawasan Lembah Klang ini. Sebagai soalan tambahan saya mengenai tarif air yang telah diperkenalkan kepada penghuni-penghuni pangsapuri, setakat ini bagi saya terutama di Lembah Klang ini ataupun di Selangor ini, cara ataupun kaedah untuk kita meng *impose*, dengan izin, kadar air ini di dalam pangsapuri adalah sangat keliru.

Sebagai contoh, di kawasan saya iaitu Menara KLH ini di mana ada satu blok komersial dan satu blok *residential*, tetapi kadar air yang telah dikenakan adalah kadar air komersial. Maka ini telah menimbulkan banyak masalah kepada mereka. Soalan tambahan saya adalah melalui Kementerian dengan kerjasama dengan negeri ataupun *concessionaire*, bilakah Kementerian betul-betul untuk menyelesaikan masalah ini supaya penghuni-penghuni pangsapuri ini sanggup mendapat satu kadar air yang berpatutan dan juga adil kepada mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, Kementerian amat sedar dan amat peka tentang masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni rumah kondominium kerana kadang-kadang ada pihak yang mengurus selia kondominium ini mereka mengambil kesempatan mengenakan caj yang tinggi kerana kononnya kos kolam renang dan sebagainya. Sekiranya penghuni ini tidak bayar, mereka buat pemotongan. Oleh sebab itu, Kementerian telah mencadangkan supaya diadakan satu *pilot project* di kawasan Yang Berhormat yang mana diadakan meter individu bagi setiap penghuni-penghuni rumah kondominium ini. Dalam masa yang sama, satu bil untuk *bulk* yang digunakan secara bersama.

Saya yakin projek ini saya difahamkan telah berada di peringkat akhir yang mana saya difahamkan telah mula dipanggil runding harga dari segi perbekalan meter kepada *condo* ini, dan insya-Allah ia akan berjalan dalam masa yang terdekat ini dan kita akan melihat sendiri bagaimana kesannya dan kita mengharapkan supaya kondominium-kondominium lain di Klang Valley dan di seluruh negara ini mengikuti program ini dan mencontohi bagaimana program ini dijalankan di tempat Yang Berhormat bagi Puchong. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, akhirnya. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, dunia sudah berubah. Teknologi tinggi pun berubah, canggih. Jadi, apakah kerajaan dan Kementerian berhasrat untuk menaik taraf bukan sahaja meter air bahkan kalau boleh pembayaran air pun melalui prabayar ataupun *prepaid card*. Jadi dia boleh *top-up*. Sebab sekarang ini, kerajaan tempatan dan pembekal-pembekal air sibuk memotong paip air, talian dan sebagainya. Kalau dia pakai prabayar, tidak payah potong. Kalau dia tidak *top-up*, dia tidak ada air.

Jadi ini memudahkan kerajaan, tidak ada yang rugi dan ada juga orang yang boleh memulakan perniagaan baru. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Apakah Kementerian bercadang untuk mengikut perubahan dunia ataupun kita berhenti dengan dunia yang ada pada kita?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih. Saya ingat tadi Yang Berhormat pakai *bow tie*, saya ingat sebagai penyanyi. Terkejut Yang Berhormat bagi Kinabatangan bergaya hari ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa ini kita akan menunggu penubuhan SPAN dilaksanakan pada awal tahun hadapan, insya-Allah 1.1.2007, pelaksanaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Kita mengharapkan apabila ada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, mereka sendiri akan menerima segala pandangan positif sama ada daripada pemain-pemain dalam industri air ini termasuk juga pandangan-pandangan positif daripada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk orang ramai.

Sebab itu kita ada satu Forum Air, forum pengguna yang mana kita akan memberi kebenaran kepada orang ramai supaya ada *access* dalam *website* ini dan

mereka boleh bagi pandangan-pandangan yang bernas supaya boleh diambil kira oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini untuk kebaikan orang ramai. Berhubung dengan teknologi, sekiranya teknologi itu baik, kita akan pertimbangkan sebaik mungkin asalkan memberi kepuasan kepada orang ramai dan kita dapat menikmati mutu air yang lebih berkualiti di masa akan datang. Terima kasih.

**10. Tuan Che Azmi bin Haji A. Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan, daripada senarai 880 projek dalam RMK-9 yang diumumkan baru-baru ini untuk ditender dan dilaksanakan segera, berapakah yang akan ditawarkan secara runding terus dan ditender secara terbuka. Adakah kerajaan beranggapan pendekatan runding terus satu pendekatan yang lebih baik dan *cost effective* berbanding pendekatan secara tender terbuka. Adakah Agenda Nasional akan terhalang sekiranya projek-projek dalam RMK-9 ditawarkan berasaskan 'ambil hati' bukan kepada 'prestasi'.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Nerus. Tuan Yang di-Pertua, semua 880 projek yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini akan dilaksanakan secara tender. Arahan mengenainya telah pun dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan kepada semua kementerian pada 1 Julai 2006. Kerajaan juga telah menetapkan peraturan bahawa projek-projek yang ditetapkan untuk ditender tidak boleh dilaksanakan secara runding terus.

Dalam menjadi dasar kerajaan, bahawa semua projek kerajaan melebihi RM200 ribu akan dilaksanakan secara tender. Pemberian kontrak adalah berlandaskan kaedah penilaian sistematik yang menitikberatkan keupayaan kewangan dan teknikal syarikat-syarikat berasaskan prinsip-prinsip perolehan seperti ketelusan, saingan terbuka, nilai faedah terbaik, adil dan saksama serta berlandaskan *accountability* awam. Pendekatan secara runding terus hanya dilaksanakan sekiranya projek berkenaan memerlukan kepakaran yang khusus atau projek yang strategik yang melibatkan keselamatan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, apa jadi kepada projek-projek yang telah diberi surat minat ataupun LI. Yang keduanya, minta tolong jelaskan mekanisme pelaksanaan PFI.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, LI ataupun *Letter of Intent* adalah satu surat yang belum lagi ada perjanjian. Cuma *Letter of Intent* sahaja. Jadi kebanyakannya adalah dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Setakat ini ada yang diteruskan dan ada yang tidak diteruskan. Jadi kerana tidak ada perjanjian yang muktamad, tidak ada *award*, LOA belum ada lagi. Jadi kerajaan dalam keadaan tertentu boleh *terminate*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai dengan PFI, kerajaan akan menubuhkan satu syarikat PFI Sdn. Bhd. dan projek-projek ini akan dilaksanakan mengikut kadar biasa juga tetapi cuma sumber kewangannya adalah daripada PFI Sdn. Bhd. ini. Maknanya PFI Sdn. Bhd. akan mendapatkan dana daripada sumber-sumber seperti EPF, KWAP dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kerajaan sendiri akan tubuhkan syarikat yang disebut sebagai PFI Sdn. Bhd. dan projek-projek akan dilaksanakan seperti biasa, Tuan Yang di-Pertua, melalui proses tender juga. Terima kasih.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. Daripada projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan, 346 projek yang berjumlah nilainya RM19.6 bilion telah gagal disiapkan. Apakah jaminan dan kaedah yang hendak digunakan supaya semua 880 projek yang ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat berjalan lancar dan bagaimana sistem-sistem pemantauannya? Bagaimanakah kaedah-kaedah yang mesti boleh menjamin keberkesanan kejayaan itu?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan itu. Memang sudah ada kerajaan..., Kementerian Kewangan telah mengeluarkan peraturan kepada semua kementerian dan seperti biasa peruntukan *warrant* telah dikeluarkan, biasanya dikeluarkan pada hujung tahun. Daripada Kementerian Kewangan kepada kementerian masing-masing dan kementerian masing-masing akan keluaran *sub warrant* kepada agensi masing-masing pula. Dalam hal ini JKR dan JPS diberi tugas utama untuk menjalankan projek-projek ini tetapi yang pentingnya, Tuan

Yang di-Pertua, tiap-tiap kementerian hendaklah hantar dia punya *project brief* dan juga pastikan tapaknya ada.

Kalau mana-mana projek yang belum ada mesti tanggungjawab kementerian masing-masing untuk pastikan ada projek *brief*nya, cadangan mereka. Kementerian masing-masing mesti buat cadangan kepada JKR ataupun JPS dan berserta dengan tapaknya sekali. Kalau ada itu memang akan dipercepatkan dan mulai sekarang hanya JKR dan JPS sahaja yang diberi tugas untuk melaksanakan projek-projek dan JKR diberi kuasa untuk melantik konsultan-konsultan Tuan Yang di-Pertua. Tidak lagi macam dahulu menggunakan kaedah PMC. PMC banyak melibatkan projek-projek terbelengkalai.

Sebab itu hari ini semua projek hendaklah dibuat di bawah JKR dan JPS dengan melalui proses tender masing-masing dan mereka diberi kuasa untuk melantik konsultan masing-masing. Bagi projek-projek yang di bawah daripada RM5 juta maka agensi sendiri boleh tetapkan, boleh panggil tender dan uruskan sendiri projek-projek sendiri. Tuan Yang di-Pertua, bagi konsultasi dengan izin ke bawah daripada RM1 juta juga boleh melantik sendiri tidak perlu rujuk kepada JKR ataupun Kementerian Kewangan Tuan Yang di-Pertua.

**11. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempertingkatkan mutu pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS dan sama ada mutu para graduan di IPT semakin merosot.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian sentiasa berusaha memastikan kursus pengajian negara yang ditawarkan oleh IPTS dan IPTA tempatan adalah berkualiti serta mampu mengeluarkan tenaga kerja yang bermutu dan menepati kehendak pasaran semasa.

Bagi memastikan graduan yang dikeluarkan oleh IPT bermutu tinggi serta relevan dengan kehendak pasaran, ilmu pengetahuan yang diberikan kepada pelajar IPT sentiasa dikemas kini dan disesuaikan dengan keperluan semasa dan usaha yang dilaksanakan untuk menghasilkan graduan yang bermutu tinggi serta mampu bersaing di pasaran kerjaya, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut.

- (i) pelaksanaan pembelajaran berasaskan hasil ataupun *learning outcome* dengan izin yang menekankan pembangunan holistik kompetensi pelajar dan menekankan orientasi kerjaya yang jelas dalam setiap program pengajian. Antaranya seperti pengetahuan, kemahiran praktikal, kebolehan intelektual seperti menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, komunikasi dan kepimpinan, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, nilai etika dan profesionalisme, tanggungjawab sosial dan keusahawanan dan pengurusan. Pelaksanaan sistem ini akan dikukuhkan lagi dengan pelaksanaan kerangka kelayakan Malaysia melalui agensi kelayakan Malaysia ataupun MQA (*Malaysian Qualification Agency*) dengan izin;
- (ii) pembangunan kurikulum pengajian yang relevan dengan keperluan semasa dan akan datang dilaksanakan melalui semakan dan penilaian semula kurikulum dan pengendaliannya secara berterusan;
- (iii) pelaksanaan kurikulum yang mendedahkan pelajar dengan bidang-bidang lain seperti penawaran program *dwi-major* ataupun *double major*, subjek-subjek *minor* dan *elective* dan lain-lain. Ini bagi meluaskan lagi bidang yang boleh diceburi oleh siswazah setelah menamatkan pengajian;
- (iv) perwujudan dan peningkatan program latihan industri kepada pelajar melalui jaringan hubungan dengan industri. Ia sebenarnya menjadi platform penting kepada pelajar untuk

mempromosi diri bagi mendapatkan pekerjaan di mana mereka ditempatkan selain mendapatkan pengalaman dan pendedahan mengenai alam pekerjaan. Program ini juga akan memupuk jalinan kerjasama yang baik antara IPT dengan pihak industri dari masa ke semasa; dan

- (v) menggalakkan pelajar supaya bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum bagi meningkatkan elemen *soft skill*, daya kepimpinan, kemahiran komunikasi, *interpersonal skill*, dengan izin, dan sebagainya. Nilai-nilai tambah ini meningkatkan keyakinan diri pelajar serta menjadikan mereka lebih *marketable*.

Kementerian berkeyakinan pelaksanaan langkah yang disebutkan tadi mampu memastikan pelajar yang dihasilkan oleh sistem pendidikan tinggi negara bukan sahaja bermutu tinggi tetapi juga berdaya saing dan memenuhi keperluan industri justeru itu mutu graduan kita tidaklah merosot. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Setiausaha Parlimen panjang lebar mengenai langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan mutu pelajar tetapi saya perhatikan bahawa tidak disebut langsung mengenai mutu-mutu guru, mutu pensyarah, mutu-mutu dekan, mutu-mutu canselor dan sebagainya. Apakah kita boleh meningkatkan mutu pelajar kalau golongan yang paling penting kita tidak memperkatakan tentang mutu mereka.

Saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua kerana saya melihat perkara ini penting dan saya juga merujuk kepada kenyataan Menteri Pengajian Tinggi tentang perlunya juga kita mengambil pensyarah-pensyarah daripada semua bangsa dan sebagainya. Saya melihat di IPTA khususnya pensyarah-pensyarah bukan Melayu kekurangan dan dekan-dekan saya nampak hanya dekan fakulti undang-undang sahaja seorang Cina dan saya melihat saya dahulu di sekolah guru-guru yang baik yang mengajar saya bukan sahaja orang Melayu tetapi guru-guru bangsa lain. Gubarath Singh misalnya guru yang terbaik melalui pengalaman saya.

Jadi saya ingin bertanya apakah kerajaan ingin melihat dalam usaha kita meningkatkan mutu ini kita lebih terbuka dan lebih mampu mengambil tindakan-tindakan yang mungkin memerlukan cadangan-cadangan yang lebih progresif. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Pihak Kementerian mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat untuk memastikan mutu graduan kita bertambah tambahan pula dengan adanya peningkatan mutu guru-guru, pensyarah, dekan-dekan, canselor ataupun naib canselor atau rektor di IPTA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan ke jawatan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, dekan-dekan adalah berdasarkan kepada keserjanaan dan kredibiliti akademik calon-calon berkenaan dan juga mereka telah menunjukkan pencapaian dalam lapangan masing-masing serta mempunyai cabang pimpinan yang cemerlang.

Justeru itu, kita bukan sahaja melihat kepada aspek yang disebutkan tadi tetapi demi memastikan mutu pensyarah dan juga mutu tenaga pengajar kita meningkat setiap kali kita mempunyai laporan pemeriksa luar dalam bidang-bidang tertentu daripada pensyarah-pensyarah ataupun tenaga akademik luar yang akan membuat penilaian pengendalian kursus dilakukan oleh tenaga pengajar kita. Di samping peningkatan jumlah pensyarah-pensyarah dan juga tenaga akademik yang mempunyai kelayakan Ph.D. dalam masa RMK-9 ini akan ada peningkatan sebanyak 60% sehingga tahun 2010.

Ini sebenarnya akan meningkatkan lagi keupayaan guru-guru kita dalam menandingi dan juga mengeluarkan produk-produk pelajar-pelajar kita atau mahasiswa kita yang lebih bermutu dan pada ketika ini kita mendapati bahawa keupayaan tenaga pengajar telah pun dibuktikan dengan kajian *tracers study* yang dilakukan oleh universiti kita sejak tahun 2004, 2005 dan kini dengan kerjasama UPU menunjukkan bahawa 60% graduan kita mendapat pekerjaan dalam masa enam bulan selepas bergraduan. Ini petanda menunjukkan mutu graduan IPT kita adalah setanding dengan keperluan antarabangsa. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang jawapan daripada Yang Berhormat tadi banyak idea yang saya berharap dapat dihayati dan diamalkan. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat sebutkan daripada 60% itu dianggap pelajar yang baik dan apakah terjadi dengan 40% lagi dan bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana Jawatankuasa Transformasi selepas laporan pengajian tinggi yang diadakan Jawatankuasa Transformasi. Apakah peranannya untuk meningkatkan mutu kualiti pengajar dan kualiti pelajar.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Kajian *tracers study* yang dilakukan menunjukkan bahawa 60% di kalangan graduan semasa enam bulan, graduan mereka telah mendapat kerja. Pecahan kepada 40% ialah 15% daripada mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan selebihnya mereka masih mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka.

Bagi kemajuan kerja Jawatankuasa Transformasi Pengajian Tinggi Malaysia, kita telah menetapkan bahawa kita mengambil kira untuk mengemaskinikan laporan yang telah dilaporkan melalui Laporan Zahid dan antara yang dilakukan ialah memastikan bahawa strategi pendidikan tinggi negara kita menyokong lima teras utama Rancangan Malaysia Kesembilan dan kita mendapatkan input daripada Kementerian Pelajaran untuk mantapkan laporan dengan mengaitkan pengajian tinggi dengan pengajian di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Selanjutnya kita mengukuhkan strategi Malaysia dalam dunia pengajian tinggi global dan antarabangsa dan memberi perhatian kepada strategi-strategi pendidikan bagi menyokong *knowledge-based economy* dengan izin. Jawatankuasa ini telah pun hampir kepada kemajuan terakhir dan insya-Allah laporan bagi kerja ini akan dapat kita kemukakan di Parlimen pada satu masa yang ditetapkan. Terima kasih.

**12. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:

- (a) usaha kementerian untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam terutama sekali sikap segelintir pemandu teksi yang biadab, tidak berintegriti dan yang menipu penumpang terutama sekali pelancong asing; dan
- (b) apakah tindakan kementerian terhadap pemandu yang bekerja sementara dan pemandu warganegara asing yang bekerja sebagai pemandu teksi di syarikat-syarikat teksi di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam usaha untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam, pertama sekali bagi menangani sikap segelintir pemandu teksi yang tidak beretika dan berdisiplin termasuk kepada pelancong asing, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau MECD melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah merangka pelan tindakan dan program-program bagi meningkatkan kualiti pengangkutan awam. Antaranya ialah:
  - (i) mengadakan kursus untuk pemandu pengangkutan awam termasuklah teksi dan kursus-kursus ini diadakan di serata negeri di Malaysia dan sehingga daripada Februari 2005 sehingga kepada 27 Jun tahun ini, seramai 4,382 pemandu teksi dan pengangkutan awam telah pun diberikan kursus;
  - (ii) menerbitkan Buku *Kod Etika Pemandu Pengangkutan Awam*;
  - (iii) mewujudkan sistem aduan awam melalui telefon dan juga SMS;

- (iv) mengadakan dialog dengan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam yang terlibat; dan
  - (v) menjalankan penguatkuasaan dari masa ke semasa dengan kerjasama JPJ dan juga pihak polis.
- (b) LPKP sentiasa mengambil tindakan tegas ke atas kesalahan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu teksi tersebut. Bagi bulan Januari hingga Julai 2006, LPKP telah membuat tangkapan sebanyak 700 kes. Daripada jumlah ini, sebanyak 104 kes diberi amaran, 266 kes dikenakan kompaun, 10 kes dibatalkan lesen, 281 kes masih dalam siasatan dan 40 kes ditutup. Bagi soalan yang kedua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemandu yang bekerja sementara adalah merupakan pemandu kedua atau pemandu ganti yang membantu pemandu pertama bagi menjalankan perkhidmatan sesebuah teksi. Kebenaran ini diberikan bagi membolehkan perkhidmatan teksi sentiasa memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Manakala bagi pemandu warga asing, LPKP membenarkan mereka yang bertaraf penduduk tetap sahaja yang telah mendapat lesen memandu perkhidmatan awam.

Semua pemandu teksi tersebut hendaklah berdaftar dengan LPKP dan memiliki kad pemandu. Sekiranya didapati mereka melanggar syarat pelesenan LPKP, tindakan boleh diambil terhadap mereka termasuk lesen mereka akan disenaraihitamkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPKP memberi kebenaran ini memandangkan syarikat teksi menghadapi masalah dalam mendapatkan pemandu dari kalangan warganegara tempatan yang berminat. Walaupun, kebenaran diberi kepada penduduk tetap, LPKP telah mengenakan syarat yang ketat supaya syarikat teksi memberi keutamaan kepada warga negara tempatan untuk bekerja sebagai pemandu teksi.

Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Soalan tambahan. Terima kasihlah kerana memberi jawapan tambahan yang saya bagi. Walau bagaimanapun, rancangan kementerian itu memang sudah disenaraikan tadi tetapi kesannya itu belum dapat dirasakan oleh orang ramai termasuk para pelancong dan para pengunjung di negara kita.

Soal penguasaan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin huraikan sedikit cerita ini. Ini pengalaman saya sendiri. Pada beberapa bulan yang lalu, saya tidak sempat mengambil nombor teksi yang sungguh biadab, yang memilih penumpang. Saya berbaris dan satu teksi datang. Saya buka pintu dan dia bilang, "Tidak boleh". Dia tunjuk satu penumpang di belakang saya, yang saya rasa orang dari Arab. Jadi, saya bilang saya dahulu dan dia terus memacu ke hadapan bersama-sama pintu yang masih terbuka lagi. Jadi saya rasa ini tidak baik. Jadi, kalau ini berlaku kepada orang ramai, ini tidak baik dengan pemandu-pemandu teksi serupa ini.

Satu insiden lagi Tuan Yang di-Pertua, saya melawat di hospital. Pemandu teksi ini tidak mengambil penumpang kerana jam masa itu ada kesesakan jalan raya, dia tidak mahu lalu tempat itu, kecuali saya terpaksa bayar RM10. Saya bilang saya Ahli Parlimen, "Oh! Masuk, masuk, masuk". Begitu Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau ini berlaku dengan seorang Ahli Parlimen, maka saya rasa berlaku juga kepada orang ramai. Soal yang ketiga, di Sabah, ramai antara pemandu-pemandu ini saya rasa bukan warganegara Malaysia dan ini saya harap kementerian dapat... Untuk penjelasan, berapakah aduan yang diterima oleh kementerian sepanjang ini dan apa jenis kesalahan yang diadu?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan tentang sikap dan juga disiplin para pemandu teksi, maka inilah sebenarnya antara perkara-perkara yang ditekankan di dalam kursus yang

diadakan di seluruh negara daripada jumlah yang telah dinyatakan tadi dan selain daripada kita menekankan prinsip-prinsip kebersihan dan juga pematuhan terhadap disiplin dan juga perkara-perkara menekankan kepentingan keusahawanan di dalam modul kursus tersebut, maka Kementerian sentiasa memantau mengenai salah laku ataupun disiplin yang tidak dipatuhi oleh para pemandu teksi, termasuklah melalui aduan awam.

Jadi Yang Berhormat tadi ada menyatakan telah melalui pengalaman, saya yakin dan percaya, ramai juga yang telah mengalami masalah yang sama dan telah pun aduan dikemukakan dan tindakan telah pun dilaksanakan termasuklah menggantung lesen mereka. Mengenai soalan di Sabah yang dinyatakan tersebut, LPKP Sabah sentiasa mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Sekadar untuk maklumat umum, jumlah teksi yang ada di Sabah termasuk kereta sewa ialah 3,038 buah teksi dan 1,603 buah kereta sewa.

Bagi pemandu yang dinyatakan, saya telah jelaskan tadi mereka ini adalah pemandu kedua tambahan dan mereka adalah merupakan pemandu yang mempunyai lesen yang sah dikeluarkan oleh JPJ dan soal kerakyatan mereka adalah kemungkinan pada penglihatan Yang Berhormat adalah orang asing, tetapi mereka adalah penduduk tetap iaitu yang diiktiraf kewarganegaraan mereka untuk menginap dan menetap di negeri ini. Jadi untuk...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Penjelasan, penjelasan. Ini soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak payahlah.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Kalau seseorang pemandu itu tidak tahu berbahasa Melayu, adakah dia dianggap sebagai...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masa habislah, cukuplah.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Jadi, sebenarnya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menjawab soalan saya tadi. Soalan saya berapa aduan yang diterima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah. Salah peraturan itu. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya meneliti jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri juga mempunyai sedikit pengalaman dengan pemandu teksi warga asing. Walau bagaimanapun sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut tentang bahawa pihak kementerian dan juga Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ingin memastikan pihak syarikat memberi keutamaan kepada warga Malaysia untuk memohon menjadi pemandu teksi tetapi realitinya adalah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya Yang Berhormat? Masa tidak ada.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Syarikat menawarkan gaji yang lebih rendah maka bagaimanakah pihak kementerian ataupun lembaga dapat memastikan penduduk dan rakyat kita mendapat kerja dahulu berbanding dengan warga asing. Itu yang penting, bagaimana keutamaan dapat dipastikan supaya rakyat kita dapat diberi kerja dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan tersebut ialah bahawa pemandu yang kedua ini adalah khusus kepada syarikat-syarikat teksi yang beroperasi. Keutamaan diberikan penduduk tempatan yang mempunyai lesen dan yang berminat. Bagi memastikan dari segi kadar gaji ataupun elaun ataupun pendapatan yang diperolehi, setakat ini kita tidak ada statistik yang tepat dan tetap untuk berapakah sebenarnya kadar yang dimaksudkan.

Untuk itu maka bagi membolehkan kementerian menguatkuasakan perkara maka aduan kerjasama daripada orang awam adalah amat diperlukan. Sekiranya terdapat pemandu-pemandu teksi ataupun syarikat yang menyewa dan mengaji pemandu yang kedua ini yang tidak mematuhi peraturan termasuklah untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat petang tadi yang memilih penumpang dan sebagainya ini terserah kepada orang awam untuk membuat aduan dan kita akan mengambil tindakan berdasarkan kepada aduan tersebut. Dalam soal gaji dan kadar yang menarik minat penduduk tempatan untuk menjadi pemandu yang kedua ini, maka terserahlah kepada mereka untuk menceburinya. Terima kasih.

**[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PEMBAKARAN MAYAT RAFIE SYZWAN ABDULLAH**

**11.31 pagi.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya Sallahudin bin Haji Ayub, Ahli Parlimen bagi Kubang Kerian mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu pembakaran mayat Rafie Syzwan Abdullah di pusat pembakaran mayat di Jalan Kota Tinggi, Kulai Johor pada 5 September tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun isu ini telah berlaku pada 5 September 2006, ia bukan hujah untuk menyatakan ia tidak perlu untuk disegerakan. Isu ini telah berlaku satu insiden yang sangat tragik. Di mana kematian Rafie Syzwan Abdullah yang telah secara sah memeluk agama Islam lebih kurang 5 tahun yang lalu, yang mayatnya dibakar di sebuah pusat pembakaran mayat penganut agama Hindu di Jalan Kota Tinggi Johor.

Mahendran atau nama Islamnya Rafie Syzwan Abdullah 40 tahun, merupakan seorang peguam yang telah mengisytiharkan secara terbuka memeluk agama Islam 5 tahun yang lalu dan telah berkahwin dengan seorang saudara baru daripada Sarawak. Berdasarkan kepada kenyataan rasmi, ramai kenalan rapat beliau Rafie telah menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim bersama keluarganya dan juga diketahui umum oleh keluarga asal yang beragama Hindu. Persoalannya? Bagaimanakah urusan pengebumian beliau yang sepatutnya diurus mengikut amalan agama Islam boleh berakhir dengan pembakaran mayat beliau mengikut amalan agama Hindu. Siapakah pihak yang bertanggungjawab ini?

Isu yang sangat penting ini perlu untuk dibahas dan diberikan penjelasan oleh pihak berwajib di dalam Dewan yang mulia ini sebagai memenuhi tanggungjawab untuk memperjelaskan di mana berlakunya kecuaihan dan keterlibatan pihak yang mungkin secara sengaja mencabar dan mencampuri urusan agama orang lain khususnya perkara yang melibatkan urusan dan amalan penganut agama Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Islam ialah agama yang melarang keras penganutnya mencampuri hal ehwal yang melibatkan amalan dan agama orang lain. Saya ingin memperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini adalah terlalu mudah untuk isu ini dan seumpama ini pada masa yang akan datang menimbulkan dan mencetuskan suasana yang bakal menggugat keselamatan dan perpaduan negara.

Adalah wajar bagi Dewan yang mulia ini mendengar perbincangan usul ini secara rasional dan jawapan yang bakal diberikan oleh kementerian yang berkaitan supaya ianya dapat dijadikan satu panduan dan iktibar pada masa yang akan datang. Demi kita bersama berperanan menjaga, menghormati dan memastikan kestabilan negara dapat dipelihara dengan sewajarnya. Saya mohon mencadang, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima sesuatu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pada hari Isnin, 11 September 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu adalah perkara tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ini adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor, sama-samalah kita ikuti perkembangan. Oleh yang demikian saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

#### **DAN**

#### **USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." **[11 September 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat perbahasan ke atas belanjawan atau Bajet 2007 disambung dan saya jemput Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk menyambung ucapan.

**11.33 pagi.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain menyokong Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 1 September hari Jumaat yang lalu. Kita bersyukur ke hadirat Allah S.W.T, *alhamdulillah* negara dilimpahkan dengan rahmat dan nikmat setelah Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan dengan bajet RM200 bilion dan 1 hari bulan yang lalu pembentangan Bajet 2007 - RM154 bilion, saya yakin dan percaya negara kita rakyat negara ini akan dapat terus hidup dalam aman, tenteram, mewah dan penuh dengan kebahagiaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang akan disambung oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ingin hendak menyampaikan 8 perkara.... [*Dewan menjadi riuh seketika dengan sorakan*] Kalau tidak 'diganggu gugat' oleh sahabat rakan dan taulan... Saya rasa saya mampu memperjelasannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sekejap Yang Berhormat, termasuk bab membela wanitakah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Termasuk juga Tuan Yang di-Pertua. Selama ini saya pernah bercakap perkara-perkara yang jauh daripada Parlimen, yang di luar Parlimen yang ada kaitan juga dengan masalah rakyat tetapi hari ini saya nak memulakan ucapan saya ini Tuan Yang di-Pertua dengan menyentuh perkara yang sedang dihadapi oleh pegawai-pegawai kerajaan kita yang ada di dalam Dewan ini, yang ada di dalam Parlimen ini, yang ada di kementerian-kementerian yang selama ini diabaikan, diketepikan, tidak diambil perhatian yang serius iaitu pegawai-pegawai kontrak PTD N41. 'N' - 'nangka' 41.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** 'Nonok'.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Astaghfirullahalazim* Dato' Raja. Pegawai N41 kontrak ini Tuan Yang di-Pertua, dia mempunyai kelulusan, kepakaran, kebolehan sama seperti pegawai PTD tetapi dia secara kontrak, dia membuat kerja-kerja yang rahsia, yang membantu Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, membantu di Parlimen ini, membantu di kementerian-kementerian, membantu di agensi-agensi kerajaan. Dia punya perkhidmatan secara kontrak 2+1 atau 2+2, 2+3, setelah tamat kontrak ini dia akan jadi penganggur. SPA apabila dirayu tolak JPA, apabila JPA dirayu dia tolak SPA, mereka ini diketepikan. Tidak diberi perhatian sedangkan mereka yang telah beranak isteri atau bersuami, beranak....., betul tu bahasa saya tu?....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Betul, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Habis sahaja kontrak, dia menjadi penganggur sedangkan mereka telah pun berpengalaman sebagai pegawai-pegawai PTD yang menyimpan rahsia, yang membuat kerja-kerja kritikal dalam kementerian, mempunyai pengalaman. Apakah nak kita abaikan nasib mereka? Saya berharap kerajaan dan pemohon Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini nak mengisi kekosongan 30,000 jawatan dalam kerajaan. Saya berharap, saya merayu bagi pihak mereka - kedatangan Yang Berhormat Menteri Pertanian, dia ini dulu bos saya, saya kena hormatlah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekarang?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bos jugalah, sahabat. Naib Presiden UMNO. Ini masalahnya, tolonglah Tuan Yang di-Pertua, mereka ini telah pun diinterview berkali-kali, telah diberikan kursus berkali-kali, diberikan pendedahan dari segi perkhidmatan kerajaan, masak dah. Apakah nasib mereka kita biarkan? Dalam pengisian 30,000 ini saya harap tolonglah mereka dalam N41 kontrak ini diberikan tempat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ketereh, nak bagi jalan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ketereh, silakan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya 100% setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading, cuma saya nak tambah lada sikit. Sebenarnya perkara yang sama juga berlaku kepada guru sandaran dan guru sementara. Guru ini dah lama mengajar sebagai guru sementara dan guru sandaran tetapi bila dia pergi temu duga nak masuk KPLI kah, nak masuk maktab perguruan kah, IPG kah, yang baru pula yang masuk, yang lama tak masuk sedangkan mereka ada pengalaman. Yang Berhormat boleh komen yang ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Komen saya, saya amat bersimpati dan nasib mereka juga harus dibela. Saya difahamkan bulan November-Oktober ini, ada 200-300 orang jenis N41 kontrak ini akan tamat. Alangkah malangnya nasib mereka Tuan Yang di-Pertua, pengalaman beban kerja PTD dah ada pada mereka. Jadi saya haraplah nak pendekkan cerita Tuan Yang di-Pertua, haraplah pihak

kerajaan mempertimbangkan, mengutamakan N41 ini, Pegawai-Pegawai Tadbir kita yang kontrak ini diberikan keutamaan....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan soal bola?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya pun dah berkali-kali mengutarakan perkara ini yang begitu serius. Perdana Menteri dah cakap, Timbalan Menteri dah cakap. Hari ini kita minta supaya pengisian 30,000 kekosongan ini tak kira apa agensi sekali pun termasuk pertanian juga. Menteri pernah merungut kekurangan tenaga pekerja. Ini betul.... Menteri angguk, serius dengan pegawai-pegawai yang kurang sekarang ini, kontrak mereka kalau boleh diserapkan terus, kita minta. Ketua Setiausaha yang baru ini telah memberi jaminan nak berdialog, nak berjumpa dengan semua pihak, kita minta supaya diisi dengan seberapa segera dan kalau boleh, jangan ditangguh-tangguhkan lagi. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih atas sokongan tersebut dan saya bagi pihak seluruh Ahli Parlimen merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baik hati, merayu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang baik hati. 30,000 yang nak diambil ini berilah keutamaan kepada Pegawai N41 yang kontrak diserapkan terus sebagai pegawai.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang kita sokong kerana orang-orang ini berkeupayaan, mempunyai pengalaman, tetapi bagaimana pula keadaan yang akhir-akhir ini kita lihat kerajaan yang dah pencen ini sambung kontrak. Yang dah pencen ini, akhirnya esok kalau dia ini ketua pengarah, timbalan ketua pengarah tidak ada peluang nak naik ketua pengarah. Penolong pengarah, tidak ada peluang nak naik timbalan ketua pengarah. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Pendapat, Sri Gading sependapat dengan Yang Berhormat bagi Jasin. Kita memang bersetuju dan kita memang telah mengutarakan dalam Dewan ini, dah tamat tempoh berhenti. Apa yang kata sahabat saya dari Yang Berhormat bagi Ketereh pernah berkata, "Apabila tirai telah pun turun, pelakon hendaklah masuk ke dalam"....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kuala Krai bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Astagfirullahalazim.* Saya nak berubah dah Tuan Yang di-Pertua. Ya lah, apa nak buat.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memanglah kalau Sri Gading ini ramai peminat dan saya juga mengalu-alukan kedatangan Naib Presiden kita iaitu Menteri Pertanian.

Saya nak supaya Menteri, Naib Ketua UMNO Bahagian, Presiden UMNO, presiden *sorry*, Presiden UMNO Malaysia. Jadi saya nak Menteri Pertanian ini menjadi contoh permulaan kerana pertanian merupakan salah satu kepandaian rakyat dan belanjanya pun begitu banyak yang telah disumbangkan. Maka jadilah contoh supaya pegawai-pegawai ini diisi dengan sepenuhnya. Dan saya telah menyarankan perkara ini untuk Kuala Krai dan masih lagi belum cukup-cukup lagi pegawainya, hanya satu orang sahaja yang ada di 'perikanan'.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat kata ada lapan, kalau Yang Berhormat bagi mencelah semua, satu topik belum habis lagi dah 10 minit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua jadi insya-Allah Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa yang kakanda saya Kuala Krai nyatakan tadi, Yang Berhormat Menteri pun ada, kita terimalah sebagai satu kenyataan.

Yang kedua, ini penting, ini penting, ini penting Tuan Yang di-Pertua, ini penting....

**Seorang Ahli:** Semua penting.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Ketawa]* Setelah dianalisis, setelah diteliti, setelah diperkatakan, setelah dihalusi, setelah dirunguti, gaji kakitangan kerajaan harus dinaikkan.... *[Tepuk] [Disampuk]* Semua naik, semua naik.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau kerja tidak ada, gaji mahu naik?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ayo, Bintulu jangan kacau saya. Gula naik, minyak naik, barangan naik, sewa rumah naik, mas kahwin pun dah naik ini, *astaghfirullahalazim, astaghfirullahalazim, lailahaillallah.... [Ketawa]* RM400,000 ini macam Kepong mahu tambah lagi tidak bolehlah Kepong.... *[Ketawa]* *Astaghfirullahalazim.* Kira hebat-hebatlah Bukit Mertajam....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Okay Sri Gading, Yang Berhormat Sri Gading memanglah semua barang naik ya dan kita di pihak sini pun terus simpati bukan sahaja dengan kakitangan kerajaan tetapi kepada rakyat juga. Mereka yang juga bekerja gaji tidak naik. Sekarang kakitangan mereka ada bonus tetapi yang rakyat selalu kata mungkin kerana ini Kerajaan Barisan Nasional, kerana Barisan Nasional dia juga barang naik. Setuju tidak? Kerana Barisan Nasiona, Kerajaan Barisan Nasional itulah barang naik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kita bercakap tentang kakitangan kerajaan khususnya itu dahulu Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Nanti pihak swasta mungkin boleh mengikut.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soal barang naik ini soal kita hendak kena kawal memang naik semua, semua naik, sara hidup naik yang tidak naik satu sahajalah iaitu bola sepak itu sahaja yang tidak naik... *[Ketawa]* Ini kenyataan bukan saya hendak mengata, mengumpat tidak itu kenyataan. Jadi saya harap... *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Bukan fasal bola. Saya Tuan Yang di-Pertua ini serius pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi tentang mas kahwin naik ini. Ini terlampau mengaibkan orang bangsa kita. Kenapa hendak begitu riak sangat? Kahwinlah!

**Seorang Ahli:** Apa salah?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak ada satu kesalahan tetapi mengapa hendak diriakkan benda ini sampai begitu tunjuk macam terlalu ego kekayaan. Apakah ini budaya orang Melayu? Ini perlu diatasi. Kementerian mana yang sepatut bertanggungjawab ini? Kita sambil kita membela nasib kakitangan kerajaan okay kita sokong. Kita percaya pada Perdana Menteri kita ke arah itu tetapi ini kenapa, kenapa kita biarkan? Ini perlu kita lihat dan beri satu perhatian yang amat serius. Bukan perkara main-main ini, ini boleh mengaibkan lama-kelamaan menjadi satu budaya yang akhirnya merugikan bangsa kita. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya punya jawapan Tuan Yang di-Pertua mudah. Ucapan dia sebahagian daripada ucapan saya.... *[Ketawa]* Naikkan gaji. Saya punya cadangan minta kerajaan, minta Perdana Menteri menimbang gaji kakitangan kerajaan yang RM1,000 ke bawah naik 40%. Gaji dia orang mula-mula RM479.00 Tuan Yang di-Pertua hendak makan apa Tuan Yang di-Pertua? di Kuala Lumpur, di Johor Bahru, di Penang, di bandar-bandar besar, hendak makan apa Tuan Yang di-Pertua? RM479 *attendant* hospital hendak makan apa Tuan Yang di-Pertua? Mee Maggi pun tidak dapat, naik 40%, RM1,000 ke RM2,000 naik 20%.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sambung sedikit?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat. RM2,000 ke atas naik 10%. Termasuklah kalau polis maknanya gaji dia rendah di bawah RM1,000 - 40%, tentera 40% asal kakitangan kerajaan. Kalau hendak tambah polis, tentera saya setuju sangat lebih daripada itu setuju sangat. Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih rakan saya, Tuan Yang di-Pertua. Memang perkara ini seharusnya sudah lama diambil pertimbangan oleh kerajaan sebab kakitangan awam kita memainkan peranan wakil kita untuk menjayakan misi kerajaan. Malaysia adalah antara satu negara yang gaji penjawat-penjawat awamnya terlalu rendah. Polis, tentera dan lain-lain masuk gaji RM450, apa RM450, hendak makan apa? Makan Maggi pun tidak cukup. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading supaya kerajaan, tidak tahu Kementerian Kewangan tidak ada, harap-harap wakil-wakil dia ada, mengambil perhatian supaya perkara ini dipertimbangkan dengan sewajarnya untuk dipertambah gaji pokok penjawat-penjawat awam ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ucapan Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebahagian dari ucapan saya. Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua pencen terbitan. Seseorang yang pencen dia mendapat separuh daripada gaji. Apabila dia meninggal isteri dia akan dapat pencen terbitan....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Isteri yang mana?

**Seorang Ahli:** Isteri yang mana satu?... [Ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Ketawa] Isteri yang mana Tuan Yang di-Pertua ya, nanti saya bincang dengan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassinlah isteri mana, itu saya bincang kemudian.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, setelah 10 tahun si balu ini menerima pencen daripada bekas suaminya yang berjasa, pencen ini akan dipotong 25%. Umur si balu ini sudah 65 tahun, 70 tahun waktu ini sudah tua soal ubatan soal-soal sakit sudah meningkat, gaji ataupun pencennya dipotongkan, wajarkah ini Tuan Yang di-Pertua? Ohh... Apakah kita terlampau lokek kepada bekas pegawai kerajaan kita yang berjasa, isteri yang menjadi balu yang sudah tua ini Tuan Yang di-Pertua kenapa hendak kita seksakan dengan potongan 25%. Saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua potongan 25% dihapuskan. Yang Berhormat Menteri Pertanian tentu akan menyokong dalam Kabinet. Okey....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Pasir Puteh hendak.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya tambah sedikit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua biar saya selesai dahulu, sudah selesai nanti. Yang keempat terpenting, terpenting Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin agaknya bercanggah pendapat dengan Kementerian Pengangkutan, saya mungkin bercanggah pendapat dengan JPJ, saya tetap hendak mempertahankan potongan diskaun 70% kepada saman lalu lintas yang diumumkan oleh polis mesti dikekalkan dan dilaksanakan.

Tidak ada alasan. Polis belum selesai dia kata lima perkara tidak boleh, kesalahan lima perkara tidak boleh hendak diskaunkan, mana hukum dunia Tuan Yang di-Pertua? Semua hukuman boleh dirayu Tuan Yang di-Pertua. Bila pula dia kata lima kesalahan tidak boleh dikurangkan mana punya hukum Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bahaya, itu nyawa itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan, soalnya polis ini sebahagian daripada jentera kerajaan yang bertanggungjawab. Dia sudah umum rakyat sudah terima kenapa hendak kita ganggu gugat keputusan ini. Dahulu kita minta lari *highway* 130 – engkau semua tidak bagi. Engkau itu siapa? Kerajaan tidak bagi.

**Seorang Ahli:** Nyawa nanti terbang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa terbang?... [Ketawa] Semaklah dalam kesalahan. Di *highway* Tuan Yang di-Pertua, orang lari lebih. Jalan sudah baik antara terbaik di dunia jalan Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Kereta sudah begitu canggih Tuan Yang di-Pertua, 120 kita tidak sedar Tuan Yang di-Pertua bukan sengaja... pap kena!

Jadi saya merayu, saya dengan satu perubahan sedikit apabila telah diumumkan kita terima keputusan itu kalau pihak kerajaan rasa agaknya ada sesuatu

rasa, boleh tidak kita benarkan 70% ini sampai 31 Disember ini. Supaya mereka berlumba-lumba hendak bayar. Lepas 31 Disember, 1 Januari 2007 kalau mereka tidak bayar, boleh bayaran penuh, tidak ada diskaun lagi.

Dengan itu tujuan kerajaan, tujuan polis hendak mengambil lekas saman-saman ini dibayar oleh pesalah-pesalah akan berhasil. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sungai Petani.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sekejap, sekejap biar ana habiskan ini. Tuan Yang di-Pertua kalau saman ini tidak dipotong apa yang berlaku tiga empat tahun yang lalu? Polis kena pergi rumah ke rumah menghantar saman ini. Dahulu dari rumah ke rumah menambahkan beban polis sebab itu polis hendak supaya orang yang bersalah ini lekas-lekas bayar saman dengan potongan 70%. Itu salah satu cara. Kesianlah dengan polis, polis menanggung beban ini. Kalau kita pergi ke JPJ, JPJ kata pergi kepada polis juga - suruh bayar. Dan rayuan daripada polis dari segi saman ini Tuan Yang di-Pertua, memang polis buat selama ini, bukan jadi masalah. Dia kena katalah kita kena RM100 kita cakap "Datuk Allah ada RM30 sahaja Datuk" "Okey bayar." Memang sudah jadi kebiasaan amalan mulia polis kepada orang ramai.

Jadi saya harap, saya harap Yang Berhormat Menteri Kabinet pun ada. Dalam Kabinet hari Rabu ini tolonglah, esok ya hari Rabu. Tolonglah kekalkan dan kita bagi tempoh sehingga 31 Disember ini, mana yang dah di saman tak bayar, engkau dapat diskaun 70 percent lepas 31 Disember, 1 Januari tahun depan engkau kena bayar penuh supaya mereka berlumba-lumba untuk membayar saman kita. Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih ya, akhir, terima kasih. Jadi nampaknya Yang Berhormat saya ini nak tambah setuju dengan cadangan Yang Berhormat itu. Dan apa pandangan Yang Berhormat, ini penjelasan apabila pihak polis telah buat kenyataan yang sedemikian rupa, tiba-tiba ditarik balik oleh pihak pentadbiran. Jadi, tidakkah ini menghakiskan kredibiliti dan juga apa ini *confident* orang ramai terhadap polis. Bagaimana pada pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya ambil perhatian lah. Macam menteri pula kita ini... *[Ketawa]* Tapi berangan apa salahnya, bukan kena modal.... *[Ketawa]* Yang kelima Datuk, ini penting. Dan saya ingin minta sahabat-sahabat daripada parti pembangkang tolong sokong saya. Ini penting, melibatkan anda semua.

Saya telah dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Raja Ahmad ke satu jempunan meraikan Dirgahayu Indonesia yang ke-61 di Gedung Parlimen Indonesia Jakarta Raya. Kami semua duduk sebaris, saya Yang Berhormat diketuai oleh Yang Berhormat Raja Ahmad, saya, Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Bera. Kami telah dijemput Datuk, untuk berdiri diberikan penghormatan dengan tepukan gemuruh oleh Yang Berhormat Speaker dan Yang Amat Mulia Presiden Indonesia.

Ooh! Megah kami Datuk, megah. Sebagai wakil negara Malaysia dalam satu majlis yang gilang-gemilang. Saya berfikir Datuk balik, rupanya lawatan ini tidak sia-sia. Kami dijemput berunding dengan Yang Berhormat Speaker Dewan Perwakilan (DPEER) Dewan Perwakilan Rakyat (DPEER) Indonesia. Oh, pengerusi antarabangsa bangun yang saya tak dapat nak elak. Sila Datuk Abdul Rahman, Yang Berhormat bagi Gombak.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya percaya Yang Berhormat bagi Sri Gading bersama dengan rombongan pada masa itu pergi ke Indonesia dengan inisiatif sendiri dan dengan menggunakan kewangan sendiri. Jadi, perlukah saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, Parlimen di dalam memperkasakan lagi Parlimen dan negara harus memperuntukkan satu peruntukan khas terutama dalam misi-misi Ahli Parlimen ke luar negara demi untuk mempromosi dan memperkasakan lagi Parlimen Malaysia. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Pandangan saya sebentar lagi. Apabila saya menungkan keadaan itu, maka terbayang oleh saya apakah tidak

mungkin agaknya Malaysia dan Singapura kita jalin persahabatan yang erat. Tidak ada gunanya kita bergaduh dengan jiran yang terdekat. Semuanya sama, budayanya sama, keadaannya sama, iklimnya sama, kita gantung bergantung. Apakah tidak mungkin agaknya kita eratkan lagi hubungan ini?

Kita tambahkan kekuatan hubungan persahabatan kita dengan Singapura setelah Indonesia, kita bawa Datuk Yang di-Pertua Speaker bawa rombongan Ahli Parlimen ke Singapura. Kunjungan hormat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang. Diketuai oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Kita bawa bersama-sama sebagai Ahli Parlimen. Begitu juga Thailand, begitu juga Filipina. Kita jalin hubungan dalam suasana dunia yang tidak menentu ini Tuan Yang di-Pertua.

Lebih baik kita dalam satu keluarga ASEAN ini kita rapatkan hubungan dan sudah barang tentu agaknya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam akan pergi, saya rasa sahabat saya Yang Berhormat bagi Seputeh tentu pergi. Manalah tahu kalau di sana ada agaknya duda yang kaya daripada Ahli Parlimen Singapura... *[Ketawa]* Mengeratkan lagi hubungan antara Ahli Parlimen Malaysia dengan Singapura. Bukan, ini tujuan baik.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat bagi Seputehlah.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tak mahu yang duda Yang Berhormat, dia mahu yang bujang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hubungan dua hala.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Duda Tuan Yang di-Pertua banyak duit tetapi duda Singapura tak boleh makan duda Malaysia... *[Ketawa]* Duda... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat bagi Seputeh?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Pasir Puteh, saya ingat Yang Berhormat bagi Seputeh... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih abang saya Yang Berhormat bagi Sri Gading, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tertarik tadi dari segi Hadhari. Bukan Islam Hadhari, prospek hadhari. Bagaimana pendekatan hadhari kita mesti sokong kenaikan gaji kakitangan kerajaan. Dia jentera, kita jentera. Yang keduanya Yang Berhormat jangan lupa bukan sekadar gaji, hospitaliti kena tengok balik. Kenapa rasuah berlaku, sebahagian kecilnya kerana tak cukup makan. Terutama anggota polis.

Yang kedua, se lagi, se lagi (satu lagi)....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya nak minta juga Ahli Parlimen jangan perkecilkan pembuat dasar. Gi hulur kad Parlimen, kereta api *free*. Gi kat MAS, tolak. *No 20 percent*, tak dok, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Boleh tak timbangkan bagi *50 percent*?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya terima itu sebahagian daripada ucapan saya. Jadi Datuk, marilah kita buka lembaran baru, hubungan baik antara negara-negara jiran Malaysia. Kita tidak ada pilihan Datuk. Mari kita eratkan lagi terutama dengan Singapura dengan berbagai-bagai hala dan sebenarnya mengeratkan hubungan dengan Singapura bukanlah sesuatu yang sukar untuk kita lakukan. Kerajaan harus memikirkan perkara ini, mencari jalan dan itu sebabnya biarlah Ahli Parlimen membuka meneroka jalan ini Datuk.

Kita buat rombongan ke Singapura, Singapura datang. Kita buat rombongan ke Thailand, Thailand datang, Filipina. Begitu lah Tuan Yang di-Pertua dan dalam rombongan ini jangan lupa sahabat kita daripada parti pembangkang. Kita bawa bersama sebagai satu *team* rakyat Malaysia....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Habiskan tajuk Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Nombor. Ini saya nak menyentuh perkara kecilah, SWM. *Southern Waste Management*. Dia mendapat konsesi untuk pelupusan sampah dan pepejal.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *Solid* kah Yang Berhormat, *Solid West Management* kah apa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, SWM. Jadi, saya berharap yang membuat kerja ini Tuan Yang di-Pertua, kontraktor-kontraktor Melayu. Seperti di Johor Bahru Datuk, nampaknya mereka menganaktirikan, menyusahkan, berbagai-bagai perkara rintangan dan ini telah pun disampaikan oleh persatuan itu kepada saya untuk saya bawa, saya harap kementerian, kerajaan tempatan tengoklah nasib mereka dan saya berjanji dengan Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan akan memberi dokumen apa ini, dokumen dia punya *proposal* dan permasalahan.

Yang ketujuh Datuk, kita ada simpanan emas, kita ada rizab wang tapi saya nak bertanya, kebetulan Yang Berhormat Menteri Pertanian pun ada. Ini soal keselamatan makanan di negara ini. Baru-baru ini gula kurang, kita dah meraung. Bahan-bahan makanan kurang, kita dah gelabah. Apa kata agaknya kalau beras pula kurang? Kalau makanan-makanan yang wajib kepada manusia di Malaysia ini kurang, kerana kebanyakannya kita import kurang.

Apa salahnya mentelahan menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan tumpuan kepada pertanian, minta kerajaan-kerajaan negeri terutama kerajaan-kerajaan negeri yang ada tanah luas seperti Sabah dan Sarawak, zon kan satu kawasan mungkin ratus ribu ekar untuk bahan makanan, untuk menjamin bahawa negara kita, kalau barang-barang yang kita import itu disekat oleh mana-mana pihak atau tidak dijual lagi kepada mereka, walaupun kita ada duit, mereka tak nak jual.

Kita tidak akan kekurangan makanan. Ini penting, kita betul teknologi itu gedebak gedebuk, gedebak gedebuk, kalau perutnya kosong pak, ya bagaimana? Itu, ya?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya tertarik soal makanan. Di antara isi perjanjian di antara kerajaan dengan BERNAS, yang diberi *exclusive rights* dengan izin untuk mengurus, membeli import dan menjaga hal ehwal beras negara ialah, dia satu sahaja ada lesen. Seorang dia sahaja, orang lain tak boleh campur fasal beras. Ya lah dia menjaga *stockpile* negara. Kebetulan Menteri Pertanian pun ada. *Stockpile* negara maknanya dalam hal-hal apabila disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, apabila berlaku masalah *disaster* dengan izin, masalah kecemasan, maka BERNAS diwajibkan untuk menyediakan stor ini tetapi soalan yang saya hendak tanya, betulkah? Betulkah stor ini ada atau ianya hanya dalam perjanjian atau kita ditipu? Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soalan itu, saya juga bertanya. Betulkah ada? Itu satu. Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Yang kedua, stok ini berapa lama boleh tahan? Kalau kita cuma tahan 5-6 bulan, bagaimana rakyat kita esok kebuluran? Duit ada, hendak beli tak boleh, tak ada barang. Maka itu, kerajaan-kerajaan negeri, arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai Kerajaan Federal ini boleh mengarahkan kerajaan negeri, tiap-tiap negeri mesti menyediakan zon untuk makanan bagi kepentingan rakyat masa kini dan masa akan datang.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, fasal nampak Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah tidak sabar-sabar untuk menyambung ucapan perbahasan ini ialah masalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, harap ambil perhatian. Tentang kuota haji. Bila senarai kuota haji simpanan boleh dikeluarkan? Satu.

Yang kedua, saya hendak beri arahan kepada Yang Berhormat tolong sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri, kami Ahli-ahli Parlimen ini mewakili rakyat dan antara rakyat inilah orang beragama Islam duduk di kampung-kampung berharap sangat dan berangan-angan sangat, 20-30 tahun mereka menyimpan wang, hendak pergi haji, tiba-tiba nama tidak ada! Boleh tak ataupun bagi kami 20 orang kuota? Tiap-tiap tahun kami diberi kuota 20 orang untuk kami namakan sebagai bakal-bakal haji bagi tahun yang berkenaan dan nama yang kami hantar mesti diterima, tidak boleh ditolak.... [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormatnya menyokong Bajet 2007. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Seputeh dahulu.

**12.13 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2007 merupakan satu bajet yang agak menyeluruh berbanding dengan tahun-tahun lepas tetapi malangnya ia masih gagal menyentuh banyak perkara dan isu yang berkaitan dengan ekonomi dan juga politik. Isu pertama yang saya ingin bentangkan ialah tentang FDI (Dana Pelaburan Asing Terus). Bajet 2007 tidak menyentuh tentang cara-cara kerajaan menarik kemasukan FDI ke negara kita.

Sekiranya kita membuat satu perbandingan di antara kemasukan FDI di rantau ini, kita akan mendapati Malaysia merupakan negara yang menikmati kemasukan FDI yang paling rendah. Misalnya FDI di Indonesia, bertambah daripada RM3.7 bilion kepada RM12.96 bilion. FDI di Thailand pula bertambah daripada RM5.18 bilion dan juga FDI di India bertambah daripada RM19.6 bilion kepada RM20.2 bilion. Sebaliknya FDI di Malaysia berkurangan daripada RM17 bilion pada tahun lepas sehingga RM15.54 bilion. Kerajaan mesti mengkaji kenapakah pelabur asing enggan datang ke Malaysia? Negara kita mempunyai sumber asli yang banyak dan juga pekerja yang berpendidikan tinggi yang semakin bertambah. Kenapakah kita masih gagal menarik mereka untuk terus melabur di Malaysia?

Apakah ini disebabkan oleh negara kita kekurangan alam perniagaan ataupun *business environment* yang memuaskan? Adakah ini disebabkan oleh korupsi kekurangan *efficiency* dan ketidakadilan dari segi peluang persaingan di antara kaum yang berlainan yang telah menjadi budaya di negara kita. Kenyataan yang diluahkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, tidak lama pada bulan lepas bahawa pelabur asing tidak suka tentang sistem 30% kuota kepada kaum bumiputera, adalah lebih baik jangan datang ke Malaysia. Kenyataan yang angkuh dan sombong seperti ini sudah tentu menakutkan pelabur asing daripada datang ke Malaysia dan kita akan rugi pada akhirnya.

Selain itu, saya juga menerima aduan daripada pelabur asing bahawa kontrak yang dimeterai oleh mereka dengan Kerajaan Malaysia kadang-kadang tidak dipatuhi dan dihormati. Contoh yang paling ketara ialah kes Syarikat InventQjaya, di mana kerajaan sekarang tidak mengikut kesemua tawaran dan syarat yang termaktub dalam perjanjian tersebut dan malah menggunakan polis untuk membeku akaun bank dan aset syarikat itu selama satu setengah tahun tanpa sebab-sebab yang munasabah. Sehingga pelabur asing tersebut terpaksa mendakwa kerajaan di mahkamah kita.

Kes seperti ini telah pun menakutkan pelabur asing daripada melabur ke Malaysia. Saya ingin meminta pihak Kementerian Kewangan memberikan satu penerangan di Dewan ini, tentang sebab kerajaan tidak menunaikan janji dan mematuhi kontrak dengan InventQjaya. Soalan saya juga ialah, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk membetulkan keadaan ini supaya menarik lebih FDI untuk masuk ke Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, tiap-tiap tahun kita mempunyai beribu-ribu rakyat Malaysia yang belajar di luar negeri pilih untuk bekerja di luar negeri. Selain itu, ramai orang asing yang mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu yang ingin berkhidmat dan bermastautin di Malaysia, menghadapi masalah permohonan mereka ditolak. Penawaran kewarganegaraan yang ketat ini menyebabkan ramai orang

asing yang belajar ataupun berkhidmat di Malaysia terpaksa berhijrah ke negara lain yang sudi menerima mereka sebagai pemastautin tetap ataupun warganegara.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mencontohi dasar negara lain yang mengalu-alukan *talent* asing. Misalnya *ASEAN Scholarship* yang ditawarkan oleh Kerajaan Singapura telah menarik beribu-ribu warga asing yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang untuk belajar dan akhirnya bekerja di Singapura. Biasiswa ini juga telah menarik beratus-ratus pelajar Malaysia setiap tahun, mereka yang cerdik pandai untuk belajar dan berkhidmat di Singapura dan ramai di antara pelajar Malaysia ini akhirnya menjadi pemastautin tetap di Singapura.

Begitu juga dengan dasar Kerajaan Australia yang menawarkan status pemastautin tetap kepada pelajar asing yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang di negaranya. Penawaran seperti ini berjaya menarik ramai warga asing termasuk orang Malaysia yang mempunyai kemahiran dan berpendidikan tinggi untuk menyumbang kebolehan mereka kepada ekonomi Australia.

Sekiranya Malaysia ingin mencapai status negara maju, kita mesti mempunyai dasar yang menarik *talent* dan orang yang cerdik pandai untuk bermastautin dan bekerja di Malaysia. Di Amerika Syarikat, masyarakat orang Asian di negara itu telah pun menyumbang USD3 trilion kepada ekonomi Amerika Syarikat dan sumbangan mereka adalah amat penting kepada ekonomi Amerika Syarikat.

Sebaliknya, dasar kerajaan yang mengamalkan hak kewarganegaraan yang ketat telah pun menyusahkan orang asing yang mempunyai kemahiran tinggi yang berkahwin dengan warga Malaysia. Ramai suami asing dan isteri asing yang merupakan profesional mengadu bahawa mereka ditegah daripada bekerja dan permohonan untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia.

Dasar ini secara tidak langsung menyebabkan kita kehilangan tenaga kerja yang berkemahiran daripada menyumbang kepada ekonomi kita. Ini adalah dasar yang harus dikaji semula oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat ahli-ahli politik Barisan Nasional mencadangkan jawatan Datuk Bandar DBKL dipegang oleh ahli politik dan bukannya pegawai kerajaan. Saya amat tidak setuju tentang cadangan ini kerana ia akan membuka pintu kepada korupsi dan kronisme Barisan Nasional berlaku pada tahap tinggi dengan lebih serius di Kuala Lumpur seperti yang berlaku di Sabah sekarang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sangkaan jahat!!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Pada waktu sekarang, orang yang paling menyalahgunakan kuasa dan mencabuli undang-undang ataupun peraturan DBKL ialah ahli politik daripada Barisan Nasional dan bukannya parti pembangkang.

Cawangan-cawangan BN selalu mencerobohi tanah hijau dan mendirikan premis cawangan mereka atas tanah kerajaan. Contoh yang paling ketara ialah bangunan cawangan UMNO Seputeh. Bangunan UMNO Seputeh ini telah pun didirikan di tanah kerajaan di Jalan Kuchai Lama selama beberapa tahun. Ahli-ahli UMNO Seputeh ini enggan berpindah apabila DBKL menjalankan pembinaan jambatan bertingkat yang bertujuan meredakan kesesakan trafik di kawasan itu, sehingga projek tersebut terpaksa tergendala selama satu tahun lebih.

Sekarang bangunan UMNO Seputeh dipindahkan ke Taman Desa. Saya difahamkan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan memberi peruntukan kepada pembinaan premis cawangan UNMO baru tersebut atas nama Pusat Khidmat Masyarakat Kawasan Parlimen Seputeh. Selain itu, bangunan cawangan itu sekali lagi dibina di tapak permainan kanak-kanak di Taman Desa.

Soalan saya ialah bukankah ini bentuk korupsi dan penyalahgunaan kuasa yang diinstitusikan melalui dana dan jentera kerajaan. Kenapakah Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL membenarkan penyalahgunaan kuasa yang begitu ketara yang dilakukan oleh UMNO Seputeh.

Saya percaya masalah penyalahgunaan kuasa ini akan lebih serius sekiranya jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur dipegang oleh ahli politik Barisan Nasional....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ....Penyalahgunaan. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Rantau Panjang, ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Sekejap sahaja. Pada tahun 1978 sehingga 1990, kerajaan Kelantan diperintah oleh Barisan Nasional dan Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil alih pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Baharu dan majlis-majlis daerah di seluruh Kelantan ini dengan menukar daripada pegawai daerah menjadi Yang di-Pertua MPKB (Majlis Perbandaran Kota Baharu) dan Yang di-Pertua Majlis-majlis Daerah dilantik di kalangan ahli-ahli politik khususnya wakil-wakil rakyat. Kita lihat waktu itulah banyak berlaku penyelewengan, berlaku di dalam semua majlis tempatan dan majlis daerah dan juga majlis perbandaran.

Apabila Kerajaan PAS Kelantan memerintah dalam tahun 1990, Kerajaan PAS Kelantan memberi balik kuasa ini kepada pegawai kerajaan, tidak meneruskan dengan cara ahli-ahli politik menerajui majlis perbandaran atau majlis daerah. Kita lihat ketelusan Kerajaan Kelantan waktu itu jelas dan kalau berlaku perkara ini, kalau UMNO memerintah kembali atau Barisan Nasional memerintah kembali di Kelantan khususnya mungkin dia akan buat seperti mana yang dilakukan sewaktu UNNO dan Barisan Nasional memerintah pada 12 tahun yang lalu. Apakah setuju Yang Berhormat?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, saya amat setuju dengan pandangan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Yang Berhormat bagi Kinabatangan buat banyak suara di belakang. Sebenarnya kalau kita ambil contoh di Kota Kinabalu, satu tiang lampu jalan boleh berharga RM1 juta satu, di Kota Kinabalu. Ini adalah kerana ahli politik, ahli politik yang menggunakan jawatan mereka di majlis perbandaran...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Laporan polislah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini semua diketahui oleh penduduk di Kota Kinabalu. Takkan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak tahu. Kita tidak jadikan Kuala Lumpur seperti Kota Kinabalu di Sabah dan menjadi korupsi lebih serius berlaku di majlis perbandaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Penyalahgunaan kuasa ini juga dilakukan oleh MCA. Bangunan MCA Cawangan OUG juga diletakkan pada tanah hijau di sebelah jalan Awan Besar. Semasa jalan tersebut dilebarkan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dari kawasan Tun Razak malah mengarahkan kontraktor projek berkenaan untuk membantu MCA membesarkan halaman MCA OUG di tanah hijau tersebut. Arahannya itu akhirnya tidak dijalankan kerana penduduk di sekitar kawasan itu keluar membantah tindakan ini.

Sebagai wakil rakyat, saya jarang berjumpa dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur kecuali sekiranya saya ada isu rakyat yang amat penting yang perlu campur tangan daripada Datuk Bandar. Perbezaan di antara Wakil Rakyat DAP dengan ahli politik Barisan Nasional ialah kami berjumpa dengan Datuk Bandar atas isu rakyat, tetapi ahli politik Barisan Nasional berjumpa dengan Datuk Bandar demi kepentingan mereka sendiri. Kebanyakan mereka berjumpa dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur kerana ingin meminta projek.

Apabila permintaan untuk mendapatkan projek ditolak oleh DBKL berkali-kali, mereka pun berpakat untuk mendesak Datuk Bandar ditukar kepada ahli politik Barisan Nasional. Pada pandangan saya walau pun Datuk Bandar sekarang mungkin pernah membuat kesilapan sana sini, tetapi beliau adalah sebenarnya adalah lebih profesional dan juga lebih mesra berbanding dengan bekas Datuk Bandar yang lebih pro kepada ahli politik Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kerajaan berikhtiar untuk membasmi rasuah dan kronisme daripada sistem kerajaan kita maka pihak kerajaan khususnya Badan Pencegah Rasuah haruslah menumpukan tenaga mereka kepada agensi-agensi kerajaan tempatan khususnya majlis perbandaran dan pejabat tanah. Sekiranya kerajaan ingin melantik ahli politik untuk menjadi Datuk Bandar maka pelantikan ini patutnya dibuat oleh penduduk di Kuala Lumpur melalui pilihan raya kerajaan tempatan. Biarlah pembayar cukai di Kuala Lumpur untuk membuat keputusan siapakah yang

menjadi Datuk Bandar di Kuala Lumpur. Biarlah keputusan ini dibuat oleh rakyat dan bukan oleh orang atasan di Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan bajet 2007 tidak menyentuh juga tentang perancangan kerajaan terhadap kereta Proton. Saya difahamkan bahawa terdapat 42,000 unit *stock* kereta Proton pada harga RM40,000 setiap unit setakat Jun tahun ini. Di antaranya 5,000 unit *stock* kereta Proton ini adalah dibuat pada tahun 2005. Kereta baru yang tidak dijual dalam tempoh tiga bulan selepas ia dibuat akan menjadi rosak. Jumlah unit stok kereta yang tertinggal dan tidak dijual bernilai sebanyak RM1.68 bilion.

Pada September 2005, Syarikat Proton telah memberi diskaun sebanyak RM150 juta kepada *dealer* ataupun pembekal dan juga pembeli kereta. Sekiranya kita menambah kos pengiklanan, jumlahnya ialah RM200 juta. Projek yang dipanggil P21 ini pun telah menjadi kereta Proton tidak beruntung. Sekarang terwujudnya persaingan pemotongan harga jualan kereta Proton kerana kereta Proton memang tidak laku di pasaran kereta kita.

Sehubungan dengan itu, saya difahamkan bahawa wang tunai di Syarikat Proton juga telah jatuh daripada RM2.4 bilion kepada RM500 juta dalam tempoh 12 bulan. Saya ingin minta kementerian memberi penjelasan tentang sebab pengurangan wang tunai di syarikat Proton dan memberi pecahan penggunaan wang tunai ini. Selain saya juga ingin tanya projek kenderaan baru yang telah dijanjikan ialah RM4 bilion.

Memandangkan kepada Syarikat Proton sekarang, hanya mempunyai RM500 juta di tangannya macam manakah Syarikat Proton pergi mencari 3.5 bilion ringgit untuk melancarkan projek-projek kenderaan baru. Sekiranya Syarikat Proton tidak mengeluarkan kereta Proton baru, maka Syarikat Proton sudah tentu susah untuk teruskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan dan industri Proton akan menghasilkan impak terhadap 40,000 orang bergantung kepada kereta Proton yang telah meletakkan pelaburan yang berjumlah dalam anggaran RM13 bilion ke dalam industri ini. Sebenarnya 80% pembekal Proton dan 40% vendor Proton telah menghadapi kerugian yang serius.

Soalannya yang saya ingin tanya ialah kerajaan telah menukar CEO dan Anggota Lembaga Syarikat Proton selama tahun. Kenapakah kereta Proton menghadapi kerugian yang semakin teruk selepas orang baru mengambil balik Lembaga Pengarah? Apakah rancangan Lembaga Pengarah Syarikat Proton untuk menyelamatkan kereta Proton.

Sehubungan dengan itu, saya difahamkan bahawa pengerusi bukan eksekutif ataupun *Non-Executive Chairman* Syarikat Proton dibayar elaun bulanan sebanyak RM24,000 manakala bekas pengerusinya hanya menerima RM50,000 hingga RM60,000 setahun sahaja.

Saya juga difahamkan bahawa beliau dan keluarganya diberi layanan penerbangan kelas pertama untuk pergi ke mana-mana tempat di dunia ini. Beliau diberi penjaga keselamatan untuk rumahnya. Selain itu, beliau dan kedua-dua keluarga diberi layanan perubatan dan perubatan gigi secara percuma. Sekiranya seorang yang hanya memegang jawatan bukan eksekutif, kenapakah beliau diberikan layanan yang begitu istimewa memandangkan Syarikat Proton mengalami kerugian yang begitu teruk dan wang tunai yang semakin berkurangan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat meragui jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Kewangan terhadap soalan lisan saya pada 5 September tahun ini bahawa kereta Proton dijangka akan mencipta keuntungan pada tahun 2006. Saya ingin minta pihak kementerian memberi suatu jawapan yang terperinci tentang rancangan kerajaan untuk memasarkan dan juga menyelamatkan kereta Proton.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah dalam sidang Parlimen Jun dan Julai tahun ini.

Kedua-dua rang undang-undang ini merupakan hasil pengumpulan pandangan orang ramai dan rundingan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang telah memakan masa selama dua tahun. Banyak pindaan dalam kedua-dua rang undang-undang ini telah mendatangkan sambutan yang baik daripada banyak pihak khususnya beberapa fasal yang memelihara hak asasi manusia, termasuk Fasal 113 dan 117

dalam Kanun Tatacara Jenayah dan juga denda khidmat masyarakat terhadap pesalah muda. Banyak pihak sekarang tertanya-tanya, bilakah rang undang-undang ini akan dikuatkuasakan dan dilaksanakan supaya fasal-fasal yang mempertahankan hak asasi manusia ini boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa satu rundingan beberapa pihak telah dipanggil oleh Jabatan Peguam Negara terhadap hukuman khidmat masyarakat yang termaktub dalam Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah beberapa minggu lepas, kerana pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, mereka belum bersiap sedia dalam Program Khidmat Masyarakat dan mereka tidak mempunyai tenaga yang cukup untuk mengendalikan program ini. Selain itu ada juga pihak yang berkata, fasal berkenaan tidak memberi perincian yang cukup.

Sebagai salah seorang anggota daripada Jawatankuasa Pilihan Khas ini, saya merasa kesal terhadap kenyataan seperti ini kerana wakil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, wakil daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, wakil daripada JAKIM dan Peguam Negara telah bermesyuarat bersama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas ini selama dua tahun. Kesemua wakil kementerian ini sepatutnya telah memanjangkan hasrat dan keputusan Jawatankuasa Pilihan Khas ini kepada jabatan-jabatan mereka yang berkenaan. Kenapakah pihak agensi-agensi kerajaan ini sekarang berkata bahawa fasal rang undang-undang ini tidak terperinci dan kementerian tidak bersiap sedia untuk melaksanakannya. Bukankah ini merupakan satu alasan atau *excuse* yang tidak munasabah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah banyak kali menekankan sistem penyampaian dalam kerajaan dan beliau menekankan lagi dalam Ucapan Bajet 2007 ini. Kenapakah agensi kerajaan kita masih melengah-lengah untuk melaksanakan usaha yang dilakukan oleh Ahli Parlimen yang cuba memajukan undang-undang jenayah kita ini.

Saya berharap, kementerian yang berkaitan boleh memberi satu penjelasan terhadap perkara ini dan saya ingin menyeru kerajaan agar melaksanakan undang-undang yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memanggil satu rundingan pelbagai pihak terhadap cadangan pindaan kepada saiz dan cara pemasangan bahan-bahan kempen pilihan raya semalam. Saya merasa agak hairan bahawa mesyuarat dipanggil oleh SPR terhadap isu yang begitu remeh-temeh ini, tetapi bukan membincangkan isu tentang informasi atau pembaharuan SPR yang lebih penting dan besar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Islam Hadhari itu mewakili kejujuran dan ketelusan, maka pilihan raya mestilah bebas, saksama, jujur dan telus. Tanpa kebebasan, kesaksamaan, kejujuran dan ketelusan, proses pilihan raya itu menjadi satu formaliti yang tidak bermakna dan malah satu penipuan. Isu pertama ialah Daftar Pemilih SPR. Daftar Pemilih ini penuh dengan data yang tidak lengkap dan tidak benar. Menurut satu analisis oleh sistem komputer SISMAT12, Parti Keadilan Rakyat dalam buku *Sah Demokrasi* nya, menyatakan terdapat 223,950 pengundi tidak diberikan saluran berdaftar di negeri Selangor dalam Pilihan Raya 2004. Angka ini merupakan 16% daripada jumlah pengundi di negeri itu, dalam tahun 2004.

Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan terdapat 20,048 orang pengundi berumur 90 tahun sehingga 122 tahun ke atas, di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Penang, Kedah dan Pahang, iaitu lebih kurang 20 tahun lebih tua dalam jangkaan jangka hayat rakyat Malaysia. Macam manakah ini boleh berlaku. Selain itu, Daftar Pemilih kita juga penuh dengan pengundi yang mempunyai alamat yang tidak wujud lagi. Ramai penduduk setinggalan telah pun berpindah tetapi alamat mereka tetap wujud dalam Daftar Pemilih, misalnya sebuah kedai runcit di Kampung Kerinci di Kuala Lumpur, terdapat 140 orang pemastautin di sebuah kedai kecil.

SPR telah banyak kali berkata bahawa sistem komputernya telah bersambung dengan sistem komputer di Jabatan Pendaftaran Negara, tetapi kenapakah kesilapan seperti ini masih wujud dalam Daftar Pemilik SPR.

Saya tidak bersetuju dengan kenyataan SPR bahawa SPR akan meminda undang-undang untuk mengehadkan, alamat pengundi dalam Kad Pengenalan mereka mestilah sama dengan alamat dalam Daftar Pemilih. Sekiranya ini dilaksanakan, ini tentunya akan menyusahkan pengundi di luar bandar yang bekerja di kawasan bandar yang mana kebanyakan mereka masih suka balik kampung untuk membuang undi. Saya mencadangkan supaya Daftar Pengundi di setiap kawasan seharusnya dipaparkan di tempat umum seperti di Balai Polis dan Majlis Perbandaran bagi semakan orang ramai, untuk memastikan undi yang tersiar dalam Daftar Pemilih itu merupakan orang yang didaftarkan di alamat sebenarnya. Selain itu orang yang mati juga haruslah disingkir daripada Daftar Pemilih.

Tibalah masa bagi SPR untuk mengamalkan seruan yang dibuat oleh pelbagai pihak iaitu mengecat jari pengundi yang telah membuang undi dengan dakwat kekal ataupun *indelible ink* seperti apa yang dilaksanakan di kebanyakan negara seperti India, Filipina dan sebagainya untuk mengelakkan seseorang pengundi menggunakan Kad Pengenalan orang lain ataupun orang yang sudah mati untuk membuang undi.

Undi Pos bagi pihak polis dan tentera pada asalnya diperuntukkan kerana anggota keselamatan kita terpaksa memerangi gerila Komunis. Hari ini kita tidak menghadapi ancaman keselamatan yang begitu serius di mana anggota-anggota keselamatan tidak boleh mengambil giliran untuk mengundi. Ancaman kita hari ini, semasa pilihan raya bukanlah komunis tetapi ketidaktelusan dan ketidakjujuran dalam proses pilihan raya.

Dalam pilihan raya yang lepas, terdapat 5,000 undi yang telah dikutip tetapi tidak dibuang di kawasan Parlimen Lumut. Pengerusi SPR, Tan Sri Rashid menjelaskan kepada pihak akhbar pada 13 April bahawa keadaan ini berlaku kerana anggota-anggota tentera laut telah keluar ke laut. Akhirnya SPR memotong 5,000 undi daripada keputusan terakhir yang diwartakan. Soalnya ialah, macam manakah 5,000 orang tentera laut yang telah mengutip kertas undi mereka sanggup keluar ke laut tanpa membuang undi semasa kempen pilihan raya pada 17 hingga 21 Mac 2004. Apa yang berlaku di laut berdekatan Malaysia, bukankah ini suatu perkara yang aneh.

Sekiranya SPR ingin mengembalikan kewibawaannya sebagai badan yang boleh dan mampu menganjurkan pilihan raya yang adil dan bebas, ia harus bermula dengan menghapuskan dua pengundian yang mendatangkan banyak kecurigaan, ia mesti melakukan:

- (i) pengemaskinian Daftar Pengundi dengan meneliti aduan daripada parti pembangkang dan orang awam di bawah Peraturan 10, Peraturan-peraturan Pilihan Raya;
- (ii) meminda Peraturan Pilihan Raya supaya sebarang penyingkiran pengiraan pengundi daripada sesuatu kawasan pengundian itu mestilah diumumkan untuk pemeriksaan dan pemantauan orang awam;
- (iii) sudi menggunakan dakwat kekal pada jadi pengundi dalam pilihan raya yang akan datang; dan
- (iv) membatalkan Undi Pos kecuali pada warganegara dan pegawai diplomat yang berkhidmat di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Ahli Suruhanjaya di SPR dipilih daripada orang yang berwibawa dan bebas seperti bekas Hakim dan bukannya... mereka tidak seharusnya dipilih daripada kakitangan kerajaan kerana pegawai kerajaan akan sentiasa terpaksa tunduk kepada kuasa parti pemerintah dan terpaksa melakukan pelbagai taktik untuk memastikan kemenangan parti pemerintah dan ini telah pun diakui oleh Tan Sri Rashid dalam wawancara dengan *MalaysiaKini* pada September 2003. Kerajaan seharusnya mencontohi negara-negara Eropah Timur yang mana anggota-anggota SRP terdiri daripada wakil-wakil parti mengikut peratusan undi dan kuota.

Jadi saya mencadangkan Perkara 114 dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Keanggotaan SPR dikaji semula. Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, gulung.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Isu akhir... Ya gulung, gulung. Yang saya ingin bangkitkan ialah tentang PDRM. Banyak cadangan telah dibuat oleh Suruhanjaya Diraja untuk penambahbaikan prestasi PDRM, termasuk memberi lebih peruntukan kepada PDRM dan menambah gaji dan elaun anggota Polis kita. Saya merasa hairan kerajaan tidak mengambil cadangan yang penting ini dalam Bajet 2007. Apa yang naik hanyalah Elaun Gantian Motosikal yang sedia ada untuk Polis Peronda daripada RM80.00 kepada RM120.00 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kadar jenayah di negara kita telah pun naik dengan kadar yang mendadak, dan kita memerlukan Pasukan Polis yang berkesan untuk melawan dan menawan penjenayah yang semakin dahsyat dan kejam. Saya merasa hairan bahawa kerajaan hanya memberikan peruntukan untuk pemasangan CCTV di kawasan yang sering berlaku jenayah, menambah 2,000 unit kereta peronda polis dan 3,000 pemandu polis. Tetapi bukan memberi lebih peruntukan untuk meningkatkan gaji dan elaun anggota polis kita.

Sekiranya kita menghendaki PDRM menjadi pasukan polis kelas dunia pertama, maka kita mestilah menaikkan gaji dan elaun mereka yang begitu rendah dengan dua atau tiga berlipat ganda supaya PDRM boleh menarik lebih pemuda yang cerdik pandai dan gagah berani untuk menyertai PDRM. Saya difahamkan pasukan polis dikebanyakan negara khususnya United Kingdom memberi gaji yang lebih tinggi daripada profesional biasa kepada pasukan polis dan mereka juga diberi elaun kerja lebih masa sekiranya mereka dikehendaki untuk berbuat demikian. Begitu juga dengan Singapura, gaji yang dibayar kepada polis adalah lebih tinggi daripada tentera.

Malangnya ini tidak berlaku di negara kita. Saya difahamkan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh, cukuplah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Biar satu minit lagi saya gulung. Bahawa PDRM masih kekurangan 1,500 pegawai pentadbiran sehingga ramai anggota polis tidak dapat melakukan kerja rondaan dan siasatan tetapi terpaksa membuat urusan pentadbiran dan kerani di PDRM. Saya juga diberitahu bahawa elaun telefon bergerak sebanyak RM200 sebulan yang dijanjikan diberi kepada pegawai polis pada tahun lepas tetapi akhirnya mereka hanya dapat RM50 sebulan sahaja. Kenapakah ini berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita meneliti bajet kita setiap tahun, peruntukan diberikan kepada Kementerian Pertahanan adalah jauh lebih tinggi daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Dalam Bajet 2007 dari segi perbelanjaan pengurusan, Kementerian Pertahanan diperuntukkan RM8.62 bilion manakala Kementerian Keselamatan Dalam Negeri hanya RM4.62 bilion dari segi perbelanjaan pengurusan. Dari segi perbelanjaan pembangunan pula....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh, cukuplah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sikit saja. Kementerian Pertahanan diberi peruntukan RM4.76 bilion manakala Kementerian Keselamatan Dalam Negeri hanya RM1.6 bilion sahaja. Soalan yang saya ingin tanya ialah, kita sekarang bukan dalam peperangan, musuh kita ialah penjenayah, kenapa kerajaan memberikan peruntukan yang begitu banyak kepada Kementerian Pertahanan dan bukan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, khususnya untuk menaikkan gaji dan elaun pegawai polis kita, kerana musuh kita sekarang adalah jenayah. Akhirnya saya hendak menyatakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah. Yang Berhormat. Saya sudah beri Yang Berhormat lebih masa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya gulung saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah. Berapa kali gulung? Yang Berhormat, cukuplah,

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya cadangan oleh Suruhanjaya Diraja kita untuk mengadakan

IPCMC harus dilaksanakan dan juga gaji dan elaun polis yang dicadangkan oleh mereka juga haruslah dinaikkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu.

**12.44 tgh.**

**Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan pada 1 September 2006. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dapat membentangkan satu bajet yang bertujuan untuk melaksanakan Misi Nasional dan Teras Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakyat negeri Sabah ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah mengambil kira keperluan rakyat serta memberi fokus untuk membangunkan negeri Sabah supaya ia dapat membangun bersama-sama dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, ucapan saya ini tidak lengkap sekiranya saya tidak membawa beberapa isu yang hangat dibincangkan di negeri Sabah sejak kebelakangan ini. Saya percaya isu-isu ini bukan sahaja isu di peringkat negeri tetapi satu isu di peringkat nasional juga yang perlu diselesaikan. Ini disebabkan ia mempunyai kesan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, apabila rasionalisasi dibuat terhadap Penerbangan Malaysia (MAS) kita menjangka prestasinya akan bertambah baik, tetapi apa yang berlaku adalah di sebaliknya. Ini telah menghampakan banyak pihak terutama sekali ahli-ahli korporat dan peniaga, ahli-ahli politik, pegawai-pegawai kerajaan dan juga orang ramai. Frekuensi penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Sabah telah dikurangkan. Penerbangan yang lewat sukar untuk mendapat *seat* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana baru-baru ini Menteri Pengangkutan Malaysia telah menyatakan frekuensi penerbangan akan ditambah bagi negeri Sabah dan Sarawak sehingga 90% pada pertengahan bulan September.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi.

**Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]:** Saya berharap kenyataan ini akan dapat ... *You have taken long enough time, please sit down.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hendak bertanya, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh, sila duduk.

**Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]:** Saya berharap kenyataan ini akan dapat dilaksanakan tanpa rintangan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu.

**Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]:** Saya mengucapkan syabas kepada menteri berkenaan dan juga kepada jawatankuasa khas...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Sila duduk, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]:** ...Yang terdiri yang terdiri daripada Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Kementerian Pelancongan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat datang ke sini, sudah hilang begitu lama, datang ke sini adakah kerana kami mengkritiknya tidak hadir sidang Parlimen di Kota Kinabalu selepas itu baru dia datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan. *Please sit down. Please observe the audience of the quorum. Thank you.*

Saya ulang, jawatankuasa khas yang terdiri daripada Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Kementerian Pelancongan, Penerbangan Malaysia dan Malaysia Airport Bhd. kerana telah membuat keputusan yang bernas. Walau bagaimanapun, saya ingin membangkitkan beberapa isu lagi yang perlu diteliti oleh jawatankuasa khas tersebut. Penerbangan Malaysia telah mengumumkan kenaikan tiket penerbangan, kenaikan ini perlu diteliti semula kerana ia membebankan orang ramai terutama sekali mereka yang tidak berkemampuan. Kenaikan ini sudah tentu menghalang usaha kerajaan untuk mempercepatkan proses integrasi nasional di antara penduduk negeri Sabah dan Sarawak dengan penduduk di Semenanjung. Selain daripada itu, kenaikan tambang ini juga akan menghalang usaha-usaha Kerajaan Negeri Sabah untuk mempromosi sektor pelancongan terutama sekali dalam tahun *Visit Malaysia Year 2007*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kesukaran untuk mendapatkan *seat* daripada penerbangan Malaysia. Saya telah dimaklumkan oleh seorang pegawai kerajaan yang ingin balik ke Kota Kinabalu, tidak mendapat *seat* bagi sektor Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Beliau dimaklumkan bahawa semua *seat* telah diambil. Namun demikian apabila pegawai tersebut pada akhirnya mendapat *seat*, dia melihat masih banyak lagi *seat* yang kosong sama ada di kelas ekonomi ataupun di kelas *business*. Adakah masalah ini disebabkan tidak adanya komunikasi di antara staf MAS ataupun mereka tidak ingin ambil tahu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pendatang tanpa izin juga hangat diperbincangkan di kalangan penduduk negeri Sabah disebabkan jenayah yang dilakukan oleh mereka. Sebagai satu contoh, insiden yang berlaku di Pulau Gaya baru-baru ini telah menyedarkan kita bahawa pendatang tanpa izin ini telah menimbulkan banyak masalah. Mereka datang ke Malaysia tanpa menghormati undang-undang Malaysia.

Dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan sejumlah RM4.9 bilion kepada polis untuk mempertingkatkan aspek keselamatan negara kita. Saya berharap sebahagian daripada jumlah tersebut diperuntukkan kepada polis di negeri Sabah supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan usaha Kerajaan Pusat untuk memberi fokus ke atas pelajaran dan latihan yang berkualiti di semua peringkat untuk membangunkan pembangunan modal insan kelas pertama. Untuk merealisasikan objektif Visi 2020, saya berharap lebih banyak lagi komuniti kolej dapat dibina di negeri Sabah untuk memenuhi keperluan lepasan sekolah dan belia-belia yang menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai dengan keberkesanan Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB) juga tidak kurang hebatnya diperbincangkan oleh rakyat Sabah dalam membekalkan tenaga elektrik yang tidak konsisten. Sebenarnya isu ini adalah isu yang sudah lama dibincangkan, namun demikian masalah ini masih lagi belum dapat diselesaikan dengan baik. SCSB haruslah peka dengan kritikan orang ramai dan pengusaha-pengusaha industri. Nampaknya SESB telah *immune* dengan kritikan-kritikan orang ramai. Usaha-usaha Kerajaan Negeri Sabah menjadi sia-sia sahaja untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negeri Sabah sekiranya utiliti yang sangat penting ini tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana dapat membentang Bajet 2007 yang sungguh realistik. Dengan itu, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**12.52 tgh.**

**Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2007 bagi masyarakat luar bandar cukup lumayan. Cukup lumayan bagi mereka yang bersyukur. Bagi mereka yang tidak bersyukur, mereka tidak nampak ada apa-apa perubahan. Kenapa mereka bersyukur? Sekurang-kurangnya masyarakat di luar bandar yang miskin, mereka telah dikurangkan bebannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku juga Menteri Kewangan, iaitu pembayaran yuran peperiksaan di semua peringkat dan setidak-tidaknya mengurangkan beban kami, wakil-wakil rakyat di pedalaman seperti saya. Ditambah lagi pula dengan makanan tambahan daripada RM30 kepada RM50 bagi murid sekolah rendah, RM50 kepada RM70 bagi murid sekolah menengah. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam suasana negara yang memerlukan kita semua ada kesungguhan, terdapat sekerat manusia yang menggelar dirinya rakyat Malaysia, yang duduk di planet mana, yang meminta pula Perdana Menteri supaya berhenti. Ini Melayu paling haprak di antara Melayu seluruh dunia ini, iaitu Bakri Musa. Dia tidak ada hak. Dia tahukah dia negara apa? Kalau dia orang Malaysia, datang balik ke Malaysia. Kalau hendak main politik, bertandinglah atas tiket apa? DAP pun boleh, ikut Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Kita tidak kisah. Jangan hendak buat kecoh, masuk internet, mengecam Perdana Menteri. Tidak melakukan apa-apa...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak campur tangan.

**Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini orang paling tidak ada guna. Ini Melayu, Melayu 'barua', namanya dan tidak boleh dimaafkan oleh seluruh orang Melayu. Kita berbangga dengan kemajuan negara kita. Walaupun kita di antara negara kecil, di antara negara yang dikenali dalam soal pembangunan dan ekonomi seantero dunia tetapi dia menjadi tali barut Amerika, memperkecil-kecilkan kepimpinan kita. Dalam masa yang sama...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Maran bangun.

**Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Terdapat juga model insan di kalangan kita. Siapa?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Mohon izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih abang saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Bila Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyentuh tentang keamanan negara kita, rahmat yang diberikan oleh Allah kepada negara kita, ini menandakan kita bersyukur kepada keamanan, kemewahan dan kerahmatan yang diberikan oleh Allah kepada negara kita ini.

Saya bimbang, saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sebab kadang-kadang kita dapat mendengar ramai daripada orang di negara kita yang duduk di negara kita ini, tidak kiralah daripada pembangkang dan sebagainya, orang Melayu atau orang lain, mempersoalkan. Seolah-olahnya tidak bersyukur kepada apa yang ada di negara kita. Negara kita aman, penuh dengan rahmat, pembangunan pelbagai. Apakah mereka ini bersedia hendak pergi ke negara lain, Yang Berhormat? Saya hendak cadangkan, kita ada peperangan di negara Lebanon, di Palestin, di Iraq dan sebagainya, kalau mereka ini rasa tidak sayang kepada negara sendiri, kita hantar ke sana. Bagaimana pandangan Yang Berhormat supaya mereka melihat bagaimana sengsaranya hidup orang di luar.

**Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya bersetuju. Saya tidak membandingkan dengan mana-mana negara. Negara-negara jiran kita pun kalau dibandingkan, kenapa ramai pendatang tanpa izin? Apa tujuan mereka? Mencari kehidupan! Sebab di negara mereka kurang kehidupan. Itu sudah cukup jelas. Banyak lagi contoh-contoh yang lain tetapi mereka ini dikategorikan Melayu yang paling haprak, yang paling tidak ada guna di antara golongan orang Melayu.

**Beberapa Ahli:** Ya, betul!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingin menyambung tadi iaitu terdapat lagi manusia yang jenis tamak haloba. Iaitu yang ingin

mempersoalkan pula *prerogative* Perdana Menteri. Jawatan menteri besar, menteri-menteri, ketua menteri, ini kuasa Perdana Menteri, apa hendak diusul-usul, hendak dicadangkan? Ini nampaknya sudah gila kuasa, sudah tidak mahu diganti. Jadi, kepada mereka yang berhasrat untuk membawa usul ini, tolong insaf bahawa kedudukan yang ada ini sementara atas ihsan Perdana Menteri. Jangan ambil kuasa Perdana Menteri sebab dia yang berkuasa. Apa hendak dipersoalkan?

Kenapa? Mahu jadi Menteri Besar sampai matikah? Melakukan sesuatu tanpa boleh diatasi oleh orang lain. Ini tidak perlu, di dalam dunia sekarang tidak perlu lagi dan saya tidak bersetuju dengan mereka yang ada cadangan seumpama ini. Sebab mereka ini rasa saya sudah tamak, sudah kegilaan kuasa mungkin yang mereka pegang.

Persoalan yang saya ingin bangkitkan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berhubung dengan agensi wilayah ataupun *Regional Development Area* atau RDA, iaitu di Sabah. Sudah dimaklumkan dalam bajet, program Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang anehnya pula, dalam Bajet 2007, Sabah tidak dimasukkan, yang diberi iaitu ada tiga wilayah iaitu Koridor Utara, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, yang *leading company*nya Sime Darby; Koridor Timur, iaitu Petronas, Kelantan, Terengganu, Pahang; Koridor Johor Selatan, iaitu oleh Khazanah Nasional.

Jadi, saya hendak tanya kementerian dan kerajaan, bagaimana dengan cadangan pewujudan agensi Wilayah Persekutuan di negeri Sabah, bila hendak dilaksanakan? Kalau tidak dilaksanakan, kenapa? Kalau mahu dilaksanakan, bila? Jangan janji kosong sebab apabila kita janji kosong, pilihan raya akan datang rakyat akan menagih janji kita. Saya meminta kerajaan supaya serius, jangan macam dahulu, menteri umum, pewujudan komuniti kolej di seluruh kawasan pilihan raya. Habuk pun tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau menteri bohong, kita pun ikut bohong. Kita cakap dengan rakyat, untuk memperkukuhkan modal insan, kerajaan bersetuju untuk mewujudkan kolej komuniti untuk menambah ilmu masyarakat luar bandar, bagi mereka yang tercicir, SPM, STPM, tidak ada. Sehingga hari ini tidak ada berita. Jadi, menteri-menteri kena *steady* sikitlah, sebab kalau kita tegur menteri marah. Tidak ditegur mereka seolah-olah ada sindrom *launching*, belum putus dan sekarang lagi hendak mewujudkan Universiti Pertahanan dalam ketenteraan.

Saya bimbang apakah kita sudah mampu untuk memberi pendedahan dalam bidang keselamatan? Apakah kita mempunyai pensyarah-pensyarah yang sudah ada kepakaran dalam teknologi, dalam *electronic warfare* dan sebagainya, sebab jiran kita Singapura sudah mempunyai sistem *electronic warfare*. Kita di Malaysia masih pakai manual, masih pakai waktu perang dunia kedua lagi. Ini memang membimbangkan, kita tidak ada *deterrent*.

Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Seputeh bahawa kita tidak ada peperangan. Memang tidak ada peperangan tetapi persediaan itu harus ada. Tidak ada manusia boleh meramal masa depan mana-mana manusia. Masa depan mana-mana negara. 'Pucun Tailor' itu pun pembohong. Itu tukang telek pun tipu semua tetapi kita diminta berikhtiar untuk mempertahankan negara kita.

Satu perkara penting saya ingin sampaikan. Rakyat minta saya bertanya kepada kerajaan, dia kata siapa itu Ting Pek Khiing? Kenapa kontrak *airport* seluruh negara, dia yang monopoli? Kota Kinabalu dia, Sarawak dia, di mana-mana dia. Ting Pek Khiing ini, siapa ini orang? Kenapa dia menggunakan orang-orang Melayu sebagai batu loncatan untuk mendapatkan kontrak?... [Disampuk] Saya minta kerajaan jawab siapa ini orang, kenapa? Tidak ada lagi orang lainkah yang boleh diberi peluang?....

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan *apologize* untuk Ting Pek Khiing, saya pun tidak kenal dia tetapi yang saya nampak, ada sesetengah orang apabila diberi projek yang besar, dia sepuluh tahun pun tidak siap, tetapi Ting Pek Khiing itu, saya nampak, apa sahaja projek, dia bawa pekerjaanya kerja

24 jam, jadi projeknya siap dengan begitu cepat. Jadi, macam mana pendapat Yang Berhormat tentang dua jenis kontraktor seperti ini?

**Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak bersetuju. Apabila orang diberi kepercayaan memang dia boleh laksanakan. Bakun tidak juga berjaya sehingga hari ini. Bakun tergendala. Saya mendapat banyak SMS daripada masyarakat ingin hendak tahu, kenapa Ting Pek Khiing dapat Lapangan Terbang Bintulu, Sibu, Miri, Kuching, Kota Kinabalu, termasuk pembinaan *Interchange* Lapangan Terbang Song, Stampin, beratus-ratus juta. Sekarang di Kota Kinabalu bilion-bilion. Tidak ada lagikah kerajaan pilih orang lain?

Saya bersetuju dengan rakan saya, Yang Berhormat bagi Putatan dan lain-lain supaya mana-mana konsesi, sama ada jalan rayakah, monopoli projekkah yang konsesinya 15 tahun, 20 tahun di *review* balik oleh kerajaan. Sebab mereka ini akan menjadi sombong dan mereka tidak akan dapat mengurus segala kontrak yang diamanahkan oleh kerajaan, sebab mereka memikirkan keuntungan.

Ada juga kontraktor itu dia *claim*, dia tuntutan pembayaran tetapi dia tidak buat jalan itu. Saya mahu BPR menyiasat perkara ini, sebab perkara ini banyak merugikan rakyat. Rakyat juga ingin bertanya siapa itu Robert Kuok, yang diberi konsesi import gula secara perseorangan. Bertahun-tahun gula masih krisis. Kenapa tidak diberi lesen kepada orang lain? Kenapa dia sahaja yang monopoli?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, boleh sambung petang. Masa sudah pukul 1.00 ya.

**Datuk Bung Mohtar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.30 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Kita ada usul.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

2.32 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari esok, 13 September 2006”.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kinabatangan sila sambung.

**2.33 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung semula dan saya meminta kerajaan supaya mengkaji konsesi-konsesi yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang monopoli seperti Robert Kuok iaitu pengimport gula kalau boleh dipecah-pecahkan di sini sebab masalah gula dalam negara kita.

Demikian juga dengan beras, BERNAS ini telah dipersoalkan di Dewan ini begitu lama. Adakah BERNAS ini betul-betul boleh menjadi tunggak utama negara kita untuk menghadapi krisis beras ini. Sebab kita bergantung 80% kepada penggunaan dalam beras kita kepada import luar negara dan berbilion-bilion ringgit kita belanjakan kenapa tidak kementerian dengan peruntukan yang ada itu walaupun mungkin kos dia tinggi untuk mengeluarkan beras di negara sendiri tetapi ini sebagai satu ikhtiar sebab kita tidak tahu apa akan berlaku pada masa depan negara kita.

Kalau contoh ada krisis dan sebagainya siapa yang berani mengatakan tiada ada krisis masa depan. Minyak sudah naik semua sudah naik rata-rata sudah naik. Tidak ada yang tidak naik, jadi oleh kerana itu sistem monopoli ini harus dikaji oleh Kementerian Kewangan sesiapa tolonglah sampai perkara ini kepada pihak lebih atasan lagi sebab sudah dipersoalkan di Dewan ini, oleh masyarakat luar kenapa kita harus bergantung dengan satu sumber dengan satu pembekal utama, kenapa tidak bagi-bagi? Kenapa satu orang sahaja kita bagi kaya? Macam mana negara kita hendak melahirkan usahawan masa depan yang berjaya. Satu orang sahaja kaya.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih abang saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat setuju tidak kalau boleh kerajaan kurangkan AP import beras? Kalau tidak pun, tiada langsung dan syaratnya BERNAS mesti, MARDI mesti buat kajian supaya naik taraf beras kita supaya rakyat makan beras sendiri seperti Selangor dan Kedah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya setuju 100%. Tuan Yang di-Pertua demikian juga dengan konsesi syarikat pembinaan jalan di Sabah empat kontraktor ini kalau boleh *review* lah daripada 15 tahun, 20 tahun ada yang kontrak 100 juta, ada yang 70 juta, ada yang 40 juta, ada yang 60 juta, dia kaya sendiri dia mencari kekayaan tetapi tidak hasilnya tidak ada sebab dia ego.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya tertarik bila Yang Berhormat sentuh tentang konsesi penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan kerana perkara ini juga pernah kita bentangkan di Dewan Rakyat di mana saya membantah Labuan dimasukkan sebagai salah satu pakej di dalam negeri Sabah. Walhal kita sudah 22 tahun diiktiraf menjadi Wilayah Persekutuan.

Bersetujukah Yang Berhormat bahawa, bila mana kerajaan melaksanakan sistem penyelenggaraan secara berpusat ini dengan hanya melantik empat kontraktor ataupun dua tiga kontraktor dalam konteks Sabah dan Labuan mungkin ada dua kontraktor. Bersetujukah Yang Berhormat bahawa secara tidak langsung tindakan kerajaan menutup periuk nasi kontraktor-kontraktor kecil yang sebelum ini projek-projek penyelenggaraan jalan raya ini dikendalikan oleh JKR. Dan JKR selalunya mengagihkan kepada kontraktor Kelas 'F' dan disebabkan oleh *maintenance* sini maka putuslah rezeki kontraktor Kelas 'F'. Setujukah Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang saya setuju sebab ini tidak rasional. Tidak masuk akal langsung yang malangnya pada peringkat pertama awal mereka dianugerahkan kontrak ini ada perjanjian untuk mengagih-agih kepada kontraktor Kelas 'F' di bawah. Malangnya mereka tidak laksanakan sebab mereka hendak makan habis. Yang kerajaan kasi kaya satu dua orang ini apa fasal? Saya mahu tanya kerajaan berapa orang bumiputera tempatan yang kaya dan tiap-tiap tahun yang keluar sebagai usahawan.

Tidak ada sebab tidak ada peluang. Yang ada dimonopoli import bagi Ting Pek King apa fasal bagi dia satu orang? Bagilah orang lain juga sama-sama dapat apa ini dapat bahagian dalam permohonan kerajaan. Jadi saya minta kerajaan supaya betul-betul serius supaya tahun depan kita tidak bahas lagi isu ini kita keluarkan daripada *Hansard* Parlimen isu ini sebab telah terlaksana.

Kalau tidak akan dibangkit setiap persidangan sebab tidak ada pelaksanaan. Kerajaan ini kita buat. Kalau kerajaan kita buat kita bina kerajaan kena mengambil keputusan jangan bagi satu orang makan. Habis itu dia tidak melihat perkembangan yang lain. Masalah yang dihadapi lagi apabila dia dapat konsesi, *consultant* pun dia lantik. Betul orang luar tetapi dia pakat, dia runding apabila berunding dia tidak buat kerja pun dia tuntutan pembayaran *consultant* tandatangan *certified job done*. Apa *done* duit yang dia hulur *donelah*. Ini kena diambil perhatian. Ini bukan tuduhan ini orang ramai cakap. Seluruh rakyat bercakap jadi kalau rakyat sudah bercakap takkan kita tidak dengar masalah-masalah seumpama ini.

Satu lagi persoalan saya ingin tanya kerajaan dan Kementerian Kewangan iaitu kebiasaannya dipanggil *Japan Bank Incorporated* iaitu membuat pembagi pinjaman kepada negara Malaysia dengan peratusan 0.1 atau 0.5%. Apa impaknya, pinjaman ini ke atas ekonomi negara kita? Sebab saya juga dimaklumkan bahawa wang pinjaman ini apabila projek dilaksanakan, syarikat konsesi Jepun ini juga yang melaksanakan. Konsultan pun daripada Jepun. Bermakna tidak ada penyertaan daripada masyarakat tempatan. Jadi ini pun perlu kita lihat, jangan daripada konsultan, dia punya kontraktor, segala-gala dia punya. Dia pinjam duit, bunga mungkin dia punya pendapatan kecil tetapi kontrak dia dapat, konsultan dia dapat. Ini Kementerian Kewangan kena kaji.

Saya juga mahu tanya kerajaan, iaitu saya mahu dinamakan lebih kurang 30 pegawai-pegawai kastam, bekas pegawai-pegawai pemegang jawatan tertinggi kastam yang bekerja di syarikat swasta pada hari ini terutama sekali mereka yang terlibat dengan penjualan kereta di negara kita. Mereka jangan bohong, saya percaya selepas mereka bersara dari kastam, pegawai *ranking* tinggi, mereka jadi lembaga pengarah, di Naza sekurang-kurangnya saya dengar ada lapan orang. Di lain-lain syarikat pun ada. Memang kalau kata tidak ada rundingan, tidak semudah itu bekas pengarah, bekas pengarah negeri dan sebagainya masuk ahli lembaga pengarah, untuk apa? Dia bukan ada kepentingan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Labuan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Yang Berhormat, saya mengikuti ucapan Yang Berhormat. Saya minta penjelasan, apakah kenyataan Yang Berhormat, merujuk kepada kurangnya pendapatan negara melalui kutipan cukai disebabkan adanya *the highest level of conspiracy* daripada pesara-pesara pegawai kastam yang berpangkat terkanan ataupun yang berpangkat tinggi ini. Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak boleh menuduh, tetapi sangkaan orang ramai begitu. Kalau orang ramai minta kita cakap di Dewan ini, kita cakap. Wakil rakyat ini selain daripada bekerja di kawasan, tugas kita di Dewan ini menyuarakan masalah rakyat. Rakyat kata begitulah keadaannya sebab di mana pendapatan melalui kutipan cukai negara kita, merosot, menurun dan baru-baru ini, ketua pengarah dia kata hendak kutip RM2.5 bilion, harap-harap menjadi. Kalau tidak ada konspirasi di antara pengedar-pengedar kereta ini dengan pihak kastam, tidak akan berlaku transformasi sebegitu sahaja. Berhenti daripada kastam, duduk di kerusi empuk juga. Sebagai lembaga pengarahlah, pengerusilah dan sebagainya. Malah lapan orang terus bekas pengarah-pengarah kastam yang tertinggi menjadi pengarah.

Saya minta kerajaan kalau boleh menyiasat, kalau ada unsur-unsur korupsi, BPR masuklah siasat. Kembalikan kepercayaan rakyat itu. DAP pun boleh tengok kita buat kerja, jangan dia tuduh kita tidak buat kerja. Sebab dia selalu kata, kita tidak buat kerja tetapi dalam soal-soal begini, DAP diam. Kalau kita hentam kastam dia kata kita *against*, biar diam-diam. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tidak pernah satu kata pun tidak keluar. Itu masalahnya. Jadi saya minta kerajaan supaya mengambil berat persoalan ini, sebab ini tanggapan orang ramai.

Banyak tuduhan sudah dibuat, penyeludupan rokok berleluasa di kaki lima dan sebagainya. Ini berlaku, bukan tidak berlaku! Kecuali mereka butalah, mereka tidak nampak. Dan saya baru-baru ini, saya tidak pernah kata, semua pegawai kastam rasuah, ada sebilangan anggota dia yang rasuah, bukan semua, jadi jangan marahlah kalau kita tegur. Sebab teguran ini untuk kepentingan rakyat, mereka salah satu lembaga agensi yang diamanahkan oleh kerajaan untuk memohon cukai, maka mereka kena melaksanakan tugas dan amanah mereka.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita kecoh tentang penggunaan visa pelajar oleh rakyat negara asing untuk mencari pekerjaan di negara kita. Dan mereka visa pelajar ini digunakan melalui IPTS tempatan. Mereka ini cukup pintar dan mungkin sindiket ini berlaku di semua IPTS. Mereka menggunakan visa pelajar tetapi akhirnya mereka bekerja di tempat-tempat lain dan terbongkar apabila mereka tertangkap di pusat-pusat karaoke, di pusat-pusat hiburan, membeli-belah dan sebagainya. Ini masalah yang kita hadapi, IPTS ini memang terlibat sebab kalau dia tidak terlibat, pelajar yang dia daftar tiba-tiba hilang sehingga 100 orang, dia tidak membuat laporan polis. Ini ada masalah besar Tuan Yang di-Pertua. Ya, sila.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan kerana bagi ruang kepada saya. Saya ingin menambah juga dan juga mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai dengan IPTS yang bekerjasama untuk mengeluarkan pas pelajar.

Adakah mereka tidak saring sama ada orang itu benar-benar mempunyai kelayakan untuk mengikuti kursus-kursus di kolej mereka, satu. Ataupun nombor duanya, adakah Kementerian Pengajian Tinggi, tidak ambil tahu langsung mengenai dengan pelajar-pelajar asing. Ketiganya, apakah patut atau tidak, hari ini juga secara tegas, pihak Kementerian Pelajaran *cancel* ataupun terus tidak diizinkan dia punya kelulusan bagi IPTS itu. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Memang ini berlaku, terdapat mungkin *overlook* ataupun rasa tidak ingin tahu di semua peringkat. Perkara ini boleh menimbulkan implikasi yang besar kepada negara kita.

Dan saya mencadangkan kepada kerajaan kalau boleh IPTS ini bukan sahaja diberi amaran, tetapi digantung lesen pembelajaran dan pendidikan dia. Jangan keluarkan lesen untuk dia, selagi ada masalah, sebab inilah landasan dia memungut duit. Ada pegawai-pegawai dia yang terlibat di sebalik sindiket yang berlaku ini dan kerajaan harus tegas, iaitu potong lesen mana-mana IPTS yang didapati menyeleweng daripada agenda asal iaitu mengambil pelajar luar untuk belajar, tetapi dia sindiket keluar, dia yang menjadi transit untuk *legalized visa* pelajar ini kepada jurusan-jurusan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang satu lagi ini dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Beluran dan Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu, berhubung dengan MAS. Kenaikan tambang MAS ini, memang rakyat marah Tuan Yang di-Pertua. Harga minyak naik rakyat tidak marah, harga gula naik, rakyat tidak marah, harga barang naik, rakyat tidak marah. Yang rakyat marah, kenaikan tambang MAS ini dan juga kejatuhan bola sepak kita. Itu rakyat memang marah, sebab sudah banyak masa diberi.

MAS ini sebuah syarikat kerajaan, ia bukan syarikat swasta. Apabila syarikat kerajaan, maka dia ada sosial obligasi iaitu tanggungjawab sosial dia untuk mempertingkatkan integrasi nasional dan juga mungkin MAS rugi di sektor ini, tetapi kita untung dari sektor pelancongan. Sebab pelancongan di kawasan Sabah, di Kinabatangan khususnya merosot apabila penerbangan MAS sudah kurang dan juga tambang dia meningkat. Dulu di kampung saya, hari-hari ada 20-30 orang pelancong luar negara iaitu daripada Jepun, daripada Jerman, Australia, UK dan Amerika. Hari ini tinggal satu dan dua orang sahaja. Bermakna kita rugi di semua sektor. Sektor penerbangan kita rugi, sektor pelancongan kita rugi. Jadi ini perlu dikaji.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun, dua orang bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat bagi Tanah Merah dulu.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Apabila Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangkit fasal tambang MAS, *social obligation* MAS, hari ini kita tertekan, kita wakil rakyat pun tertekan. Apabila pergi ke kaunter hendak beli tiket, tidak dapat tiket. Tidak ada tiket yang kelas 'D', dia kata tetapi saya tanya menteri, perkara ini telah diselesaikan dengan MAS. Sehingga hari ini, saya terpaksa beli tiket dengan harga RM750 yang sebelum ini saya beli RM436 sahaja, daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur. Apakah MAS rugi kerana harga tiketnya ataupun MAS rugi kerana kos operasi.

Apakah penjualan bangunan MAS yang dicadangkan ini dapat menyelesaikan masalah MAS? Saya yakin Yang Berhormat boleh komen pasal ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya jadikan ucapan Yang Berhormat sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan saya tambah sedikit. Saya memang, saya dua kali. Saya memang cuba *trace* betul-betulkah MAS ini melaksanakan tugasnya. Saya *book* tiket balik ke Kota Kinabalu, dia kata penuh. *Then* saya runding-runding dengan kawan, dapat satu *seat*.

Saya masuk dalam penerbangan itu, saya duduk di kelas pertama, saya tengok ada empat, lima kosong dan di belakang pun kosong. Jadi ini permainan, saya tidak tahulah sama ada sabotajkah atau memang sengaja diada-adakan. Jadi mereka yang bijak pandai di MAS itu jangan memandai-mandai. Ini syarikat bukan syarikat bapa dia punya... [Ketawa]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sekali lagi saya ingin menyokong saranan Yang Berhormat bagi Tanah Merah dan Yang Berhormat sendiri yang mana dahulu diberitahu oleh pihak menteri, apa rasionalisasi yang bagi saya rasionalisasi yang *irrational* sekarang. Betul atau tidak? Dan juga kalau dikatakan, kalau kita fikirkan untuk mengaut balik keuntungan kepada MAS, sepatutnya gaji orang daripada atas daripada Idris Jala itu dan beberapa orang dipotong bukan daripada bawah. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Bukan lagi *irrational*, tidak rasional langsung, tidak masuk akal dan tidak boleh diterima oleh fakta dan kenyataan sebab mereka memanipulasikan menipu kerajaan, menipu rakyat! Jadi kalau menipu ini, hukumannya tangkap, bukan lagi didakwa dan ditangkap. Mereka merugikan ekonomi kerajaan. Menteri pula saya tidak tahulah, kenapa menteri boleh ditipu oleh pengarah-pengarah MAS ini? Menteri kata minggu lalu depan saya... [Disampuk] Yang Berhormat bagi Beluran tidak ada, dia kata, "Okey, masalah wakil rakyat dengan MAS sudah selesai. Pengarah sudah saya panggil."

Saya balik dan saya telefon, sama juga. Jadi kalau menteri ditipu, apa lagi rakyat dia tidak tipu. Saya minta menteri ini tegas sedikitlah. Menteri Pengangkutan ambil peringatan, kalau tidak, kita wakil rakyat akan tidak berhenti untuk membicarakan soal ini. Ini soal hak kita. Bukan MAS ada hak mahu potong. Kalau kerajaan potong, baru kita terima. MAS bukan sebahagian daripada kerajaan. Satu isu...

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya tertarik apabila saya dari Kelantan, saya duduk 12 tahun di Sabah dan Sarawak, masa jadi *government servant* dulu. Apabila kita tengok integrasi nasional hampir berjaya akan membantut apabila kapal terbang naik, pelancong-pelancong tidak akan pergi ke Sabah dan Sarawak sedangkan pelancong itu beri keuntungan besar Yang Berhormat kata. Jadi bagi saya, setuju atau tidak, kalau boleh kita tengok balik hak mana yang terbantut untuk Malaysia maju meningkat 2020, potong balik....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Nanti dahulu... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Dalam Surah Hud, ini *sorry* pasal Yang Berhormat, saya Hadhari. Dalam Surah Hud, mula-mula mukadimah RMK-9, Yang Amat Berhormat bawa, dia kata, "*Kamu dari tanah, kamulah akan memakmurkan bumi ini.*" Kenapa kita tidak ada kuasa? Sekarang British tidak ada,

penjajah tidak ada. Yang adanya kita sendiri memerintah dengan cara penekanan Hadhari. Setuju tak?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Hadhari ini. Yang sebetulnya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dia termaktub dalam teras iaitu integrasi nasional. Bagaimana kita hendak merapatkan jurang integrasi nasional kita kalau MAS mengambil pendekatan yang sebegini. Ini bukan salah satu teras yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini penipuan daripada MAS. Jadi, ini kerajaan kena lihat secara rasional sebab kita wakil rakyat memang rasional. Seperti Yang Berhormat bagi Jerai ini memang rasional.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, terima kasih... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat "Bung" hari ini semangat kuat. Wanita-wanita dari kawasan "Bung" ada di sini ya?... [Disampuk] Janganlah cemburu.... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jerai, terus.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat kerana saya difahamkan Sistem Penerbangan Malaysia juga akan menghentikan penerbangan dari Alor Star ke Kuala Lumpur mulai bulan Ramadhan ini.

Jadi saya hendak tahu, adakah orang Alor Star ini tidak ada duit hendak naik kapal terbang? Takkanlah kami orang Kedah ini susah sangat. Jadi saya bersetuju bahawa kalau hendak buat apa-apa pun, MAS ini adalah hak milik kerajaan. Kemudahan dan keperluan rakyat harus diambil kira selain daripada keuntungan yang kita hendak. Jadi bermakna MAS boleh cari jalan lain untuk menampung balik kerugian kalau berlaku penerbangan dalam negeri. Jadi Yang Berhormat, saya bersetuju kerana Yang Berhormat, bukanlah kita kata hendak marah sangat tetapi biarlah MAS ini agak rasional sedikit dari segi mereka hendak menstrukturkan balik syarikat tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebahagian saya ambil ucapan Yang Berhormat bagi Jerai sebagai ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, minta gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Menggulung, Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara singkat sahaja iaitu pertama saya ingin bertanya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya ingin minta penjelasan, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.... [Disampuk] Bagilah, bagilah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Kinabatangan.... [Disampuk] Hei, jangan ganggu. Saya hanya minta Yang Berhormat bagi Kinabatangan, selalunya saya duduk dalam Dewan sini dalam beberapa minggu yang lepas, Yang Berhormat sama ada hentam MAS ataupun AirAsia. Jadi kedua-dua syarikat kapal terbang pun Yang Berhormat tidak suka. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat ingin mengadakan "Airlines Kinabatangan" atau "Airlines Bung".... [Disampuk] Mungkin nama yang lebih baik adalah "Airlines Rokat".

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Ini pembangkang punya kualiti, low class lah.... [Ketawa]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak jawab. Saya punya kawan jawab. Saya ingin mencadangkan kalau kedua-dua ini sudah tidak rasional, kita buka, *open sky*. Biar daripada Singapore Airlines yang datang, Thailand Airlines datang, Philippines Airlines datang dan Indonesian Airlines datang! Daripada mereka tidak mempedulikan sedangkan mereka mendapat konsesi monopoli, kerajaan kenapa tidak biarkan "langit terbuka". Jadi bersainglah secara saksama kalau betul

mereka pakar ekonomi atau pakar korporat, bukan keparat, bukalah! Yang Berhormat bagi Seputeh tahu penjelasan saya? Akhirnya Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apa yang mahu dibuka itu "Bung"?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ruang udara kita dibuka untuk semua.... [Ketawa]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Menyampuk]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa itu Yang Berhormat bagi Batu Gajah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila teruskan, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apabila saya ke lapangan terbang antarabangsa, kita melalui Lebuhraya Sungai Besi dan di situ saya lihat PLUS, semua tempatnya ada iklan dari TMLah, Celcomlah, semua ada!

Jadi saya mahu tanya kepada kerajaan, siapa yang beri kebenaran, pertama. Kedua, untungnya siapa dapat? Berapa keuntungan yang diperolehi melalui iklan ini? Kalau PLUS dapat, tidak perlu ia naikkan tol itu sebab ia sudah mendapat keuntungan daripada sektor yang lain. Kalau dibiarkan begini, nampaknya kerajaan tertipu lagi. Asyik-asyik apabila ada MOU, tertipu lagi. Itulah nama lagu, "*Tipah Tertipu, Tipah*". Inilah yang berlakunya. Orang berniaga boleh tipu kerajaan, saya hairan padahal kita ada AG, ada penasihat undang-undang, ada penasihat ekonomi. Otak mereka tidak tahulah letak di mana. Saya pun tidak boleh hendak cakaplah.... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, Yang Berhormat, habiskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi sebagai yang terakhir, saya meminta sekali lagi iaitu agar kerajaan lebih serius menangani isu-isu yang mana saya kemukakan tadi termasuk mengkaji konsesi-konsesi sama ada kontraktor jalan raya dan sebagainya, termasuk mengkaji pemberian lesen secara tunggal, secara *one-man-show* ini sebab merugikan negara kita supaya dapat bukan lagi dipertimbangkan, difikirkan secara bijaksana sebab kalau tidak kita laksanakan sekarang, bila lagi ia harus dilaksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dengan ini saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**3.00 ptg.**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2007. Seperti mana yang kita sedia maklum Dewan ini tugas utama peranan kita adalah menggubal undang-undang, tetapi apabila kita menggubal undang-undang kita kena melihat keperluan atau justifikasi untuk menggubal undang-undang.

Pada tahun lalu nampaknya ada desakan daripada *Board* atau pun Lembaga Penilai Berdaftar atau *Board of Values Appraisers' and Estate Agents'* dan *Institution of Surveyors' Malaysia* dengan izin, telah mendesak kerajaan supaya meminda akta berkenaan dan semua bangunan pejabat komersial dan juga kondominium akan diselenggarakan oleh satu jawatan yang dinamakan Pengurus Hartanah Berdaftar di Malaysia dan ianya hanya boleh dijawat oleh ahli-ahli pertubuhan ini.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang dianggap monopoli secara mutlak. Kalau kita melihat sejarah, pengurusan hartanah ini adalah satu jenis pekerjaan dan bukannya satu profesion. Jadi pendaftaran profesional, kalau kita lihat sama ada jurutera, arkitek, untuk menjaga kepentingan awam tetapi untuk kes ini ianya bukan menjaga kawasan-kawasan flat yang kos rendah. Apa yang dijadikan sasaran adalah bangunan-bangunan komersial, pejabat dan juga kondominium mewah. Apabila kita

melihat, kita hendak buat pindaan, cadangan yang diminta itu untuk membuat pindaan tidak ada nilai tambah. Cuma saya mengatakan, saya menyimpulkannya sebagai satu monopoli secara mutlak untuk diberikan kepada penilai yang berdaftar.

Tuan Yang di Pertua, pemilik bangunan yang ada sekarang bebas memilih Pengurus Hartanah atau Pengurus Kompleks masing-masing. Mengikut seksyen 21(1A), 21(2A), 21(3A) yang sedia ada. Ini bermakna siapa layak beliaulah menyandang jawatan itu baik dia jurutera awam, mekanikal, *electrical*, arkitek ataupun akauntan ataupun sesiapa sahaja tetapi saya tidak nampak struktur yang ada ini, apa masalah yang berlaku sekarang? Saya tidak nampak ada masalah. Itu okey, tetapi, apabila saya melihat ada cadangan untuk meminda akta tersebut, saya rasa tidak perlu kita melakukan secara wajib untuk melantik Pengurus Hartanah dan ini akan meningkatkan kos pengoperasian yang akhirnya akan diturunkan kepada penyewa dan pemilik unit bangunan.

Saya rasa ini adalah satu isu yang relevan. Cadangan pendaftaran ini yang dibawa pada tahun lalu dan masih lagi ditunda oleh Kerajaan. Cadangan pendaftaran ini untuk kepentingan diri. Maka saya melihat peranan dan sumbangan penilai dalam sektor pembinaan atau kita menyebut tentang pembinaan sebuah kompleks. Saya tidak nampak di mana peranan penilai. Begitu kecil sekali berbanding dengan jurutera, arkitek dan juruukur, misalan. Saya rasa mereka lebih berperanan besar dan beri sumbangan besar. Apa yang telah disumbangkan oleh penilai secara minimum sahaja berbanding dengan profesion yang saya nyatakan tadi.

Kita lihat di Malaysia, ruang pejabat kita mempunyai 67 juta kaki persegi di Kuala Lumpur. Di luar Kuala Lumpur kita mempunyai 82 juta kaki persegi. Ruang kompleks komersial pula kita mempunyai 36 juta kaki persegi di Kuala Lumpur dan 40 juta kaki persegi di luar Kuala Lumpur. Jumlah unit kondominium di Malaysia dianggarkan kira-kira 300 ratus ribu unit. Apa yang dicadangkan oleh Penilai Pendaftar ini, mereka akan mengenakan caj 2% daripada jumlah kutipan sewa pejabat dan ruang komersial manakala purata RM100 minimum sebulan untuk setiap unit kondominium. Kalau kita membuat perhitungan secara mendalam, pendapatan kasar setahun bagi ruang pejabat di Malaysia ialah RM69.6 juta sekiranya kita menganggap purata sewanya adalah RM2 satu kaki persegi sebulan.

Untuk ruang komersial pula apabila kita menganggap puratanya sewa adalah RM3 satu kaki persegi bermakna jumlah pendapatannya adalah RM54.72 juta. Kondominium pula kita melihat 300 ribu unit. Sebulan kita kutip RM100 bermakna RM360 juta. Jumlah keseluruhannya adalah RM484 juta setahun.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya dapat mendengar Yang Berhormat menyebut tadi tentang tiada nilai tambah apabila diwujudkan satu juru nilai yang akan menilai segala hasil kerja jurutera, arkitek, juruukur dan sebagainya.

Pada pandangan Yang Berhormat, mungkin bila Yang Berhormat menyebut tentang monopoli itu saya mungkin bersetuju sebahagian tetapi dalam satu konteks yang lain kita perlu lihat bahawa mungkin sudah tiba masanya kita memerlukan satu *standardization*, satu piawaian, di mana ada satu badan yang akan melihat supaya ketiga-tiga ini tidak bercanggah dari segi proses, dari segi pengukuran dan juga dari segi penilaiannya.

Jadi mungkin atas semangat untuk menyenangkan pengguna di akhir hari maka diwujudkan satu badan ini untuk memantau dalam setiap kegiatan ketiga-tiga profesion tadi. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal itu? Jangan kita terlalu ekstrem sehingga mengatakan mungkin ada niat buruk atau sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di Pertua.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya ingin memberi respons kepada apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya, saya mengatakan monopoli itu disebabkan reaksi daripada semua pertubuhan profesional terhadap pindaan ini ialah tidak memuaskan. Mereka mendapati ini adalah satu monopoli secara mutlak seperti mana yang dipersetujui oleh Yang Berhormat tadi sebahagiannya tetapi saya melihat perkara ini, kalau ianya adalah untuk memantapkan lagi sistem pengurusan hartanah di negara ini, saya rasa kerajaan boleh menetapkan satu dasar, satu garis panduan malahan satu piawaian tetapi bukan mendaftarkannya sebagai satu profesion. Kalau kita

mendaftarnya sebagai satu profesion, ia merupakan satu penindasan kepada profesion yang lain. Jadi saya memang bersetuju sangat kalau kerajaan mempunyai satu garis panduan ataupun piawaian untuk dicapai oleh semua pengurusan kompleks tetapi tidaklah melalui cara yang dibuat melalui pindaan dalam akta penilai itu sendiri.

Jadi secara kesimpulan saya menyatakan tadi, pendapatan RM484 juta, satu pendapatan yang begitu lumayan diagihkan kepada 600 lebih kurang Penilai Pendaftar di Malaysia. Saya nampak kesannya memang teruk. Tidak ada kebaikan pada orang awam. Kalau nak, ambil alihlah kawasan-kawasan kos rendah ataupun pangsapuri kos rendah ataupun rumah kos rendah. Saya rasa itulah yang kita perlukan perhatian penuh untuk kita menjaga dan menyelenggara dengan baik, tetapi itu tidak dimasukkan dalam skop. Apa yang di *target* ataupun dijadikan sasaran adalah ruang pejabat komersial dan juga kondominium. Saya tidak nampak di manakah kebbaikannya akan dibawa untuk orang awam.

Keduanya, ini sebagai seperti yang saya katakan untuk kepentingan golongan sedikit saja. Ketiga, saya menganggap ini sebagai satu diskriminasi secara mutlak terhadap profesion lain seperti mana yang saya katakan termasuklah jurutera awam, elektrik, mekanikal, arkitek, akauntan yang sekarang ini masing-masing memegang jawatan ini. Keempat, implikasinya pula sekiranya diluluskan pindaan ini ialah pelaksanaan sistem Ali Baba semata-mata untuk memenuhi keperluan peruntukan undang-undang. Ali Baba dalam konteks ini bukan Melayu dengan Cina. Ali Baba itu demi untuk pemilik membayar royalti iaitu semata-mata kepada penilai tetapi bangunan tetap diselenggarakan oleh kumpulan atau pengurusan yang sedia ada.

Saya rasa ini akan meningkatkan lagi kos yang akhirnya akan diturunkan kepada pengguna. Saya meminta kerajaan supaya perkara ini kita tidak patut melibatkan diri dalam percaturan ataupun diperalatkan untuk menghalalkan monopoli ini. Sebab itulah saya merayu supaya pendaftaran Pengurus Hartanah ini dapat di *KIV* kan atau ditangguhkan dan akan kita lupakan saja pindaan itu, kekalkan apa yang ada, memantapkan sistem dan mewujudkan satu piawaian.

Tuan Yang di Pertua, isu kedua yang ingin saya bawa adalah doktor Malaysia ataupun doktor gigi Malaysia yang tidak diberikan visa percuma untuk menjalani latihan pakar perubatan di United Kingdom di British. Saya rasa ini adalah satu isu yang amat menakjubkan kita semua. Kerajaan British memperkenalkan MMC dengan izin, *Modernizing Medical Career* dan mengumumkan keputusan untuk memberhentikan semua fasiliti visa percuma untuk doktor dan *dentist* di Malaysia menjalani latihan pakar pada Mac tahun ini dan ianya berkuat kuasa serta-merta pada 1 Jun 2006.

Saya telah membuat satu *survey* ataupun satu penilaian di mana saya mendapati seramai 1,000 rakyat Malaysia terkandas ataupun menjadi mangsa apabila diperkenalkan sistem ini dan mereka ini untuk makluman Dewan yang mulia ini telah membelanjakan sekurang-kurangnya 150,000 pound iaitu hampir RM1 juta untuk mengikuti pengajian perubatan MBBS dan mereka ini diarahkan pulang atau memohon permit kerja.

Saya rasa dalam konteks dan kes ini kerajaan British tidak menunjukkan semangat Komanwel yang kita tunggu-tunggu. Semangat Komanwel langsung tidak dihayati dan ini kerajaan British telah menganggotai EU dan lupa tanggungjawab sosialnya di mana pada satu ketika dahulu British yang menjajah negara kita dan merampas kekayaan dan sumber asli getah, bijih timah kita tetapi saya tidak nampak di mana obligasinya setelah menyertai EU dan inilah yang kita pertikaikan semangat Komanwel. Kalau kita tidak ada semangat Komanwel kenapa kita hendak menyertai Komanwel.

Baru-baru ini saya berkesempatan untuk membangkitkan isu ini di persidangan CPA di Abuja dan saya sendiri membawa perkara ini kepada *Secretary General of Commonwealth*, Mr. Don McKinnon. Saya terperanjat apabila rintihan yang dibawa itu disokong oleh negara-negara Komanwel yang lain. Mereka juga berpendapat bahawa ini adalah satu diskriminasi terhadap negara-negara Komanwel dan selama ini kita telah memberi sumbangan berjuta-juta dalam bentuk kewangan, kita menjayakan sukan Komanwel dan kita memberi obligasi kita, kita menunaikan janji kita. Itu begitu baik sekali.

Kita sebagai sebuah negara Komanwel, kita telah memberikan sumbangan kita yang begitu bererti kepada institusi Komanwel itu sendiri tetapi penguatkuasaan

peraturan serta-merta tanpa penerangan ini telah mendatangkan kesan yang buruk dan pendirian kita, kita menghormati kedaulatan negara, *sovereignty* bagi kerajaan British, tetapi apa yang kita minta kemudahan yang sedia ada sepatutnya dikekalkan dan tidak perlu dimansuhkan dan kita berlandaskan kepada semangat Komanwel dan ianya haruslah dikekalkan. Dan di mana perginya semangat Komanwel yang ada sekarang. Dan saya mengibaratkan ia sebagai satu kerajaan British ini berkenalan dengan rakan baru hendak menindas kawan lama. Ini adalah satu semangat yang tidak patut kita beri pujian dan kita patut mengutuk tindakan kerajaan British ini yang mengakibatkan lebih kurang 1,000 orang rakyat Malaysia terkandas dalam sistem MMC ini.

Saya di sini mencadangkan pada Dewan yang mulia bahawa tindakan Kerajaan Malaysia dalam soal Malaysia saya meminta Wisma Putra supaya menghantar satu memo atau nota bantahan untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia kepada kerajaan British dan pada waktu yang sama menggembelngkan tenaga negara-negara Komanwel yang lain untuk sama-sama kita menyampaikan bantahan kita. Yang kedua, sekiranya kerajaan British berdegil dengan keputusan meneruskan dasar pilih kasih atau *double standard* dengan izin, tidak guna kita menyertai atau memberi sumbangan kewangan kepada Pertubuhan Komanwel yang berjuta-juta ringgit setahun.

Saya juga di sini mencadangkan supaya Wisma Putra dengan kerjasama agensi berkenaan memberi penerangan mengenai dasar baru UK yang mempunyai implikasi buruk kemudian hari kepada pelajar-pelajar, dan saya rasa penerangan ini patut diberikan lebih awal supaya mereka lebih bersedia. Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang ingin saya bawa di sini...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam saya nampak semangat sangat Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ini. Dasar itu bila kita wujud ketidaksefahaman atau wujud masalah yang kecil kita sepatutnya menggunakan diplomasi tapi apabila Yang Berhormat menyarankan Wisma Putra supaya menghantar memorandum kutukan dan sebagainya itu saya nampak ia akan hanya menjerus kepada *lose-lose*, rugi-rugi.

Patutnya kita tengok di manakah ruang boleh ada perbincangan bagaimana kita boleh memperoleh kembali kemudahan yang telah disediakan sekian lama dan sebagainya. Jadi itu lebih menampakkan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang mempunyai diplomasi yang tinggi. Jangan kutuklah, jangan desak. Kita gunakan diplomasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya rasa ini adalah soal kepentingan rakyat Malaysia, dan saya pernah berbincang dengan pihak Yang Berhormat Menteri sendiri tentang perkara ini. Apabila ianya diumumkan pada awal tahun ini. Rakyat Malaysia di London berasa panik apabila keputusan itu telah dibuat dan setelah itu mereka telah menghantar beberapa rayuan kepada pihak kerajaan British dan sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua tidak ada jawapan.

Kita meminta supaya satu pertemuan dapat diatur untuk berjumpa dengan *British High Commissioner* yang baru tetapi sampai hari ini tidak ada. Apa yang ada adalah mereka menggunakan seorang rakyat Malaysia yang bernama David Tan kononnya mewakili kerajaan British, mengatakan itu tidak benar. Dan selepas itu kita nampak mereka yang menjadi mangsa doktor-doktor pakar ini mereka telah keluar tampil ke depan memberitahu apakah masalah yang berlaku dan saya rasa ini adalah satu isu yang relevan. Apa yang kita tuntut, apa yang kita sudah nikmati selama ini kita kekalkan. Itu sahaja yang kita minta. Saya rasa kita telah menggunakan saluran diplomatik dan saya berharap supaya Wisma Putra menjalankan kerjanya dengan lebih tegas lagi, kerana saya rasa kita kena melalui Wisma Putra. Kita tidak membuat protes, boikot, tidak.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau kita sampai ke tahap boikot saya rasa mungkin kita keterlaluan tapi secara bantahan memo saya rasa itu perkara biasa. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya bukan kata hendak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, tetapi sekali-skala dengan pihak British bekas *colonial masters* kita dahulu kita kena bagi satu *short treatment* kerana kita masih terbandung Yang Berhormat, terbandung dengan British ini. *System education* masih kita ikut, sistem pentadbiran British masih ikut. Semua sistem British masih kita ikut.

Maknanya kita belum lagi mengeluarkan diri kita sendiri daripada *colonial thinking* daripada pihak British ini. Sepatutnya kita macam Amerika, *driving start on the left*, benda-benda lain kita ubah, semua kita patut ubah. Saya setuju dengan Yang Berhormat tapi masalahnya kita kena lihat juga persoalan perdagangan kita dengan British berapa banyak. Faedah dan keuntungan kita daripada perdagangan kita dengan Britain tapi saya setuju. Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Masalahnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Hendak bagi jalan?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Silakan.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. Polisi kerajaan sekarang ini nampaknya mengalihkan penghantaran pelajar-pelajar ini ataupun tidak menggesa pelajar-pelajar Malaysia ini terus ke UK, tapi ke Australia ataupun New Zealand. Menteri Pengajian Tinggi sendiri pun mengatakan bahawa *post-graduate* ataupun kepakaran ini akan dihantar ke Australia. Kenapa kita beria-ia sangat hendak hantar ke England, sedangkan belanja di Australia lebih murah daripada belanja di England, kepakarannya sama. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bertentangan dengan polisi kerajaan sendiri.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, saya rasa saya ingin memberi satu gambaran yang lebih jelas. Sebenarnya mereka telah menjadi *graduate* dalam perubatan. Mereka ini *medical officer*. Masalahnya mereka menjalani latihan kepakaran. Jadi, bila jadi doktor pakar dia kena melalui satu proses tiga tahun untuk mendapatkan keahlian dalam *Royal College of Surgery* atau *Physician* untuk mendapat MRCP atau MCRS. Saya rasa dua ini apabila memansuhkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** MRCS Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** MRCS, MRCP. Jadi sekarang dengan adanya pengenalan baru tidak ada perkataan M lagi, terus pakai *fellowship*. Apabila daripada 'M' hendak jadi 'F' *fellowship*, mengambil masa empat hingga enam tahun. Bermakna daripada *graduate* seseorang itu sampai ke tahap itu mungkin lapan tahun. Dan mereka ini adalah di tengah-tengah. Sudah menjalani latihan kepakaran dalam tahun pertama atau kedua. Jadi di mana mereka hendak pergi. Saya rasa biarlah mereka yang berada dalam sistem ini habiskan. Saya rasa pihak British sepatutnya bertimbang rasa.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Bukan kata kita tidak boleh pergi dengan orang lain, boleh tetapi kita biarlah teruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...yang ini dan benarkan. Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Dia doktor juga ini.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih. Jadi memang masalah yang timbul apabila pelajar-pelajar ataupun doktor-doktor gigi yang hendak melanjutkan pelajaran ke luar negara terutamanya ke Britain telah dinafikan hak. Cuma saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, apakah sebabnya dan adakah sebab itu disebabkan oleh kekurangan yang dihasilkan oleh produk-produk kita iaitu doktor-doktor gigi daripada negara kita yang dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi kita ataupun ada masalah-masalah lain yang boleh mengakibatkan pembatalan tadi.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya telah membuat tinjauan sebenarnya berdasarkan kepada maklum balas daripada doktor-doktor yang ada di sana mereka ini kerajaan British untuk menjaga hati negara-negara EU.

Maka mereka membenarkan negara-negara EU itu menjalankan latihan pakar dan sebaliknya menafikan hak negara Malaysia atau Singapura untuk menjalani latihan pakar. Saya rasa itu adalah soal pendirian kita. Kedua, saya tidak tahu kenapa pihak Kerajaan British melakukan begitu, kalau dia tidak benarkan rakyat asing, mungkin kita faham, tetapi hanya membenarkan EU satu *grouping* baru, dan negara Komanwel lain, mereka ditindas. Saya rasa itulah tidak serasi dengan semangat Komanwel yang kita katakan yang telah dibina lebih daripada 80 tahun.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Jadi adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa kalau masalah ini berterusan, memberi cadangan kepada pihak kerajaan supaya negara kita sendiri menyediakan peluang-peluang kepada doktor-doktor gigi ataupun doktor-doktor perubatan untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara kita sendiri dengan mewujudkan universiti-universiti yang memberi pengkhususan kepada pembelajaran kepakaran.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Timbalannya telah membuat kenyataan kita sedia menerima, tetapi hakikatnya saya rasa secara jangka panjang kita perlu tubuhkan fakulti khas untuk menjalani latihan pakar bagi doktor-doktor kita. Itu secara jangka panjang. Bagi saya mereka yang tengah-tengah ini sudah tiga tahun, mana hendak pergi. Saya rasa kita harus membenarkan mereka menghabiskan latihan kepakaran ini, barulah mereka balik dan saya rasa sistem itu perlu diberitahu lebih awal kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran. Apabila mereka sudah tahu tidak boleh melanjutkan, hendak pergi juga itu masalah ini.

Jadi beralih kepada isu yang ketiga. Saya rasa kebocoran atau ketirisan dalam sistem penyampaian, saya masih ingat lagi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan RMK-9 baru-baru ini, dan saya menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertingkatkan sistem penyampaian dalam sektor awam dan juga kita perlu menghindar kebocoran dan ketirisan. Itu yang saya rasa satu perkara yang baik. Yang kedua, semalam Yang Berhormat bagi Johor Bahru juga berucap dan mengatakan bahawa tidak kira *frontbench*, *backbench* masing-masing ada tanggungjawab kita. Kita berfungsi dalam satu pasukan dan saya rasa saya memang bersetuju bahawa konsep pasukan itu perlu diguna pakai dalam konteks ini. Apabila kita selaku Wakil Rakyat *Backbencher*, melihat satu tindakan kerajaan yang betul, kita puji.

Kalau tidak betul, kita betulkan ataupun kita buat teguran secara membina dan saya di sini beranggapan bahawa apabila seorang pegawai ataupun mana-mana kontraktor melakukan satu kesilapan dan jangan kerana pegawai atau kontraktor membuat kesilapan, akhirnya Barisan Nasional menanggung segala nama buruk itu. Saya rasa kita perlu jelas dengan fungsi kita, peranan kita. Kita tidak mahu menanggung nama buruk itu. Saya mengambil satu contoh, di kawasan saya, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi peruntukan RM200,000 kepada Kampung Haji Kamisan daripada awal tahun, tetapi, JKR telah mengambil masa tiga bulan pada mulanya hendak *negotiate tender*,

lepas itu buka tender, sudah buka, sudah diberikan, dibatalkan semula baru hendak buka semula.

Saya sebagai wakil rakyat, saya sudah pergi kawasan itu tiga kali. Kita hendak buat kenduri, kononnya pada Julai telah ditunda pada Ogos dan saya berjanji pada September tetapi, baru-baru ini semalam saya diberitahu ianya dibatalkan semula. Saya rasa bukan soal menteri tidak menunaikan janji, oleh kerana agensi pelaksanaan ini mempunyai masalah, saya pun tidak tahu kenapa masalah. Duit tidak ada, mereka tidak boleh melaksanakan. Jadi sebagai wakil rakyat, saya mengambil contoh ini, akhirnya kita mungkin menanggung segala kesengsaraan itu, saya tidak tahu perkara ini berulang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut bangun Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya memanglah berpendapat yang sama tentang kita, apabila soal sektor awam, membabitkan kakitangan kerajaan, sistem *delivery*. Saya hendak beri satu contoh. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahukan wakil-wakil rakyat supaya sentiasa hadir dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Kerana itulah di mana kita dapat memantau segala projek-projek pelaksanaan di dalam kawasan kita sebagai contoh, supaya kita tahu di mana timbul kelewatan dan sebagainya, tetapi, masalahnya mesyuarat tindakan daerah ini diadakan waktu kita bersidang di Parlimen.

Saya yakin bukan hanya berlaku, ini berlaku pada keseluruhannya. Apabila kita bagi pandangan, bahawa ketika di Parlimen, mustahil kita dapat menghambat masa, mengejar masa untuk balik ke mesyuarat tindakan daerah. Itu sebagai contoh. Jadi kalau ini berlaku, sudah tentulah pandangan orang luar seolah-olah kita sengaja mengetepikan mesyuarat tindakan daerah ini, tetapi mereka tidak tahu pada waktu yang sama kita perlu ada di Parlimen kerana kita bimbang nanti kuorum tidak cukup dan kita perlu berbahas, perkara-perkara yang penting dalam Dewan ini. Jadi itulah saya minta supaya Yang Berhormat setuju atau tidak, supaya satu penyelarasan. Ini amat penting. Sebab itu kita mendesak supaya kekosongan yang berlaku diisi dengan segera supaya dapat membantu.

Kerana alasan yang diberikan ialah pegawai daerah terpaksa menghambat untuk mesyuarat-mesyuarat yang lain. Dia tidak ada lagi masa-masa yang lain untuk diadakan mesyuarat. Sebab itu terpaksa diadakan walaupun kita terpaksa berada di Kuala Lumpur kerana persidangan Parlimen. Ini sebagai contoh, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya perkara ini perlu dielak, dicari jalan supaya jangan nanti pandangan serong. Seolah-olah kita hanya bercakap, memberi pandangan tetapi kita sendiri tidak memberi satu contoh yang baik. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat. Amat tepat sekali pandangan tersebut. Saya rasa itu pandangan bernas yang perlu dimasukkan sebagai ucapan saya. Saya rasa kita meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi arahan supaya kita mengadakan mesyuarat tindakan daerah itu pada hari tidak bersidang, hari Jumaat misalan. Kalau awal pagi pun tidak apa. Janganlah kita buat hari Selasa Khamis, kita berada di dalam Parlimen ini. Saya ingin teruskan. Saya membaca laporan media baru-baru ini...

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap, biar saya habiskan bahagian ini. Ketirisan di mana kita melihat reaksi pemimpin-pemimpin tempatan yang mendedahkan tentang peruntukan kecemasan RM30,000 oleh Kementerian Pelajaran kepada SJK(C) Kung Yu di Kundang Ulu Muar ini, dan saya rasa ianya di *hijack*, dan semalam saya dapati Yang Berhormat Timbalan Menteri terus turun ke padang. Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana melihat perkara ini sebagai perkara yang serius.

Apabila Kementerian Pelajaran Malaysia mendapat aduan ini, kita perlu menyiasat kesahihan dan akhirnya saya nampak apa kenyataan yang telah disampaikan oleh timbalan menteri pada hari ini, kontraktor nampaknya tidak dapat menjawab segala-galanya. Saya rasa dalam konteks ini, apabila kita menjadi wakil rakyat, kita ditanya baik timbalan menteri, menteri kah, siapa sekalipun. Kita tidak

menyetujui ataupun kita tidak setuju dengan mana-mana pandangan bahawa ketirisan, kebocoran dan sistem penyampaian, kita bersetuju.

Tidak kira siapa. Kita perlu bagi teguran yang konstruktif supaya kita dapat membetulkan keadaan yang akhirnya kita akan mendapat nama baik. Kalau tidak kita akan bersekongkol dengan mereka. Jadi itulah antara perkara yang saya katakan, kontraktor melakukan satu kesilapan, kita tidak sepatutnya menanggung, apatah lagi kalau menteri....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya rasa kita perlu mencari perkara ini. Bagi Yang Berhormat bagi Kuala Selangor dahulu.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Bagi memastikan sistem penyampaian yang berkesan dan bagi memastikan sistem perkhidmatan awam yang baik. Baru-baru ini Ketua Setiausaha Negara ada menyarankan supaya budaya kerja yang diamalkan oleh pegawai dan kakitangan kerajaan di sektor awam ini dapat diterapkan nilai-nilai atau budaya kerja sektor swasta. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya rasa itu pandangan yang benar dan saya juga masukkan dalam sebahagian ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, gulung Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya hendak gulung ini. Minta maaf. Saya rasa sebahagian wakil rakyat....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sedikit sahaja boleh tidak?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak boleh, ada satu *slide* lagi saya hendak habiskan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tolonglah, tolong.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kejap, saya habiskan baru tolong ya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bukan, bukan saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, dia tidak bagi.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak apa...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sebelum dia pergi jauhlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, dia tidak bagi.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Isu, ini peruntukan untuk SRJKC ini, peruntukan ini.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap, saya akan...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak apalah, sebelum pergi ke tajuk lain.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Belum, perkara yang sama, saya belum habis.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Okey.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jadi, apabila peruntukan disampaikan pada sekolah, kita menyarankan supaya, kita tidak tahu di mana kesilapan, sama ada pihak yang melaksanakan di kementerian ataupun di PPD, atau PPN ataupun pihak JKR atau mana-mana kontraktor yang melaksanakan. Jadi alangkah baiknya kalau kita mewujudkan satu sistem apabila mana-mana pihak di bawah ini melakukan kesilapan, kita patut melakukan perkara yang tegas, menegur dan biarlah kita melakukan kerja-

kerja ini, akhirnya kita tidak dilihat sebagai orang yang bersubahat dengan mereka. Jadi, saya rasa itu satu konsep yang paling kita hendak utamakan supaya nama kita itu, kita hendak menegakkan keadilan, kebocoran itu harus kita hindar. Dan saya rasa dalam konteks ini juga...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan ini, penjelasan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Cepatlah saya tidak ada masa.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi kalau mengikut pendirian Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, jadi saya rasa Yang Berhormat patut menegur percakapan Menteri Pelajaran yang dia menegur timbalan menteri dari MCA yang membongkarkan perkara ini, dia mengatakan dia marahkan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Saya rasa itulah yang, apa maksud Yang Berhormat Ayer Hitam bahawa ini seolah-olahnya menteri bersetuju dengan perkara seperti ini, bersekongkol dengan pihak-pihak yang tidak membuat kerja. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam akan menegur Menteri Pelajaran?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam habiskan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, saya rasa soal ini bukan percaturan politik, saya sudah kata apa yang perlu saya katakan, kebocoran itu tidak kira siapa, kita dedahkan dan kita kena tegur. Saya rasa itu tidak diguna pakai pada sesiapa sahaja walaupun Perdana Menteri, timbalan menteri ataupun mana-mana pihak ianya diguna pakai. Saya hendak teruskan kepada satu isu lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan Yang Berhormat ya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya, saya hendak habiskan ini, bikin kacau ini. Ini satu contoh yang baik di mana isu penempatan guru, program khas pensiswazahan guru yang bertugas di negeri lain yang berlaku pada awal bulan Jun. Akhirnya saya ucapkan terima kasih isu ini diselesaikan di peringkat Kabinet oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tetapi saya melihat kita mengambil iktibar dari kes ini.

Guru dari pelbagai kaum ini mereka telah pergi mencari orang-orang politik termasuklah UMNO, MCA, MIC untuk meminta bantuan dan guru dari pelbagai kaum ini datang meminta pertolongan supaya ianya dapat dibawa rayuan itu kepada pihak atasan. Saya masih ingat lagi pada 7 Jun hari itu, ramai yang hadir, 30 orang Melayu, guru, 26 India, 26 Cina dengan keluarga mereka. Ada yang menangis, ada yang mengeluarkan rintihan mereka dan saya masih ingat seorang hadirin itu, pada masa itu begitu agresif mereka kutuk Perdana Menteri dan kutuk Menteri Pelajaran, saya kata itu bukan...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, habiskan. Yang Berhormat bagi Larut, Larut tidak payahlah! Duduk.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya habiskan. Itu bukan cara untuk membincangkan masalah saya kena halang tetapi apa yang saya hendak buat sekarang sebenarnya apa...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta sedikit Yang Berhormat, sedikit sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri lagi, cukuplah!

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak ada masa lagi, tolong.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sedikit ini pasal guru ini mustahak, sebab ada kes...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak, saya belum sampai, saya belum sampai kes guru ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat Larut ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya hendak beritahu sedikit fasal isu guru...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat masa sudah cukup, masa sudah habis...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ini oleh sebab kebetulan, ada kes kalau guru-guru menggunakan...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya tidak ada masa, tolong!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak, tidak ini ada guru-guru menggunakan saluran politik mereka ini akan di *blacklist*. Kalau ini berlaku apakah pandangan Yang Berhormat supaya diminta menteri ataupun pihak di atas menyasat kita tidak mahu kalau guru-guru yang mohon pertolongan...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak, biar, biar saya habiskan Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam habiskan ya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ini tidak penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa Yang Berhormat sudah habis...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya rasa terpanggil sebenarnya apabila pemimpin diheret kononnya pemimpin yang arahkan mereka bertukar negeri lain, saya rasa itu satu sabotaj oleh seorang dua pegawai. Apabila ramai guru menyuarakan kesusahan saya mengatakan bahawa ini tidak betul, tidak masuk akal tindakan pegawai. Jadi kita hendak betulkan pegawai yang melakukan kesilapan. Apabila seseorang guru itu dikatakan guru lebihan di negeri lain dan cuma kekosongan guru agama ataupun Bahasa Inggeris mata pelajaran Sains dan Matematik *option* tidak kena saya rasa itu adalah tindakan pegawai yang tidak tepat.

Jadi saya rasa dalam kes ini kita melihat penterjemahan pegawai terhadap laporan media baik kepada bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu selalunya dibuat secara *out of context* dan saya hendak kata dan secara *selective*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ayer Hitam cukuplah..

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Dan saya hendak kata, dan secara *selective*, dan saya hendak mengatakan bahawa apabila tidak dibuat dengan jitu dan tepat mungkin bila interpretasi atau diterjemahkan apa yang disampaikan dan apa yang diterima oleh pihak bos mereka itu mungkin silap. Saya rasa kita perlu mengambil iktibar ini dan kita menterjemahkan dengan yang baik dan yang baik itu dijadikan teladan dan yang buruk itu dijadikan sempadan, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik Yang Berhormat, sebelum itu Parlimen ingin mengalu-alukan delegasi dari Parlimen Jepun yang dianggotai oleh *The Honourable Master Maria Masan*... [Tepuk] Sila Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Yes!... [Ketawa] Yes, yes!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila duduk, ada giliran masing-masing Yang Berhormat sekejap lagi, sabar.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sudah lama saya menunggu hari ini baru dapat giliran. Itu pun kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua beri ruang sedikit. Semalam sebenarnya saya hendak bercakap kerana semalam ialah hari 11 September yang mengubah dasar Amerika untuk memburu pengganas. Mereka sekarang menjadi pengganas nombor satu dalam dunia. Jadi hari ini pada 12 September saya berharap segala cadangan-cadangan yang akan saya buat khusus kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dapat dijadikan sebagai satu anjakan paradigma kalau kita boleh gunakan istilah itu.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana tidak sia-sialah kita menyuarakan berkenaan dengan bil peperiksaan tempoh hari dan telah pun dinyatakan dalam pembentangan Bajet 2007 untuk menghapuskan seluruh yuran peperiksaan. Rupa-rupanya perkara yang kita bahas dalam Dewan yang mulia ini sekurang-kurangnya telah dapat didengar dan diambil perhatian oleh pihak yang berwajib. Jadi kalau hendakkan lanjutan itu sila rujuk *Hansard*, 27 Jun 2006, Selasa, Bil. 36.

Tertarik saya juga baru-baru ini ada satu tulisan oleh Nik Nazmi dan Nik Ahmad dalam *The Sun* pada hari Jumaat, 8 September 2006 yang bertajuk "*One Size Fits All Won't Do For Education*". Begitu juga hari ini dalam *News Straits Times* yang ditulis oleh Tunku Abdul Aziz, "*Be Blind In Raise For Educational Excellence*" dengan izin....

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya juga mengalu-alukan saranan dan segala apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada banyak masa lagi Yang Berhormat, Gerik.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** ...Yang kerap kali mengatakan untuk memperkasa sekolah kebangsaan, ini kita beri satu pujian yang baik.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Minta beri laluan, sedikit sahaja.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Belum, saya belum mula lagi.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Tidak apa, sebab sudah sebut yuran peperiksaan itu, jadi saya hendak sambung sedikitlah. Jadi apabila diumumkan penghapusan yuran peperiksaan itu disambung dengan begitu gembiranya oleh para penyokong-penyokong kita tetapi dia tambah pula bahawa bagaimana kalau boleh Yang Berhormat bawa ke Parlimen hendak hapuskan juga yuran sekolah itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Sungai Petani?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Hari ini saya hendak menyarankan supaya dihapuskan yuran. Saya minta ia disemak dan dikaji sama ada kita boleh *standardize* dengan izin, untuk semua sekolah-sekolah sebab baru-baru ini juga Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyarankan peruntukan yang besar bagi sekolah-sekolah yang dianggap elit seperti St. John, MCKK dan sebagainya.

Jadi saya percaya Yang Berhormat bagi Gerik saya alu-alukan kenyataan Yang Berhormat itu supaya dipertimbangkan yuran yang membebankan ibu bapa khususnya di luar bandar bukan di bandar, itu soal lain, bagaimana sekolah hendak mencari wang dan saya percaya dan malah saya boleh cadangkan di sini. Mengapa tidak sekolah-sekolah yang ada dewan diizinkan untuk digunakan tempat orang menjalankan majlis-majlis perkahwinan umpamanya. Boleh dia dapat sedikit wang bagi PIBG dan sebagainya, mengapa tidak?

Jadi saya beri pengkhususan kepada pelajaran dahulu. Satu, kita pula dalam Dewan yang mulia ini dan artikel yang saya sebutkan tadi telah menyatakan berkali-kali tentang revolusi, reformasi pelajaran. Jadi saya akan gunakan *education* di sini bukan pelajaran, sebab kadang-kala kita guna pelajaran sekejap kita guna pendidikan jadi mana satu kita hendak pakai, jadi saya lebih selesa dengan penggunaan *education*.

Dalam hal ini saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya *overhaul* keseluruhan kurikulum pelajaran kita yang ada pada hari ini. Bukan kita mempersoalkan kerelevanan yang sudah sedia ada, tidak. Saya pertikaikan kita sudah pun mempunyai satu tahap *success* untuk pelajaran kita tetapi saya minta dalam kaitan kita hari ini yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai dengan modal insan.

Apakah kita bersedia untuk menghadapi segala macam cabaran yang ada pada abad ke-21. Jadi untuk menyahut cabaran masa kini iaitu cabaran yang besar sekali ialah pembangunan insan yang saya sebutkan. Di mana ia lebih melampaui

kecemerlangan akademik. Bukan sekadar akademik, orang dapat 10A, orang dapat 15A atau berapa 'A', itu bukan soal kecemerlangan tetapi sebahagian besar daripada anak-anak muda ini yang tercicir daripada sistem pelajaran. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pihak pelajaran supaya ia mengambil kira mengenai dengan *over hauling* kokurikulum. Kokurikulum yang saya maksudkan di sini ialah bukan dasar. Dasar sudah kita selesai yang mana asas dasar ialah Penyata Laporan Razak yang telah dilakukan dalam tahun 1956. Sedikit sebanyak kita ada tambahan tetapi masih kekal dengan dasar atau fungsi yang kita adakan hari ini.

Kokurikulum ini yang saya maksudkan ialah ia mencakupi pertama sekali sukatan pelajaran. Sukatan pelajaran, kedua latihan guru, ketiga pengajaran dan prasarana ataupun kemudahan-kemudahan asas yang ada di sekolah-sekolah kita pada hari ini. Oleh kerana perubahan dan cabaran adalah perlunya kita menyemak dan mengemas kini sukatan pelajaran kita dari semua peringkat supaya dapat ia memenuhi kehendak abad 21 dan persediaan 15 tahun untuk mencapai 2020.

Jadi sukatan pelajaran yang hari ini yang kalau kita lihat adakah *skill based* ataupun sukatan sengaja diadakan untuk mereka lulus peperiksaan. Apakah sukatan pelajaran yang harus kita adakan bagi anak-anak muda kita di sekolah. Ya, Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Perkembangan pelajaran kebangsaan kita telah mengalami berbagai-bagai perubahan. Dan perubahan ini sebenarnya mengikut keperluan dari masa ke semasa. Yang Berhormat mungkin telah dapat merasai apabila kita mempunyai perubahan pendekatan seperti KBSR, KBSM. Dan hari ini Yang Berhormat menyebut lagi tentang perubahan kepada pendekatan. Adakah kemungkinan Yang Berhormat oleh kerana kita agak sukar untuk mencapai sasaran. Umpamanya hari ini kalau kita tanya Kementerian Pengajian Tinggi, mereka akan menuding jari mengapa siswazah menganggur yang ramai disebabkan oleh alasan-alasan yang mereka beri dan kemudian menuding jari kepada Kementerian Pelajaran kerana mereka menerima seadanya yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran.

Jadi Yang Berhormat, adakah kemungkinan untuk kita lihat semula Dasar Pelajaran 1956 sebelum merdeka itu untuk kita ubah kembali supaya hari ini kita dapat menggariskan pelan-pelan tindakan sesuai dengan keperluan semasa dapat mencapai apa yang dihasratkan oleh Dasar Pelajaran Kebangsaan yang baru yang bakal kita akan buat. Boleh tak kita lihat balik lagi Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Pelajaran Razak tahun 1956? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita katakan tadi dasar macam saya katakan tidak berubah dan kesesuaian dasar itu dari masa ke semasa dan pokoknya ialah kita semua berpandukan kepada dasar. Apa yang saya nak bangkitkan di sini ialah kurikulum. Kurikulum yang maksud saya di sini iaitu yang menjadi pertikaian kita hari ini. Bila kita sebut kurikulum, seolah-olah kita menuding kepada dasar. Sebab itu kurikulum misalnya macam Yang Berhormat sebutkan tadi KBSM dan sebagainya itu, kita ambil kira itu semua tetapi pengubahsuaian saya kata, adakah ia mencakupi keseluruhan pelajar-pelajar ataupun anak-anak muda kita tadi dalam sistem begitu. Sebahagian besar adalah seolah-olah boleh saya katakan sebagai *dropout*, ataupun tercicir daripada sistem.

Dan itulah yang berlaku juga di peringkat universiti yang saya akan masukkan juga. Sukatan itu, misalnya sukatan dari segi adakah tahun pertama, kedua dan ketiga kita nak menyukat seseorang itu boleh membaca, mengira dan sebagainya? Apakah dalam sukatan yang kita adakan tidaklah daripada abad 20 sampai abad 21 pun tak ada perubahan, ini maksud saya.

Jadi bimbang saya kepada sukatan pelajaran kita seolah-olah ia dilihat sebagai satu sukatan *dinosaur* yang mana tidak ada bersesuaian dengan keadaan sekarang ini. Yang kita lihat banyak atau ramai daripada kalangan kita yang dapat akses kepada pelajaran tetapi sebahagian besar daripada mereka adalah tidak sampai ke peringkat atas. Seperti mana juga kerap kali dalam Dewan yang mulia ini kita berbahas. Apabila seseorang anak itu tinggal sekolah menengah, kenapa masih terdapat ramai yang tidak boleh membaca dan mengira, mengapa? Ini soalnya, ini

sebagai satu kita katakan *waste*, kerugian besar kepada yang disebut Yang Amat Berhormat, modal insan tadi. Ini insan yang kita boleh pakai, guna mereka dan mereka menjadi masalah kemudiannya. Mereka menjadi masalah disiplin kemudiannya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya menganggap bahawa kurikulum ataupun sukatan pelajaran itu sebagai salah satu daripada perkara yang menarik ataupun tidak menarik perhatian anak-anak kita. Bagi saya yang lebih penting sekarang ialah P&P, Pengajaran dan Pembelajaran yang dikendalikan oleh guru-guru. Malah pernah orang menyatakan bahawa guru-guru dulu dibandingkan dengan sekarang, guru-guru nampak lebih *dedicated* dan lebih berkesan.

Apakah dalam konteks ini pendidikan guru ataupun latihan guru itu dianggap kurang berkesan yang akhirnya telah menyebabkan majoriti murid-murid kita, kajian telah dibuat bahawa lebih 50% pelajar tingkatan empat sebenarnya tidak minat dalam pelajaran mereka. Dan ini sangat saya rasa menggusarkan kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat Kuala Selangor, eh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sabak Bernam Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sabak Bernam, maaf saya, selalu dok berdua. Saya memang bersetuju mengenai dengan dedikasi seseorang guru itu terhadap murid-murid mereka. Malah semalam juga dalam *The News Straits Times* menyebutkan bagaimana guru-guru dapat membuat wang yang begitu lumayan dengan *tuition classes*nya dan sebagainya dan perkara-perkara asas yang diajar di sekolah. Jadi mereka yang tidak ada wang, ibu bapa, tercicir.

Jadi persoalan saya begini, saya akan masuk mengenai dengan Pengajaran dan Pembelajaran oleh pihak guru. Berkali-kali saya bangkit dulu, mengapa, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sabak Bernam mengatakan kalau dulu kita lihat guru-guru lepasan daripada Kirkby dan Princeford, lulusan MTC, lulusan daripada LI. Mereka begitu *dedicated* dan ramai daripada mereka adalah betul-betul guru profesional kita kata. Ini yang saya maksudkan dalam kurikulum tadi, bukan sahaja sukatan pelajaran, saya juga maksudkan kesesuaian latihan guru.

Apakah jenis latihan guru yang kita adakan dan dari segi sukatan pelajaran yang diajar di peringkat maktab-maktab perguruan dan juga universiti-universiti yang mengendalikan kursus-kursus pelajaran ataupun *education*. Ini termasuk sukatan pengajaran di maktab-maktab perguruan, maksud saya. Apakah jenis latihan perguruan yang berbagai-bagai hari ini masih relevan? Yang baru-baru ini telah dinyatakan oleh menteri akan dimansuhkan KPLI, lepas itu ada pula *open university*, ada juga universiti, kemudian tutup sana tutup sini, buka sana buka sini. Apakah ini semua? Jadi semuanya sudah jadi kecelaruan dari soal latihan guru tadi, kita pun tak tahu. Ya, Pendang sahabat saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Pendang, sila.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Sungai Petani, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dulu-dulu mak bapa kita hantar pergi mengaji, dia kata "Cikgu, pukullah anak aku ini jangan sampai patah", tetapi cikgu sekarang kalau jentik telinga pun kena bawa sampai ke atas, mungkin sampai ke balai polis ataupun ke mana-mana. Apakah sebenarnya kesilapan di dalam disiplin ataupun peraturan di dalam pentadbiran kementerian itu sendiri yang menyebabkan cikgu-cikgu ini tidak boleh mendisiplinkan anak-anak di sekolah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Memang Kementerian Pelajaran saya tahu mereka begitu serius dalam soal disiplin pelajar seperti mana kata Yang Berhormat bagi Pendang tadi, dahulu orang hantar anak-anak pergi sekolah buatlah apa-apa kepada anak saya asalkan jangan patah sahaja sudah tetapi hari ini pakai serban bila kita tegur dalam sekolah, telah bawa ke mahkamah boleh pakai serban. Ini pun sudah kacau, dunia kacau. Orang kata sekolah ada uniform tetapi bila

dia pakai serban, guru tidak bagi pakai serban, dia pula bawa kes itu pada mahkamah. Inilah masalah dalam masyarakat kita, kalau kita betul-betul hormati institusi *education* tadi. Berbalik saya kepada soal kepelbagaian dari latihan guru tadi...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Santubong bangun pula Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** ...Yang mana satu kita hendak pakai dan yang mana satu kita hendak pegang? Jadi di sini, pihak kementerian, saya mahu jawapan tepat walaupun saya daripada kementerian dahulu iaitu daripada pegawai-pegawai kita, apakah jenis, bentuk latihan perguruan yang kita cadangkan khususnya pada masa yang akan datang baru-baru ini. Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ada tiga soalan tetapi saya hendak tanya satu persatu oleh kerana kalau semua tiga sekali hendak lambakkan mungkin tidak dijawab.

Yang pertama, oleh kerana Yang Berhormat menyebut soalan kurikulum ini tadi, jadi saya ada satu sedikit *summary* apa yang dikatakan penyelidikan kajian dibuat oleh penyelidik daripada dunia Barat yang mengatakan sebegini. Saya baca dalam bahasa Inggeris minta izin Tuan Yang di-Pertua, dia kata di sini saya bacalah dalam English ya, "*As a scholar, I often find primary school system basically in the former British Colonist still struggle to get rid of the colonial heritage. Education was meant to create obedient people who did not asked question but crime and reproduce whatever they were taught uncritical and focus too much attention to discipline curriculum and syllabus*". *Even dia banding Afrika dengan Malaysia, "even so most nation education all over the world would benefit from adjustment giving high priority to industries and innovating methodology and curriculum."*

Jadi saya sebut, *tight time table does not give enough space for children natural curiosity. The school system end up killing basic part of people innovative strength, creativity, curiosity and innovative thinking. It such stimulus was also not found in local society if the society is dead*". Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Memang itu yang saya sebutkan bagaimanakah kita hendak buat satu anjakan paradigma dalam kurikulum *education* kita. Jika tidak, kita seperti kata Yang Berhormat tadilah, *quoting* daripada apa yang dibaca oleh Yang Berhormat. Kita bekas dijajah oleh Inggeris, kita *adopt* dia punya sistem, kita ambil semua dan juga sukatan tadi maksud saya, sukatan pelajaran tadi kita boleh ubahsuaikan dengan keadaan.

Jadi kita juga misalnya jadual waktu itu yang begitu satu *rigid*. Apakah kita tidak boleh anjakan ia? Sedikit sebanyak ada ruang misalnya, ini yang akan saya bangkit dalam universiti. Tidak ada ruang untuk menjadikan mahasiswa itu sebagai mahasiswa yang mempunyai *critical thinking*...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Maran bangun, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, sedikit.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Kejap, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Bagi Yang Berhormat bagi Maran dulu.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disuarakan

oleh Yang Berhormat. Seolah-olah kita nampak bahawa latihan guru yang diadakan sekarang seolah-olah tidak memberikan kesan kepada mendidik anak-anak untuk melahirkan modal insan yang berjaya. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dari segi etika dan disiplin guru setelah mereka mendapat latihan. Sebab saya apabila pergi ke kampung-kampung saya dapati banyak isu-isu ditimbulkan oleh ibu bapa, sebahagian guru bukan semua. Minta maaf bukan semua guru.

Ada laporan mengatakan daripada ibu bapa bahawa guru bila pergi ke kampung dia tidak bermesra dengan ibu bapa di kampung-kampung tetapi dia buat kerja. Dan bahkan ada sebahagian daripada mereka pun bukan setakat mengajar tetapi membuat kerja-kerja lain termasuklah menjadi kontraktor, mengadakan kelas tuisyen untuk mendapatkan pendapatan mereka yang bukan memberikan sumbangan kepada anak-anak. Saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah cadangan yang perlu Yang Berhormat berikan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, betul Yang Berhormat. Saya memang dengar rintihan-rintihan seperti ini, guru yang ada kerja di luar sekolah dan sebagainya. Itu soal kedua, tetapi dari segi etika sebagai seorang guru, di sinilah saya mahu mencadangkan kepada kementerian supaya ditubuhkan sebuah badan profesional yang mengawal selia serta mengiktiraf pengijazahan perguruan. Jadi contoh di sini yang saya boleh dapatkan ialah kalau kita lihat peguam ia ada satu badan peguam, arkitek ia ada satu badan arkitek yang bagi kelulusan, *medical* juga ada. Kan Tuan Yang di-Pertua kan? *Medical*, dia ada *board* dia sendiri yang menentukan ini.

Jadi saya cadangkan kepada kementerian supaya serius dalam perkara ini. Berkali-kali sudah di cadang tetapi tidak pernah pun dijadikan perkara pokok dalam Kementerian Pelajaran. Untuk ditubuhkan sebuah badan profesional yang menentukan keprofesionalan seseorang guru termasuk soal etika tadi. Tidak timbullah cikgu ponteng kelas ke, cikgu tidak buat kerja sekolah ke, dia sendiri yang *satisfied*. Dia ini boleh tidak jadi guru ataupun tidak? Walaupun dia ada kelayakan guru dia boleh di *disqualified* daripada guru ini yang maksud saya satu badan tadi. Ya, Yang Berhormat bagi Santubong yang lama sudah berdiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Petani, kalau Yang Berhormat banyak isu jangan bagi banyak jalan. Yang Berhormat punya masa terhad.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya terima kasih tetapi tolonglah bagi depa banyak hendak soal fasal *education*. Cepat sedikit Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang apabila sudah kita bina satu bangsa jenis modal insan, apabila *the product* yang kita bina itu tidak sesuai, kita tuding jari mengatakan bahawa dialah yang salah. Sepatutnya guru-guru yang menjadi guru sekarang adalah murid sebelum menjadi guru. *The product of our system* dan motivasi untuk mendapat pendidikan ialah memirip kepada kekayaan, kebendaan dan sebagainya. Apabila seseorang ini menjadi guru, gaji yang kurang lumayan, pendapat dia berkurangan tetapi motivasi dia menjadi seorang pelajar dahulu ialah untuk mendapat kemewahan dan kekayaan. Jadi *the product was the mistake of the system*. Jadi kenapa kita menyalahkan guru pula.

Jadi di mana pandangan kita supaya motivasi mendapat pendidikan ini tidak lagi dimiripkan kepada kebendaan dan kekayaan. Sepatutnya mirip kepada pendidikan dan keilmuan itu sendiri yang kejayaan bukan berlandaskan kereta Rolls Royce, BMW dan Mercedes tetapi memadailah menjadi seorang insan yang terpelajar digelar berjaya. Macam mana Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Inilah yang saya katakan hari ini benar-benarkah guru-guru tadi berasaskan kepada etika perguruan tadi. Iaitu soal kebendaan dan sebagainya. Ini soal personaliti iaitu sahsiah seseorang itu dan juga komitmen seseorang itu jadi guru ataupun tidak. Inilah yang saya sebutkan tadi bila orang di *interview* untuk jadi guru semua okey, semua okey. Jadi saya tidak salahkan badan pemilihan untuk seseorang itu diambil sebagai guru. Itu kita tidak boleh marah. Sebab waktu kita pilih, dia benar-benar hendak jadi cikgu. Waktu tahun pertama, tahun kedua dan ketiga dia semua okey, tetapi selepas daripada itu, soalnya komitmen seseorang guru itu benar-benar ataupun tidak. Ini yang menjadi perbincangan kita pada hari ini.

Begitu juga saya akan teruskan tadi iaitu kita mesti wujudkan satu sukatan pelajaran guru di maktab-maktab perguruan. Kalau kita hari ini bercakap maktab perguruan yang akan mengijazah ataupun memberi diploma, inilah yang harus difikirkan secara serius. Apakah jenis guru yang kita hendak hasil? Ataupun kita sekarang ini hendak biarkan mana-mana universiti untuk mengambil studen-studen yang hendak jadi guru tetapi tidak mahu ambil dia pula kemudian. Jadi kita mesti tepat.

Hari ini jangan kita kata, kita akan ambil guru-guru daripada universiti-universiti IPTA, kemudian kita katakan kita tak mahu lagi, kita mahu itu. Kita mesti konsisten dalam dasar pengambilan guru. Ini yang kita mahu, tidak boleh kita lakukan ikut suka kita dan sebagainya.

Saya masuk juga perkara pengajaran dan prasarana. Jadi, ini maksud saya prasarana, memang sekolah-sekolah yang kita buat dan kita *upgrade*. Itu sudah baik, tetapi soalnya ialah kemudahan-kemudahan yang didapati dalam sekolah-sekolah tadi. Umpamanya saya ambil contoh di sini. Kita kata, kita nak menggalak lebih ramai murid kita berminat dalam bidang sains, tetapi kalau kita ambil sains, kita lihat makmal sains hari ini, apakah pihak kementerian akan mengendalikan satu tindakan yang mana untuk mempertingkat dan membaiki makmal-makmal sains.

Malah makmal-makmal sains dan masa saya 60-an dahulu belajar, sampai hari ni pun makmal sains pun macam tu lah juga ataupun yang baru buat. Apakah kita tidak boleh lengkap benda-benda seperti komputer umpamanya dalam makmal-makmal sains dan ini juga memerlukan guru-guru sains yang begitu tahapnya tinggi. Tak boleh lagi asalkan dia boleh sains sahaja kita teruskan dia di situ.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, nak gulung kah Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya. Dan saya juga minta supaya diwujudkan *research department* dalam Kementerian Pelajaran walaupun dia ada EPRD, tetapi di mana saya minta supaya *research* dengan pihak universiti dari masa ke semasa di adakan untuk sekurang-kurangnya memberi *red light* ataupun *green light* kepada pihak kementerian.

Soal bahasa juga saya nak bangkit. Kebelakangan ini walaupun Dewan Bahasa dan Pustaka sudah mempunyai bangunan yang begitu indah dan sebagainya, tetapi nampaknya sudah terdapat kelesuan daripada peranan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Malah kalau kita tengok kita punya ini juga, laporan ini. Saya tanya, mengapa kita mesti ada dua bahasa? Dan ini mengambil peruntukan yang besar. Kenapa tidak boleh keluar *cd* sahaja? Semua orang ada *cd player*, boleh kita tengok dan bila masa kita buka ini? Dan ini dibuang begitu sahaja, ini peruntukan. Kemudian laporan-laporan itu, laporan ini dan akhirnya penuh dengan gambar orang nu, orang ni dan akhirnya kita buang, membazir sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik Yang Berhormat tentang bahasa kerana bahasa menunjukkan bangsa. Kita tidak menghalang bahasa-bahasa lain dipelajari untuk menambah ilmu. Kerana lebih banyak bahasa kita faham dan kita boleh bertutur, lebih menguntungkan kita tetapi kita kena pertahankan maruah bahasa kita ini. Dan saya lihat hari ini banyak bahasa-bahasa Inggeris di bahasa melayukan, di bahasa melayukan sedangkan itu bukan bahasa kita.

Kita mengambil jalan yang mudah. Dijadikan bahasa Melayu dan diminta orang kita, ini lah bahasa Melayu. Yang sebenarnya adalah cedukan daripada bahasa Inggeris, dan ini adalah bahasa cedukan nama dia, bukan bahasa Melayu, satu. Yang keduanya Yang Berhormat, sedar atau tidak sedar dalam TV-TV kita, drama-drama kita, dalam apa sahaja bentuk, dia kena juga guna bahasa Inggeris. Kononnya dengan menggunakan bahasa Inggeris, menunjukkan kita ini *up-to-date*, dengan izinlah. Bahasa Melayu dipanggil *up-to-date* apa?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terkini Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terkini. Ha, terkini. Terima kasih, kadang-kadang ialah tersasul, jangan marah.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bahasa Yang Berhormatlah, bahasa Yang Berhormatlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi, apakah Yang Berhormat nak memberi sedikit teguran kepada pihak-pihak yang membuat drama dan sebagainya supaya kekalkan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Gunakan bahasa kalau drama itu drama bahasa Melayu, gunakan bahasa Melayu ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani habiskan ucapan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Begitu juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua jalan-jalan, yang boleh digunakan atau pun tempat-tempat yang boleh digunakan nama bahasa Melayu tetapi digunakan bahasa Inggeris. Kononnya kita mengikut zaman terbuka....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Cukup?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan ucapan Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya rasa saranan Yang Berhormat bagi Jerai itu memang baik. Saya setuju, sebab itu saya katakan kenapa laporan-laporan kita mesti dua bahasa, kenapa? Ini pun kita ambil. Kita di depan mata kita, dalam Parlimen. Dua bahasa, kenapa? Adakah semua ahli-ahli dalam Dewan ini tak tahu berbahasa Malaysia? Itu soal saya. Kenapa dibuat dalam bahasa Inggeris?

Begitu juga dengan laporan-laporan, satu. Saya di sini saya terangkan, peranan Dewan Bahasa mesti serius. Kebelakangan ini nampak dia orang ini lesu, tak ada. Macam komen tadi Yang Berhormat kata, tak ada langsung dia ambil serap. Dia kalau jawab balik, "Oh tak ada undang-undang". Jadi inilah yang saya minta Kementerian Pelajaran dan sebagainya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Jadi, perkara kedua yang saya bangkit di sini ialah mengenai dengan universiti. Saya ingin lihat supaya setiap universiti hari ini memberi fokus dalam bidang-bidang tertentu. Begitu juga dengan Skim Saraan bagi mereka yang menjadi ahli akademik. Saya nampak bagaimana kita nak menarik orang bekerja dalam universiti, kalau gaji universiti pun tak betul. Begitu juga kalau kita lihat...

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain jangan kacaulah. Habis dah masa Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Mereka yang di dalam fakulti perubatan misalnya, kalau dibandingkan dengan pegawai perubatan, mereka dapat lebih rendah. Mengapa? Mereka menjalankan dua tugas, menjalankan sebagai

seorang doktor dan sebagai juga pensyarah, tetapi tangga gaji mereka cukup buruk sama sekali. Ini masa saya dalam hospital, saya dok bincang dengan dia orang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Jadi saya berharaplah pihak Kementerian Pelajaran Tinggi mengambil perkara-perkara ini begitu serius.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Begitu juga dengan mahasiswa yang kita keluar nanti, adakah mahasiswa yang begitu kritikal dalam soal itu. Sekejap Yang Berhormat, saya habis ini dahulu. Dan saya minta juga dari soal apa AUKU tadi. Saya tahu kita tak boleh mansuh AUKU. Kalau kita mansuh AUKU, maknanya kita tutup semua universiti. AUKU ialah *University and University College Act*. Jadi apakah perkara-perkara yang menghindar pelajar-pelajar tadi begitu aktif di dalam universiti. Ringkas sahaja Yang Berhormat ya. Saya *critical time*.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Tadi Yang Berhormat baru membangkitkan soal pengajian tinggi. Saya teringat pada tahun lepas kalau tak silap saya, sudah disiapkan satu laporan khas mengenai mengkaji pengajian tinggi di universiti. Laporan yang diketuai oleh Tan Sri Zahid, tetapi sehingga hari ini kita tak tahu apa perkembangan laporan ini dan kita percaya apabila di buat laporan itu memakan masa dan juga kewangan. Jadi, nampaknya laporan ini tak dibentangkan di mana-mana dan tidak dinyatakan pelaksanaannya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Dah keluar laporan tapi apa tindakan susulan itu tak ada makna dia. Sebab itu saya kata lebih baik tak perlu ada laporan, tak perlu ada kajian dan sebagainya. Dan ini saya nak bangkit lagi sekali dengan pengajian tinggi. Seberapa banyak kah peruntukan yang disediakan untuk menjalankan *research*? Kalau universiti tidak ada *research*, ia bukan universiti.

Kalau sekadar mengajar seperti kolej, saya rasa lebih baik kita tutup universiti. Sebab saya lihat, peruntukan untuk mengadakan *research* ini amat terhad, begitu juga dengan pengujudan kerusi-kerusi di universiti-universiti tadi. Lagi satu, saya juga mengalu-alukan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja. Iaitu Universiti Pertahanan. Di sini, saya minta sekali lagi, saya tak tahu dia akan diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan atau Kementerian Pelajaran Tinggi tetapi kalaulah ia di letak di bawah Pelajaran Tinggi sekali pun, fokusnya mesti kepada ketenteraan. Jangan dia *diversify* dengan izin, kepada seperti yang berlaku di UPM.

UPM kalau hari ini dia khususnya kepada pertanian, saya percaya dia akan menjadi sebuah universiti yang terbaik dalam *area* ini, *region* ini dan juga dunia malah. Hari ini, oleh kerana dia *diversify*, dia punya macam-macam kursus dia nak buat. Itu dia nak buat, ini dia nak buat, akhirnya dia tukar nama dia Universiti Pertanian jadi Universiti Putra dan ini lah berakhirnya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Begitu juga dengan Universiti Pertahanan ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Fokus dia kepada itu dan saya percaya RMC atau pun *Royal Military College* ditambah lagi menjadi dua atau tiga. Kalau kita setakat satu, saya rasa tidak cukup. Dia sekurang-kurangnya taraf dia, tahap dia seperti juga Sandhurst dan West Point kalau boleh kita sampai ke peringkat itu. Ya akhir sekali ialah..

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Cukup dah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, masa berlalu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Okeylah. Kalau begitu saya terus menyokong Bajet 2007 ini dengan saranan yang telah saya nyatakan tadi harap mendapat respons yang serius daripada Kementerian yang berkenaan. Tidaklah seperti dahulu, kita bangkit mengenai dengan peperiksaan, sampai hari ini respons tak ada langsung daripada kementerian. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita jemput Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Persatuan Pendamai. Persatuan bekas penagih dadah yang telah berjaya kembali kepada masyarakat. Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli sekalian, saya tidak akan bercakap banyak berkaitan isu salah guna dadah tetapi lebih kepada agenda yang berkesan dan kita harap supaya pihak kerajaan mengambil perhatian dan tindakan yang khusus berkaitan dengan perkara ini yang saya ingin memperdengarkan satu laporan ini.

Cuba dengar baik-baik. Laporan Dadah Bil. 4/2006, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) membentangkan bilangan penagih dadah ditahan pada tahun 2005, 32,808 orang menurun 15.16% berbanding tahun sebelumnya 38,672 orang. Ini berita gembira bagi semua yang mengusahakan program antidadah.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah najis dadah ini terus melanda negara kita. Inilah antara masalah yang akan merosak dan menghancurkan segala kebaikan yang dilakukan daripada peruntukan yang begitu besar yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga Menteri Kewangan kita. Saya ingin khusus salah satu dari agenda yang berkesan dalam menangani penagih dadah, mengembalikan penagih dadah kembali kepada masyarakat ialah untuk memanfaatkan Ahli-ahli Persatuan Pendamai ini dalam program *outreach* mereka.

Kita telah diberitahu oleh pihak AADK bahawa 80% daripada peserta ataupun mereka yang keluar daripada pusat serenti kembali mengulangi penagihan mereka. Dan, terbukti sebenarnya bahawa mereka yang dalam pengawasan ini sama ada mereka ini diterima oleh ibu bapa ataupun persendirian, hidup mereka apabila mereka ini didampingi, didekati dan juga dibantu oleh bekas penagih yang telah berjaya ini maka mereka berjaya kembali kepada masyarakat. Oleh sebab itulah saya berharap supaya pihak kerajaan melalui AADK menyediakan suatu peruntukan khusus kepada persatuan ini, memanfaatkan mereka supaya mereka yang telah terjebak dalam penagihan ini dan khusus mereka yang keluar daripada pusat serenti ini supaya dapat dikembalikan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang jelas sebenarnya, bekas penagih yang keluar daripada pusat serenti ini hanya boleh kembali kepada masyarakat jika ada kerjaya mereka. Jika mereka ada sumber pendapatan mereka. Oleh sebab itu, kita telah pun mencadangkan supaya AADK ini yang katanya ada unit kerjaya, supaya memastikan bahawa setiap mereka yang keluar daripada pusat serenti itu harus ada kerjaya mereka. Kalau tidak, walaupun mereka kembali kepada ibu bapa mereka, sebenarnya mereka tidak ada identiti dan sukar untuk kembali kepada masyarakat.

Jadi oleh sebab itu, kita yakin apa yang telah dilaksanakan oleh pendamai ini di Pulau Carrey, bersama dengan Golden Hope Plantation, kita dapati bahawa lebih 50 orang bekas penagih ini apabila dikumpulkan di satu tempat dan kemudian dibimbing, dibantu mereka boleh kembali kepada masyarakat mereka. Malah ramai di antara mereka telah pun berumah tangga. Jadi oleh sebab itu saya ingin mengulangi sekali lagi, salah satu daripada agenda yang berkesan ialah memanfaatkan ahli-ahli daripada Persatuan Pendamai ini....

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Malah saya sarankan persatuan ini bukan sahaja digalakkan ditubuhkan di tiap-tiap negeri, malah di tiap-tiap daerah kerana mereka dengan penuh kesedaran secara sukarela ingin membantu teman-teman mereka kembali kepada masyarakat. Saya persilakan.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam

kita mengakui bahawa salah satu sebab kegagalan bekas penagih ini untuk pulih kembali selama-lamanya ialah ketidak penerimaan masyarakat ke atas diri mereka dan yang kedua, masalah tidak ada pekerjaan untuk menampung kehidupan.

Jadi oleh sebab itu, tidakkah Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ingin mencadangkan kepada kementerian, bekas penagih yang pulih dan mempunyai kelayakan yang secukupnya diberi tempat, pertamanya oleh agensi kerajaan. Kerana kerajaan mesti menunjukkan contoh yang baik. Bolehkah agensi kerajaan misalnya memperuntukkan berapa peratus pengisian jawatan-jawatan kerajaan ini kepada mereka bekas penagih yang telah pulih tetapi dengan syarat mereka mempunyai kelayakan yang secukupnya bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Yang Berhormat bagi Parit. Saya sangat bersetuju dan ini kita serahkan kepada pihak AADK yang dipertanggungjawabkan secara khusus. Mereka inilah pihak AADK boleh mengadakan suatu perhubungan dengan korporat ataupun konglomerat tertentu, syarikat tertentu supaya bekas penagih ini yang keluar dari pusat serenti dengan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu dapat diambil. Saya yakin kalau ini dapat dilaksanakan, kita akan dapat lihat secara perlahan-lahan, secara berkesan bekas penagih ini dapat kembali kepada masyarakatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati 100% daripada penagih ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat..

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** ...Adalah mereka yang bermula dengan menghisap rokok.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan. Hendak tanya sedikit sahaja.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Ya, sila, sila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang dikatakan *reserve* seberapa jawatan untuk bekas penagih dadah, saya rasa cadangan ini walaupun baik, adakah Yang Berhormat bagi Sabak Bernam akan mencadangkan ia bermula dari AADK? Kerana saya rasa golongan ini kalau mereka berjaya keluar dari *habit drug dependants*, orang inilah yang sesuai untuk bekerja di pusat pemulihan. Orang inilah, saya rasalah, bekas *drug addict* ini diberi peluang untuk bekerja di pejabat AADK khasnya di pusat-pusat pemulihan. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Ini pandangan yang sangat baik yang harus dikaji oleh pihak AADK.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi ayat saya yang terakhir bahawa 100% dari penagih dadah ini bermula dari menghisap rokok. Oleh sebab itu, baru-baru ini saya memang menyokong penuh kerajaan menaikkan cukai 1% kepada setiap puntung rokok. Malah saya mencadangkan supaya setiap batang rokok itu harus tidak kurang nilainya berharga RM5. Satu batang! Supaya mereka yang hisap dadah ini, ada *exclusivity*. Saya akan tabik kepada mereka yang telah menghisap rokok dan terus merokok, tetapi agenda yang saya ingin ketengahkan ialah supaya pelajar kita, belia kita tidak berupaya untuk membeli rokok itu.

Kita telah pun kesan bahawa mereka menghisap rokok kerana ingin tahu. Kerana tawaran daripada kawan mereka, kerana bersuka-suka. Jadi kalau, dengan izin rokok ini, *out of reach* dari segi nilai harganya daripada mereka ini, saya yakin, bukan 50%, lebih 50% kempen anti rokok ini akan berjaya. Sila sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

**Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Sabak Bernam, Kuala Selangor, tidak ada beza. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa selain daripada golongan remaja belia yang ketagih rokok akhirnya terjebak kepada penagih dadah? Di kawasan saya Yang Berhormat, di sebuah sekolah Darjah Tiga, tujuh orang

menghisap rokok akibat daripada ibu bapa yang tidak bertanggungjawab yang merosakkan masa hadapannya. Menyuruh anaknya membeli rokok di kedai. Apa tindakan yang patut kerajaan buat? Di dalam kotak rokok tersebut, jangan jual kepada mereka yang bawah 18 tahun. Apakah tindakan kepada ibu bapa dan tindakan kepada penjual rokok yang berkenaan yang sepatutnya kerajaan ambil? Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih. Saya anggap kenyataan itu menyokong pandangan sayalah supaya harga rokok itu dinaikkan. Yakinlah Yang Berhormat bagi Kuala Selangor kalau harga satu kotak rokok itu RM100, saya ingat tidak ada ibu bapa yang merokok itu menyuruh anak dia beli.

Dari segi hukuman itu, saya ingat saya serahkan kepada kerajaan, tetapi yang penting dia harus ada nilai pendidikan dan bagi mereka yang menghisap rokok, saya ingat harus kita berikan penghormatan oleh kerana mereka ini sudah menghisap rokok, maknanya tanpa merokok ilham mereka tidak ada maka seharusnya mereka ini diberi kebebasan untuk terus menghisap rokok, tidak masalah. Malah di Parlimen sendiri tak payahlah ada ruang cermin untuk penghisap rokok dan sebagainya, tak payah. Mereka harus diberikan kebebasan....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** ...Sebab itu teman saya yang hisap cerut, dia takut cerut itu terlibat. Saya kata cerut tidak terkecualilah daripada agenda ini. Oleh kerana itu, saranan saya ini harap diambil perhatian secara khusus oleh pihak kerajaan. Saya akan benarkan orang yang tidak hisap rokok ini untuk bangun mencelah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya kurang....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Hisap rokok?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Hisap rokok?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hisap kerana hendak menyelamatkan kawan daripada penyakit. Saya tidak pernah membeli rokok Tuan Yang di-Pertua, saya ambil orang punya, jadi sekurang-kurangnya saya menyelamatkan dia daripada merokok, jadi saya hisap rokok dia.

Soalan saya begini, memang kerajaan telah menaikkan harga cukai untuk mengurangkan rokok. Kerajaan telah berusaha untuk menolong penanam-penanam tembakau supaya dapat menanam benda-benda lain untuk menggantikan penanaman tembakau. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya apa pun kita hendak bentuk daripada kanak-kanak. Boleh tak kita hendak bentuk mereka daripada tadika untuk berkelakuan baik, tidak merokok, tunjukkan dadah ini merosakkan, dadah ini akan menghancurkan mereka sendiri. Bimbing daripada kecil, di sekolah ini kadang-kadang susah sebab sudah lewat.

Di tadika-tadika inilah tempat kita melatih mereka menghormati negara dan sebagainya. Lagi satu Yang Berhormat, saya lihat rata-rata tempat ditulis dilarang merokok tetapi saya tidak nampak dilarang mencerut kerana orang menghisap cerut juga. Kita kena bubuh dilarang mencerut. Kalau tidak dia kata dilarang merokok orang itu mencerut jadi dia tidak merokok. Macam mana pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Melentur buluh biar dari rebungunya. Saya setuju, jadi tentang kempen dan sebagainya itu saya ingat kita serahkan kepada kementerian tetapi yang kita telah tegur ialah *Kempen Tak Nak* itu sebenarnya tidak berjaya. Kita minta gantikan *Kempen Tak Nak* Kementerian Kesihatan itu gantikan dengan umpamanya, "Terima Kasih Kerana Tidak Merokok", minta maaf dahulu jika hendak merokok..., saya rasa ini mungkin lebih berkesan....

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** [Bangun]

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. Saya tertarik dengan ucapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, siapa Yang Berhormat? Kalabakan?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Pengkalan Chepa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Pengkalan Chepa.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat dan saya menyokong. Cuma saya hendak pastikan kalau dapat penjelasan yang lebih kemas lagi. Dahulu orang menghisap rokok juga. Muda mudi kita menghisap rokok tetapi tidak terlibat dengan dadah.

Di kalangan orang Cina, ramai juga yang menghisap rokok muda mudinya tetapi tidak ramai yang terlibat dengan dadah tetapi yang banyaknya yang terlibat dengan dadah ini ialah di kalangan orang Melayu, orang Islam pula. Apakah faktor sebenar yang membuatkan dadah ini melanda di kalangan remaja Melayu tidak dewasa Melayu? Itu satu.

Yang keduanya, dadah ini kalau kita tengok dalam negara Malaysia ini boleh kita kawal tetapi penyeludupan dari negara-negara jiran seperti Myanmar, Thailand, Laos begitu banyak. Selain daripada syarikat-syarikat yang menghasilkan dadah seperti syabu dan dadah yang baru ini yang tiruan ini. Apakah kerjasama ASEAN ini untuk membanteras dadah yang merupakan musuh nombor satu ini benar-benar berlaku? Itu sahaja minta penjelasan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Saya minta maaf tadi belum jawab soalan dari Yang Berhormat bagi Jerai. Saya jawab sedikit iaitu pasal tembakau tadi. Sebenarnya kita mengalu-alukan rancangan kerajaan untuk menghapuskan tanaman tembakau dengan tanaman kenaf dan satu produk yang baru ialah jagung yang boleh mendatangkan hasil lebih baik daripada tembakau. Kita berharap dengan program kerajaan ini maka tidak ada lagi ladang tembakau selepas itu.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa ini sebenarnya suatu persoalan yang cukup bagus. Sebenarnya kita pun tahu jawapannya, tetapi mungkin ada jawapan yang berbeza-beza. Saya berpandangan bahawa pelajar-pelajar Melayu sekarang ini sudah terjebak dalam budaya hedonism dan ini kita sebenarnya turut sama bertanggungjawab. Saya kalau ada masa akan ulaskan sedikitlah. Budaya berseronok-seronok ini keterlaluan sebenarnya sama ada melalui media cetak ataupun media elektronik.

Malah saya hendak ambil contoh umpamanya satu majalah yang cukup bagus. Saya ambil kulitnya sahaja di sini Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana di belakang tidak ada murid-murid saya beranilah bawa benda ini. Salah satu daripada sebab punca ada saranan supaya pendidikan sek itu diperkenalkan di sekolah-sekolah ialah kerana didapati ramai di antara anak-anak muda kita di peringkat pelajar sendiri terjebak di dalam kegiatan *sexual*. Ini suatu majalah yang baik.

Saya hendak bacakan, ini pun satu nilai pendidikan ya! Majalah Wanita ya!....  
[Menunjukkan senaskhah majalah wanita] Saya kata majalah yang baik tapi siapa pun boleh membelinya. Tajuknya;

- (i) "Rahsia Mengatur Kemuncak Nikmat Hubungan Seksual";
- (ii) "Melacur Kerana Mahu Balas Dendam";
- (iii) "Aku Terjebak Ke Lembah Hina Kerana Dosa Ayahku"; dan  
sebelahnya
- (iv) "Seks - Fahami Bahasa Tubuh Untuk Bangkitkan Sensasi".

Ini boleh terdapat di merata-rata. Kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak menyatakan bahawa saya sudah masuk dalam golongan konservatif saya terima, tak apa, tetapi saya hendak nyatakan bahawa ini sebenarnya majalah yang dianggap baik dan di dalam ini sebenarnya majalah ini sebenarnya banyak perkara-perkara yang baik tetapi dicampuradukkan dengan perkara-perkara ini.

Oleh kerana itu, maka saya hendak mengkhhusus kepada Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa tadi, jadi perkara-perkara ini yang telah menyebabkan anak-anak muda kita terjebak dalam budaya berseronok-seronok, ingin mencuba perkara-perkara yang bukan-bukan. Lagi tidak dibenarkan, lagi dia hendak buat. Sila Padang Terap. Minta maaf, sila Kalabakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ini memang pakarlah mengenai dengan syabu dan dadah. Setiap kita dengar dia mencelah dan berucap mengenai dua perkara ini, tetapi saya ingin tahu terutama sekali syabu yang banyak di Sabah datang dari mana? Kita tidak ada syabu di Sabah, datang dari luar.

Datang dari luar ini tentu ada agen yang membawa syabu masuk ke negeri Sabah. Satu persoalan saya, mana dia lembaga maritim yang menjaga lautan kita? Mana dia kita punya *marine police* dan mana dia *navy* kita? Apabila dia sudah sampai di Sabah tentu ada ejen. Kita menangkap pengguna sahaja, ejennya dibiarkan berleluasa begitu sahaja. Tidakkah kalau orang membunuh, kita cari siapa yang mengupah pembunuhan ini, kita cari sampai punca. Kenapa bagi syabu dan dadah ini kita tidak cari sampai punca di mana dia datang? Itu dia.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Sebelum saya jawab secara khusus, saya hendak memberitahu tentang bahayanya syabu, *amphetamine-type stimulants*.

Kira-kira sebulan yang lepas, kita diberi ceramah oleh seorang doktor berkaitan dengan kehebatan syabu ini dan saya hendak nyatakan dukacita sewaktu saya berada di Kota Kinabalu itu, ceramah itu diberikan kepada orang ramai termasuk pelajar. Antara yang dinyatakan ialah syabu itu menghilangkan rasa gementar, membawa keyakinan diri dan boleh seronok, boleh ada budaya goyang untuk tempoh yang lama sehingga tiga hari tiga malam dan dalam konteks seksual kalau tidak seronok, dengan adanya ini dia boleh jadi seronok. Saya bila dengar ini Tuan Yang di-Pertua, saya seram. Saya bercakap sini kerana saya dah tengok belakang tadi, jadi tidak ada pelajar.

Jadi benda-benda macam ini kalau disuarakan saya rasa ada satu *exclusivity* oleh sebab itulah dalam konteks pameran sendiri pun saya selalu menyatakan bahawa ada kalanya di tempat-tempat tertentu, tidak perlu dipamerkan semua jenis dadah yang ada di situ, sama ada dia heroin kah, kodein kah, candu dan sebagainya.

Jadi oleh sebab itu saya ingat Yang Berhormat bagi Kalabakan telah membawa isu yang sangat penting di mana saya hendak terus kaitkan dengan kita merakamkan tahniah terhadap pelantikan IGP baru kita, Tan Sri Musa Hassan dan kita pun berterima kasih kira-kira sebulan yang lalu, dia menerima kunjungan Ahli-ahli Parlimen Ahli Jawatankuasa Antidadah di Bukit Aman jadi nampaknya dia *in-person* dengan izin, mengambil berat dan nampaknya salah satu daripada agenda pihak PDRM ialah untuk mengatasi masalah dadah dan ini harus diberi perhatian khusus dan saya bersetuju Yang Berhormat bagi Kalabakan bahawa pihak Polis harus dipertanggungjawabkan terhadap isu pencegahan ini.

Kalau ada yang masuk sama ada syabu ataupun dadah yang lain kita akan nyatakan bahawa *accountability* ini dengan izin, mesti dengan pihak polis. Kalau pihak polis itu di kawasan Kota Kinabalu saya rasa seperti kata Tan Sri Musa Hassan, dia kata bahawa dia akan rujuk kepada OCPD di mana mereka berada atau pun maknanya Ketua Polis di mana mereka berada. Jadi dengan agenda ini kita yakin bahawa agenda pencegahan boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan. Silakan Padang Terap, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Padang Terap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Sabak Bernam. Saya tertarik tadi apabila Sabak Bernam menunjukkan buku-buku, koleksi buku yang melambak-lambak terdapat di kedai-kedai buku kita seluruh negara. *So I* ada bawa empat buku hari ini, kita kesal kenapa pihak KDN membenarkan, memberi lesen pengeluaran kepada kedai buku. Contohnya.... [*Menunjukkan sebuah buku*] *Koleksi Berani 2006*. Dah cukup hebat ni, ini gambar di dalamnya, cerita di dalam yang memberangsangkan, ini satu sebab

musabab mengapa rogol berlaku di negara kita. Ada.. *[Menunjukkan sebuah demi sebuah buku yang dimaksudkan]* Beberapa buah buku saya bawa Tuan Yang di-Pertua, lebih sensasi dan hangat dari biasa. Menarik para belia untuk membeli majalah berkenaan. Ada KDN lagi, PP11460/7/2006, kulit cecal, gambar yang memberangsangkan dan cerita yang cukup mengghairahkan.

Saya fikir, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam setuju atau tidak, kita mendesak supaya KDN meneliti setiap buku-buku yang hendak dikeluarkan ataupun mana buku-buku yang tidak ada permit itu dirampas, kerana ia salah satu cara untuk penambahan dari segi sosial ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Itu sahaja Yang Berhormat, Sabak Bernam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lima minit lagi.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Yang Berhormat bagi Padang Terap, saya bersetuju malah kadang-kadang saya pun gusar sebenarnya siapa yang bertanggungjawab terhadap penapisan bahan-bahan yang tiada nilai ini, haprak ini, barang-barang yang tiada nilai termasuk buku-buku yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap dan buku-buku seperti ini, golongan muda.

Kadang pelajar dia beli benda-benda ini dan tiada langsung nilai malah menghilangkan fokus mereka dari segi pelajaran mereka, oleh sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Padang Terap supaya pihak kerajaan sama ada pihak polis atau pun pihak yang lain supaya mengambil satu tindakan yang khusus terhadap agenda seperti ini, malah media cetak dan media elektronik sendiri pun cuba baca.... *[Menunjukkan sebuah akhbar]* Saya baca daripada sini Tuan Yang di-Pertua, di sini disebut tentang budaya rap dengan *hip-hop*. Tajuknya dengan gambarnya, ini akhbar perdana, saya bacakan, "*Does this turn you on, baby.*" Depan-depan ini! Jadi kalau ini boleh terang seperti ini, saya ingat yang lain lagi dahsyat....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, penjelasan *turn on, turn apa? Turn apa jadi on tu..?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tak payah jawablah.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Saya ingat tak payah jawablah.... *[Ketawa]* Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin khusus kepada beberapa perkara, saya masih khusus kepada agenda salah guna dadah, selain daripada rokok sebenarnya, ini masalah kepedulian sosial. Jadi masalah sosial dalam masyarakat kita ramai yang tidak peduli sebab jangan jaga tepi kain orang.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kuala Selangor saya telah pergi Sungai Yu, saya telah pergi Sungai Sirip, selain daripada saya telah pergi ke banyak kawasan dan di setiap kawasan ini ataupun saya telah pergi ke Kampung Indah, kampung yang selalu dapat anugerah memang di semua kampung-kampung ini sebenarnya, ramai penagih dadah tetapi apa yang berlaku sebenarnya, masyarakat akan bercakap tapi mereka bercakap sahaja tidak ada suatu agenda daripada kalangan mereka, apabila mereka ditanya siapa yang selalu kena, yang pertama ialah polis.

AADK mereka sebenarnya tidak berapa faham tapi mereka lebih faham PEMADAM dan mereka faham PENGASIH dan kemudian akhir-akhir ini, insya-Allah mereka akan lebih faham PENDAMAI sebab mereka inilah bekas kumpulan inilah bekas penagih yang boleh membantu mereka.

Oleh sebab itu, kita meyarankan supaya pihak AADK, pihak polis mengatur satu agenda bertindak di peringkat akar umbi daripada peringkat kampung perkasakan JKKK dalam agenda menangani dadah, dan dalam mesyuarat mereka tiap-tiap bulan pastikan bahawa agenda mengenai menangani dadah ini harus dibicarakan secara khusus dan secara *detail*....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, saya hendak memberi sedikit pandangan. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh Yang Berhormat mencadangkan supaya peruntukan sekarang ini PENGASIH dan sebagainya, dia orang bergerak dengan peruntukan yang agak terhad, tetapi kita dapat lihat depa punya prestasi dan ketegasan mereka untuk bertindak membantu kerajaan begitu baik sekali contoh macam penyanyi-penyanyi Jamal dan Saleem masuk dalam TV. Ini adalah satu perubahan. Jadi boleh Yang Berhormat mencadangkan peruntukan diberi kepada NGO-NGO ini supaya mereka boleh bergerak dengan lebih selesa untuk membaik pulih penagih-penagih ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Saya setuju 100% Yang Berhormat bagi Jerai, malah agenda memerangi dan menangani musuh nombor satu ini sewajarnya peruntukan tidak ada hadnya, tetapi yang penting sekali ialah kita harus jelas arah mana yang kita hendak tuju.

Saya hendak kembali kepada tadi, kita jarang mendengar cerita kejayaan saya yakin sebenarnya kalau kita cuba selesaikan masalah ini daripada peringkat kampung melalui JKKK itu dengan kerjasama daripada AADK, polis dan PEMADAM maka kita yakin bahawa satu-satu itu boleh dibebaskan daripada masalah penagihan dadah, sebab dalam satu kampung mungkin ada lima, ada enam, ada tujuh orang tapi kalau satu daerah, saya hendak ambil contoh Sabak Bernam sahaja 517 orang, Sabak Bernam sahaja, tetapi satu kampung ada lima, ada tiga. Jadi kalau JKKK itu mengambil perhatian dengan modul tertentu, kita yakin sampai satu tahap kampung-kampung ini boleh dibebaskan daripada masalah penagihan dadah. Ini soalan yang terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jemput, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Sabak Bernam.

Saya tertarik pandangan daripada Sabak Bernam makna kalau kita betul-betul serius untuk mengatasi masalah dadah, maknanya jentera di bawah ini, JKKK kah, Jawatankuasa Penyelaras Mukim dan Tindakan Daerah ini mesti kita kemaskan. Yang Berhormat dari Sabak Bernam saya minta pandangan sebab saya pernah berjumpa dengan sebahagian JKKK, apabila kita tengok laporan dalam minit mesyuarat mereka bila sebut sahaja masalah dadah ini tidak ada kerana sebahagian daripada mungkin JKKK sendiri ataupun keluarga dalam masyarakat kita terlibat dengan dadah, kerana mereka semua hendak menyorokkan.

So bagaimana Yang Berhormat hendak memberikan pandangan kepada kerajaan supaya kita mengadakan satu gesaan yang sungguh-sungguh sama ada di peringkat daerah, negeri dan sebagainya supaya JKKK ini berfungsi sepenuhnya, biarlah katalah anak saya terlibat tapi kita ceritakan yang betul.... [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] Berkata benar walaupun pahit asalkan kita dapat menyelesaikan masalah ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang sebenarnya kita ingin ketengahkan ialah pendekatan mesra pesakit, jadi saya harap... nasib baik Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak ada, dia tidak bersetuju dengan perkataan pesakit ini, penjenayah kata dia, kerana mereka bagi kita sakit.

Sebenarnya mereka ini saya anggap pesakit, oleh sebab itu kita harus ada agenda ada modul khas untuk mendekati mereka dan keluarga mereka dengan penuh rasa hormat dan kasih sayang, bukan kita hendak memalukan sesiapa. Agenda ini harus diketengahkan dan saya sangat berharap supaya pihak AADK agensi yang diwujudkan khusus untuk menangani, mengatasi perkara ini harus mempunyai fikiran yang terbuka, harus menerima saranan dan cadangan-cadangan walaupun mungkin cadangan itu nampak luar biasa, mungkin kita perlu luar biasa dalam mengambil tindakan ini mungkin cadangan kita mungkin ada kalanya, dengan izin *unreasonable* tapi kerana musuh kita ini sebenarnya musuh yang luar biasa.

Setiap waktu sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, setiap satu jam, ini AADK sendiri melalui NADI mereka mengakui bahawa tiga orang anak kita tewas dalam negara. Maknanya kita di dalam peperangan ini kita menerima kita ditewaskan. Dapat bayangkan, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita menerima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Dan kita nampak di sini, ayat yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah. Seharusnya ada satu bentuk *urgency*, rasa cemas, rasa menyegerakan. Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya di semua daerah diwujudkan pusat operasi memerangi dadah, sama ada di peringkat PDRM ataupun di peringkat AADK di mana semua wakil rakyat khususnya Ahli Parlimen suatu ketika telah disarankan diberikan peruntukan RM50 ribu untuk menangani masalah salah guna dadah di kawasan masing-masing. Dengan itu Sabak Bernam menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

4.40 ptg.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2007 jelas bersifat prihatin dan mesra rakyat. Pemberian pelbagai insentif dan pelbagai bentuk bantuan penyelidikan lain pasti dapat meringankan beban rakyat, tetapi adakah golongan muda hari ini akan mengambil peluang yang diberikan oleh kerajaan untuk belajar dengan bersungguh-sungguh? Justeru, ibu bapa dan pelajar harus memainkan peranan penting untuk memupuk semangat cintakan ilmu pengetahuan kerana pelaksanaan Wawasan 2020 amat bergantung kepada nilai kualiti modal insan yang bermutu serta mempunyai pengetahuan yang tinggi dan berinovasi dalam mencorakkan kepimpinan negara.

Saya suka mencadangkan supaya pihak kementerian dapat memberi satu peruntukan kepada Tabung PIBG di tiap-tiap sekolah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dalam satu tahun kerana kita tahu rata-rata bila PIBG ini hendak melangsungkan mesyuarat satu tahun sekali tentunya mencari wakil rakyat. Kadang-kadang tidak cukup kita hendak layan, kalau seperti saya di Parlimen Kuala Krai ada empat DUN, rata-rata mencari peruntukan wakil rakyat. Sedangkan kita tahu PIBG adalah satu nadi untuk memberi kerjasama dalam bentuk pelajaran baik dari prasekolah hinggalah ke sekolah tinggi.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** [Bangun]

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Oleh sebab itu, saya kira, kalaulah kerajaan boleh beri kepada Rukun Tetangga ataupun Perpaduan, apa salahnya yang ini adalah lebih penting untuk membawa modal insan ini kerana ianya amat berkesan sekali kepada semua sekolah di seluruh negara. Silakan sahabat.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. Saya sangat tertarik, apa yang dialami oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai itu dialami oleh semua wakil rakyat. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju bahawa semua sumbangan kepada PIBG ataupun mana-mana pertubuhan boleh di *claim* di Parlimen? Kalau bersetuju, kita minta supaya prosedur itu secara rasmi.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Kurang jelas. Sila ulangi.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Sumbangan kita, wakil rakyat kepada mana-mana pertubuhan termasuk PIBG boleh dijadikan salah satu daripada yang kita boleh *claim* kepada Parlimen. Kerajaan akan bayar balik.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Ya, saya bersetuju dan saya ambil ini sebagai sebahagian daripada ucapan. Terima kasih. Ya. Itulah yang saya harapkan kerana ...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Ya, teruskan.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya tertarik dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai tentang PIBG. Walaupun PIBG adalah badan sukarela tetapi peranan yang dimainkan oleh PIBG di sekolah cukup besar bukan sahaja memadukan tenaga ibu bapa di sekolah-sekolah di kampung berkenaan tetapi mengeratkan hubungan antara guru-guru dan juga ibu bapa sendiri bagi kecemerlangan anak-anak, pelajar.

Saya hendak mencadangkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai tadi supaya peruntukan khusus diberikan kepada PIBG oleh kerajaan, bukan bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat hendak melarikan diri. Tidak, kita akan berikan sokongan tetapi kita mencadangkan supaya peruntukan khusus diberikan, tidak kiralah berapa ribu pun dan saya hendak mencadangkan kalau boleh peruntukan yuran peperiksaan yang kita sudah kecualikan ini, kita salurkan juga kepada PIBG.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Itulah yang kita harapkan dan kita harap pihak kementerian mengambil serius mengenai dengan perkara ini sekurang-kurangnya tahun 2008 ini akan diperuntukkan kepada semua sekolah di seluruh negara. Apa tidaknya kerana ini amat penting dan kita tahu tiap-tiap tahun hendak mesyuarat bergantung pada wakil rakyat sahaja sedangkan perkara untuk hendak beri input kepada modal insan ini bergantung rapat kepada PIBG, guru dan anak-anak itu sendiri.

Suka saya menyarankan juga dalam pelaksanaan PIBG ini harus ada empat tenaga. Pertama ibu bapa, kedua guru, ketiga murid dan satu lagi yang penting adalah daripada pihak Kementerian Pelajaran itu sendiri, baik PPD ataupun pihak jabatan pelajaran negeri supaya dapat pemantauan di tiap-tiap PIBG itu dan sekiranya PIBG ini amat berkesan, maka peruntukan tadi harus ditambah. Dengan itulah, saya kira ia ada tahap yang pengukurannya, *percentage* di sekolah itu kurang daripada aspek sosial - gejala sosialnya yang begitu mendadak dan juga peratus kelulusan, baik daripada sekolah rendah, UPSR, SPM ataupun STPM.

Penubuhan kolej komuniti yang dilengkapi dengan kemudahan prasarana yang baik perlu diwujudkan di setiap kawasan Parlimen supaya ia dapat menjadi satu laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah untuk mengikuti latihan kemahiran di dalam bidang teknikal dan vokasional untuk memenuhi keperluan prasarana negara. Di samping dapat memberi pendidikan dan latihan dinamik dan berkualiti dalam bidang *soft skill* kepada semua peringkat masyarakat bagi menyediakan mereka ke dalam kerjaya yang diceburi dan seterusnya dapat meningkat tahap sosioekonomi mereka.

Kita perlu melihat kepada kesan jangka panjang penubuhan kolej komuniti kepada kemajuan pembangunan bangsa dan negara. Pendekatan ataupun cara pembelajaran juga terus dihalusi supaya dapat melahirkan pelajar yang mempunyai fikiran secara kreatif dan berdikari serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat. Di manakah janji-janji daripada Kementerian Pengajian Tinggi dulu, satu kolej komuniti satu Parlimen. Kita telah berlalu hampir dua tahun, di manakah letaknya perkara ini dan saya harap pihak Kementerian Pengajian Tinggi dapat menguasai perkara ini kerana ini adalah penting. Kalau ada tiap-tiap kolej komuniti di satu Parlimen sudah tentu modal insan yang berkualiti ini dapat diterapkan baik dari segi di luar bandar ataupun dalam bandar. Program Skim Latihan Graduan pasaran modal...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, sila.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak khusus kepada kolej komuniti ini kerana kekuatan dan kepentingannya, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat bersetuju supaya pihak kerajaan menyegerakan rancangan untuk membina kolej komuniti di seluruh negara. Kalau saya mengambil contoh Sabak Bernam ini, Yang Berhormat bagi Kuala Krai, di situlah kita letakkan belia-belie kita yang kadang-kadang tidak ada tempat kursus sebab Kementerian Belia pun tidak menyediakan kursus. Kita boleh menyediakan kursus dalam bidang yang bersesuaian dengan *locality*, macam di Sabak Bernam dengan pertanian. Maka dengan itu mereka bukan sahaja boleh mengisi masa tetapi selepas itu boleh mendapat pekerjaan yang mendatangkan pendapatan. Apa pandangan Yang Berhormat supaya kerajaan menyegerakan perkara ini di semua peringkat. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Itulah yang saya sarankan tadi, sebab dua tahun sudah berlalu dan janji-janji itu masih kosong. Saya kira tentu Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bersetuju kerana ini juga dapat melegakan musuh nombor satu negara kerana di situlah tempat-tempat mereka akan beriadah dan berlatih. Terima kasih. Yang Berhormat bagi Larut, silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Masalah kolej komuniti ini Tuan Yang di-Pertua, sudah lama kita bangkitkan di Dewan ini. Bahkan dulu Kementerian berkenaan berjanji, di luar bandar terutamanya satu kawasan Parlimen, satu.

Timbul masalah oleh kerana peruntukan yang begitu terhad, barangkali kerana difikirkan banyak lagi IPTA yang perlu diberikan tumpuan. Saya ingin mencadangkan, kerana hari ini kebanyakan di kawasan-kawasan Parlimen, khususnya dalam rumah-rumah kedai yang terbiar, yang tidak digunakan. Mungkin boleh kita cadangkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi supaya dalam kita hendak mengembangkan lagi modal insan ini, selain dapat kita merencanakan lagi kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain.

Kita boleh mengutamakan bangunan rumah-rumah kedai untuk dijadikan kolej komuniti ini sebagai untuk mengurangkan lagi kos perbelanjaan supaya tidak nanti kita seolah-olah tidak menitik beratkan soal modal insan khususnya dalam bidang pendidikan ini di kawasan-kawasan setiap Parlimen yang kita rancang terutama di kawasan luar bandar. Apakah Yang Berhormat bersetuju? Khususnya di Kelantan, kerana kita amat bersimpati dengan Kelantan, yang hari telah nampak jelas bahawa di Kelantan memerlukan banyak lagi kegiatan modal insan untuk menyedarkan lagi pentingnya pendidikan ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, memang itulah yang kita harapkan. Kita harap dengan adanya ini, sudah tentulah peruntukan RM2 juta kalau kita dapat gunakan bangunan-bangunan lama ini mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan tambah RM3 juta dan kita asaskan itu sebagai satu di tiap-tiap Parlimen. Insya-Allah tahun depan, Yang Berhormat bagi Larut.

Program Skim Latihan Graduan Pasaran Modal yang diperkenalkan juga sangat baik kerana graduan-graduan akan memperoleh pengetahuan dan pengalaman yang luas sebelum mereka mampu diserap oleh mana-mana syarikat sebagai pekerja getap, tetapi sejauh manakah program tersebut dapat membantu mengelakkan pengangguran yang berlebihan dan semestinya mengurangkan jumlah masalah sosial yang kini semakin meruncing dan membimbangkan kita.

Golongan muda merupakan aset yang bakal memimpin negara pada masa depan. Seharusnya mereka tidak boleh dibiarkan hanyut dengan dunia mereka tanpa pemantauan dan kawalan dari kerajaan. Kerajaan perlu membantu mereka dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada mereka. Apakah 30,000 kekosongan yang terdapat di jabatan kerajaan telah diisi sepenuhnya. Di sinilah kerajaan melalui agensinya iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam perlu mempercepatkan proses untuk pengambilan graduan menganggur bagi mengisi kekosongan jawatan ini. Kakitangan awam yang terlibat dalam jabatan tersebut perlulah lebih prihatin dengan nasib graduan penganggur dan perlulah lebih radikal dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka.

Langkah bijak kerajaan memperkenalkan pengambilan guru-guru j-QAF dalam program KPLI, memberi peluang kepada graduan yang mempunyai kelulusan dalam bidang pengajian Islam mendapat pekerjaan dan sekali gus dapat mengurangkan jumlah pengangguran graduan dalam bidang tersebut. Kita sedia maklum, bahawa bahasa Arab dan tulisan jawi kian pupus kerana pengajaran dan penggunaan tidak dikuatkuasakan, tetapi kini dengan adanya pentadbiran ataupun pertambahan guru-guru j-QAF, sedikit sebanyak dapat memperkasa dan memartabatkan penggunaan bahasa Arab dan tulisan jawi di sekolah-sekolah.

Kita tahu kerana permulaan telah dimulakan dari sekolah jenis kebangsaan sekolah rendah lagi dan betapa perlunya modal insan ini ditetapkan dengan adanya pengkhususan bahasa Arab dan tulisan jawi ini. Terdapat dalam bahasa Arab, mungkin Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tahu.... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bolehkah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh terjemah? Saya kurang tahu.... *[Disampuk]*

Bahasa Arab itu adalah bangsa Arab itu dalam bahasa Arab... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Quran itu dalam bahasa Arab... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Nabi itu pun berbangsa Arab... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kalimah Arab juga dalam bahasa Arab, maka perlulah ini dijadikan satu perkara yang kita titik beratkan, modal insan di kalangan pelajar-pelajar. Lebih-lebih lagi yang beragama Islam, yang rata-ratanya kita

tahu sebagai agama Islam adalah agama rasmi negara.... Sila, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Hujungnya itu, dalam syurga bahasa Arab.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Dia mungkin hendak terima ini, sila Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Sebenarnya bahan bacaan jawi itu kurang, tiap-tiap Isnin kalau kita beli Utusan Malaysia, dengan pesanan khas kita dapat dua, tiga halaman jawinya. Ini menunjukkan bahan bacaan sangat kurang, macam mana Yang Berhormat mencadangkan supaya lebih banyak bahan bacaan dapat didapati oleh pembaca kerana tahap jawi sekarang sudah merosot dengan teruk.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih banyak. Beliau simpati dengan jawi, mungkin dia pun pandai tulisan jawi. Kita harap pihak Kementerian dapat mulakan satu buku bacaan dalam tulisan jawi. Kalau dahulu kita ada *canai bacaan*, mungkin salah satu akan diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran supaya bukan sahaja akhbar dapat dibaca tetapi satu buku khusus di sekolah-sekolah kebangsaan. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Kita ucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan, yang sedang mengambil usaha untuk menghidupkan semula tulisan jawi. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan di sini, dalam usaha kita untuk menghidupkan semula bahasa jawi di kalangan murid-murid sekolah rendah terutamanya supaya mata pelajaran agama itu diajar dalam tulisan jawi, sebagai satu cara. Ini kerana jawi dan Arab ini, ia ada hubungannya. Orang dahulu belajar agama melalui tulisan jawi dan bahasa Arab dan sebagainya. Jadi, dalam usaha ini, apa cadangan Yang Berhormat? Adakah setuju supaya diwajibkan mengajar agama itu dengan tulisan jawi?

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Ya, itulah yang kita maksudkan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit.

Dan, satu lagi saya suka menyarankan, tidak berbaloi kalau kita menyarankan tidak cukup berbaloi, kalau kiranya guru-guru J-QAF ini tidak begitu ramai. Kita harap pihak Kementerian dapat perbanyakkan lagi bilangan guru-guru ini dan saya kira satu langkah yang perlu diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran iaitu ialah sekolah-sekolah di tiap-tiap negeri dalam negara kita, Malaysia ini yang tidak diiktiraf oleh kerajaan seperti di Kelantan, di Johor, banyak sekolah-sekolah agama ini diterapkan, diambil alih oleh pihak kerajaan kita.

Ini adalah satu langkah yang dialu-alukan oleh semua penduduk-penduduk terutama sekali di luar bandar. Di Parlimen bagi Kuala Krai misalnya tidak dapat satu pun sekolah menengah agama di bawah seliaan Kementerian Pendidikan. Hal ini merupakan satu kerugian yang amat besar kerana pembelajaran mereka akan terhenti setakat sekolah rendah sahaja dan tidak berterusan sehinggalah ke sekolah menengah walaupun mereka mempunyai minat untuk mempelajari bahasa Arab dan tulisan jawi. Oleh itu, saya juga ingin menyarankan di tiap-tiap jajahan, di tiap-tiap Parlimen, satu sekolah menengah yang mempunyai bahasa Arab, bukan sahaja di sekolah rendah bila dia hendak menceburkan diri ke universiti maka ada perantaraan bahasa untuk terus.

Selain itu juga peralatan pengajaran yang lama khususnya di sekolah-sekolah agama di luar bandar perlu ditukar dengan peralatan yang lebih terkini dan canggih untuk mewujudkan sistem pembelajaran yang lebih berkesan kepada pelajar-pelajar. Ilmu agama yang kukuh...

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat cuma dalam bajet kita ini, dalam bajet kita sebelum kita bincang soal pengambilan alih sekolah-sekolah agama rakyat oleh Kerajaan Pusat dalam bajet kita ini, kerajaan sendiri tidak memperuntukkan penghapusan yuran-yuran

peperiksaan daripada sekolah-sekolah Arab atau sekolah-sekolah agama rakyat dan juga swasta seolah-olah ada diskriminasi. Kenapa penghapusan yuran ini dikenakan kepada sekolah kerajaan sahaja di semua peringkat tetapi tidak dilanjutkan apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Itulah yang saya harapkan bila terima terus dia pun tidak kena yuran. Insya-Allah.

Ilmu agama yang kukuh perlu diterapkan kepada golongan muda untuk kita melahirkan individu yang unggul dan seimbang serta harmonis dalam pelbagai aspek meliputi aspek intelek, rohani, emosi, jasmani kerana ianya dapat mencegah golongan muda terjebak dengan gejala-gejala yang tidak sihat yang sudah tentunya memberi kesan kepada negara.

Antara lain, Bajet 2007 juga memperuntukkan latihan guru dan pembinaan perumahan guru. Begitu banyak sekali peruntukkan untuk rumah guru jika dilihat jumlah yang diperuntukkan adalah bertujuan untuk memperkemas kini proses pengajaran dan keselesaan guru, tetapi dengan penambahan kuarters untuk golongan guru apakah manfaatnya dilakukan jika mereka sendiri tidak berminat untuk mendiaminya.

Di Parlimen Kuala Krai misalnya terdapat segelintir guru-guru yang tidak suka tinggal di kuarters guru yang disediakan malah mereka berulang alik walaupun sekolah tempat mereka mengajar terletak jauh di pedalaman. Inilah yang memberi kesan negatif kepada penduduk-penduduk luar bandar. Lebih-lebih lagi kepada murid-murid itu sendiri. Bila mana guru tidak ada sudah tentulah guru besar tidak ada guru lain lebih lagi, maka rumah-rumah yang disediakan oleh pihak kerajaan dengan peruntukan yang begitu banyak tidak ada nilai lagi. Ini sudah tentulah ini tidak memberi kesan positif kepada penduduk luar bandar yang mana kita harapkan..... Yang Berhormat bagi Padang Terap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Menyentuh tentang kuarters guru ini di tempat saya ada juga kuarters dibina tetapi tidak ada didiami oleh guru-guru. Di Melaka di Kubang Panjang misalnya kerana kebanyakan guru-guru ramai di antaranya tinggal di rumah masing-masing. Guru tempatan. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya pihak kementerian mestilah melihat di mana keperluan yang sebenar bukan hanya buat mengikut hendak buat sahaja. Kerana ada setengah tempat mungkin perlu mungkin tidak perlu kita tidak mahu ketelitian pihak kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran supaya di mana tempat yang harus dibuat, dibuat dahulu bukan mana tempat yang mana tidak menghendakinya.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Itulah yang kita harapkan setelah hampir 50 tahun kita merdeka maka perkara-perkara yang membazir ini tidak seharusnya berlaku di negeri kita....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila tamatkan ucapan.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Saya ada banyak lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis ini habis ya.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Ini satu lagi mengenai *delivery system* penyampaian ini seharusnya dikaji dan saya haraplah pihak kementerian ini banyak membuat pemantauan dan ada satu jawatankuasa supaya melihat perkara-perkara ini tidak berlaku di kalangan guru yang mana harapan daripada rakyat luar bandar begitu besar bukan sahaja daripada murid tetapi daripada ibu bapa dan masyarakat setempat itu sendiri.

Satu lagi yang paling penting ialah mengenai dengan guru-guru yang dihantar ke sana sini. Ini berlaku terutamanya di Kelantan dan saya kira di seluruh negeri guru-guru yang bermasalah dilontar macam bola, di *pass* ke Kuala Krai, di *pass* ke Gua Musang, di *pass* ke Perak dan merata-rata. Sedangkan pihak kementerian tidak menyelesaikan masalah ini. Inilah satu perkara yang tidak harus lagi berlaku di negara kita.

Saya ada lagi, langkah memberi bonus kepada kakitangan awam membuktikan kerajaan menghargai sumbangan mereka dalam mencapai matlamat negara tetapi kalau kita lihat apakah dengan pemberian bonus tersebut berupaya meningkatkan produktiviti mereka dalam menyumbang tenaga kepada kerajaan sebagai membalas jasa kerajaan. Dan kita harap supaya kerajaan dapat menilai perkara ini. Budaya kerja sambil lewa kakitangan awam kerajaan pada masa kini perlu dihakis untuk mewujudkan kecemerlangan dalam jabatan mereka. Banyak lagi, tidak sempat kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Habiskan Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Dalam satu Bajet 2007 juga kerajaan telah memperuntukkan sejumlah dana yang begitu besar bagi R&D atau *research and development*. Namun daripada pengalaman saya yang lepas projek-projek R&D gagal mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mewujudkan satu kompleks R&D di negara kita tetapi sejauh manakah perkara ini telah memberi kesan yang baik kepada negara. Salah satu aspek yang sangat penting ialah pemantauan adakah pihak MOSTI mempunyai pasukan pemantauan yang berkesan dan bebas dalam hal ini untuk memastikan agar projek-projek R&D yang dijalankan dapat mencapai matlamat yang telah dirancang oleh kerajaan. Saya ingin mencadangkan satu jawatankuasa pemantau bebas ditubuhkan. Jawatankuasa ini perlu berwibawa, telus dan profesional. Ini dapat menjamin peluang pelaburan yang besar terhadap aktiviti negara kita dalam R&D, kerajaan juga perlu mewujudkan lebih banyak makmal-makmal untuk tujuan penyelidikan di samping menambah keperluan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi serta mahir dalam teknologi terkini. Oleh kerana masa tidak mengizinkan;

*Sorong papan tarik papan,  
Papan di bawa dari seberang,  
Belanjawan 2007 sudah dibentangkan,  
Menyenangkan hati semua orang.*

Saya seterusnya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**5.07 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya pun turut mengambil bahagian dalam sesi ini dan perkara yang pertama yang ingin saya bahas adalah mengenai bayaran gaji yang dibuat sistem pembayaran gaji yang sedia ada yang dipakai di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua kita semua tahu bahawa bayaran kepada semua pekerja-pekerja negara ini adalah berkaitan dengan mengikut bayaran untuk bulanan tetapi sebenarnya dari segi undang-undang yang sedia ada kalau kita meneliti *Labour Ordinance* di mana beberapa definisinya di antaranya adalah dengan izin, *true wages*, *real wages* dan sebagainya.

Berkaitan dengan perkara ini adalah masa sudah tiba supaya kita mengimplementasikan satu polisi pembayaran gaji mengikut bayaran gaji minggu seperti yang telah diguna pakai di negara-negara yang maju seperti di Australia, New Zealand dan beberapa negara England dan Amerika di mana dikatakan oleh kerana pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja adalah berasaskan bayaran gaji mingguan ini mengakibatkan beberapa yang baik - kebaikan di antaranya adalah pekerja-pekerja mendapat gaji *true wages* dan *real wages*. Itulah yang dikatakan dan di beberapa statistik-statistik yang kajian-kajian yang telah dibuat di mana di antara bayaran gaji mingguan dan bayaran gaji bulanan adalah sangat beza walaupun dikatakan kalau kita dibayar gaji bulanan itu memadai kerana itu satu praktis yang sedia ada di negara kita.

Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita hanya dibayar gaji untuk 48 minggu walhal kita bekerja untuk 52 minggu dan mengikut taraf standard yang diguna pakai di seluruh dunia di negara-negara maju, mereka dibayar gaji mengikut mingguan mengakibatkan pekerja-pekerja dibayar 52 minggu. Jadi bila kerajaan mengatakan bahawa bonus dibayar kepada kakitangan kerajaan sebenarnya ini adalah satu saya kata bukan perkara yang benar-benar kerana mereka hanya dibayar untuk kerja yang betul-betul mereka buat. Jadi yang mustahak, adalah kita

perlu mengambil kira kenapa negara-negara maju telah membayar gaji mingguan beberapa tahun yang lalu. Kenapa Malaysia pula hingga sekarang masih membayar gaji bulanan.

Di antara faktor-faktor yang baik adalah *pre-payment* di mana mereka dibayar bukan 30 hari selepas cukup bulan tetapi tujuh hari atau 14 hari semasa mereka masih bekerja. Bayaran itu dibuat *pre-payment*...

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]:** Minta mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat telah membawa kepada kita tentang perkara baru yang diamalkan di negara-negara maju. Jadi dalam negara maju ini bukan gaji dibayar mingguan sahaja tetapi telah ditetapkan *minimum wages*. Kadar yang paling rendah terutama dalam sektor-sektor syarikat swasta dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat hendak cadangkan supaya di samping mingguan itu untuk kerajaan mengimplementasikan *minimum wages* ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya bersetuju penuh dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Sebenarnya perkara ini saya telah bangkitkan beberapa kali. Saya akan bercakap mengenai *minimum wages* selepas ini. Terima kasih.

Tapi Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak adalah mengenai *pre-payment* di mana statistik menunjukkan bahawa jika seseorang pekerja dibayar setiap minggu atau dua minggu sekali dia akan mengurangkan jika dia ada pinjaman di bank dikatakan faedah di bank itu sekarang adalah bayaran *monthly rest*. Bila menjadi *weekly rest* dia akan menjimatkan lebih kurang 10% dari *principal sum* dan ini adalah untuk seorang kalau membayar RM260 satu bulan untuk rumah kos rendah. Dia akan menjimatkan lebih kurang RM30. Jikalau di *spread* kepada 25 tahun, bayaran ansuran itu boleh dibayar dalam tempoh 20 tahun. Ini akan menjimatkan lima tahun dan ini juga akan membawa lebih manfaat kepada pekerja-pekerja jika dibayar dengan wang gaji mereka yang sebenar. Seperti yang ada sedikit mengenai ini telah dikatakan di akta pekerja di mana saya telah katakan *through wages, rail wages* dan ini adalah perkara yang perlu diambil kira.

Saya alih kepada perkara yang kedua ialah mengenai seperti yang diperkatakan oleh kawan saya Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa adalah mengenai *minimum wages*. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang mustahak di mana Kongres Pekerja Malaysia telah beberapa tahun mengatakan bahawa di Malaysia kita perlu adakan gaji minimum kepada semua pekerja di negara ini. Satu di antara perkara yang akan membawa kebaikan dalam perkara ini adalah supaya semua pekerja tidak kira di mana dia kerja dia tahu hak minimum yang dia dapat adalah yang ditetapkan dari segi undang-undang. Yang dicadangkan oleh Kongres Pekerja di negara ini adalah sebanyak RM1,000 sekurang-kurangnya dan pada pandangan saya ini adalah memadai.

Akan tetapi yang mustahak adalah, kenapa di negara-negara yang sangat mundur, yang sangat terkebelakang dari segi ekonomi, politik dan sebagainya dari Malaysia negara seperti Timor Leste mengadakan satu undang-undang *minimum wages* atau bayaran minimum tapi di Malaysia tidak ada. Saya rasa satu di antara faktor yang tidak menyenangkan kerajaan adalah kerana jikalau ada satu sistem *minimum wages* ia akan tidak membenarkan kedatangan pekerja-pekerja asing untuk bekerja di negara ini. Kenapa kita perlukan pekerja-pekerja asing yang terlampau banyak walhal jika ada sistem *minimum wages* polisi di negara ini semestinya ia akan menarik lebih pekerja-pekerja yang sedia ada di negara kita supaya mereka juga mendapat manfaat memandangkan mereka adalah warganegara Malaysia. Kenapa pula kita membawa pekerja-pekerja asing, memberi peluang kepada pekerja-pekerja asing.

Di beberapa *factory* di negara ini ramai di antara pekerja-pekerja Malaysia diberhentikan dengan sengaja dan memberi peluang kepada pekerja-pekerja asing. Satu di antara perkara adalah kerana pekerja-pekerja asing dibayar gaji yang murah di mana mereka tidak perlu membayar KWSP, tidak perlu bayar SOCSO, tidak ada kawalan-kawalan yang tetap, tepat dan serius terhadap pekerja-pekerja asing yang bekerja di kilang-kilang dan ini adalah satu daripada faktor yang perlu diambil kira oleh

kerajaan. Jangan kita membiarkan satu situasi di mana kita terlampau bergantung kepada pekerja-pekerja asing dan untuk mengatasi perkara ini adalah mengadakan sistem bayaran gaji minimum. Jika negara-negara yang mundur boleh mengadakan undang-undang kenapa pula Malaysia tidak boleh ada?

Saya pernah membaca seorang yang bernama Virasamy. Dia adalah satu di antara peguam pada tahun 1922 di negara ini. Dia telah berhujah pada masa itu dan dia telah menjadi seorang yang telah dipilih oleh Kerajaan British untuk menjadi seorang anggota di *Federal Council*. Pada masa itu pada tahun 30-an dan 40-an. Beliau telah berhujah untuk mengadakan gaji minimum. Pada masa itu lebih kurang 40-50 tahun dahulu. Kenapa pula masa ini belum tiba lagi untuk kita mengadakan satu sistem sedemikian?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin beralih kepada sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan satu perkara di mana saya telah bertanya di manakah pembinaan sekolah Tamil dan Cina dijalankan di Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya juga telah bertanya bilakah sekolah-sekolah ini akan dibina. Akan tetapi bila saya mendapat jawapannya, nampaknya jawapan itu tidak memadai dan tidak praktikal langsung. Jawapannya adalah dia hanya memberitahu bahawa di Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran Malaysia merancang projek pembangunan termasuk bangunan tambahan, gantian dan ubahsuai naik taraf sebanyak 175 projek bagi SJKC iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dengan kos sebanyak RM148.3 juta dan 63 projek bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dengan kos sebanyak RM56.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, yang mustahak adalah saya pohon, saya ingin tahu dan masyarakat umum ingin tahu dengan khususnya berapakah sekolah-sekolah baru yang akan dibina kerana saya difahamkan setiap tahun di sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina di negara ini, kita ada satu situasi di mana kelebihan murid-murid baru yang akan masuk untuk belajar di darjah satu adalah 20% dan jika sedemikian masa akan tiba di mana tidak akan cukup bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah yang sedia ada dan saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak yang perlu diambil tindakan dan janganlah kerajaan mengatakan memperkasa sekolah Kebangsaan sahaja tetapi melupakan atau menganaktirikan sekolah-sekolah Cina dan sekolah Tamil dan juga....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Pada pandangan dan analisis saya bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak akan membina lagi SRJK(C) dan SRJK(T) yang baru. Ini adalah keratan surat khabar *Utusan Malaysia* pada 15 Mac 2005 yang dikatakan "*Tidak tambah sekolah Cina*", dan saya rasa ini adalah sama dengan sekolah Tamil juga kerana sekolah-sekolah seperti ini akan menjejaskan perpaduan. Perpaduan terjejas jika sekolah ikut kaum. Saya rasa ini adalah sangat tidak berpatutan, tidak boleh diterima kerana kita tengok hari ini di dalam kerajaan Barisan Nasional Presiden MCA ialah dari aliran sekolah Cina.

Menteri Pengangkutan dari SRJK(C), Ketua Menteri Pulau Pinang juga dari aliran sekolah Cina. Jadi macam mana boleh mengatakan bahawa SRJK(C) atau SRJK(T) boleh menjejaskan perpaduan. Inilah Barisan Nasional yang menganaktirikan bangsa-bangsa yang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam itu saya rasa adalah benar dan betul tetapi, yang mustahak adalah ini, apabila Perdana Menteri datang untuk menjawab perkara-perkara yang bangkit dari Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa sekolah-sekolah baru akan dibina. Dari situlah saya berasa dan saya telah menanya soalan ini. Saya hairan bahawa keratan-keratan dan surat khabar menunjukkan bahawa ini tidak benar dan adakah Yang Amat Berhormat telah mengetahui apa yang beliau katakan dan adakah apa yang dia katakan adalah benar dan betul.

Jikalau sedemikian, apakah sebab dan saya hendak tahu, saya rasa rakyat Malaysia ingin tahu, di manakah sekolah-sekolah baru akan dibina dan juga di manakah apakah polisi dan pendirian kerajaan kepada sekolah-sekolah Tamil di mana berada di tanah-tanah kepunyaan pihak ketiga dan bukan kepunyaan pihak kerajaan di

mana *partially aided, fully aided*, situasi yang sangat susah. Di mana kita ada peruntukan undang-undang yang sedia ada, di mana kerajaan boleh mengambil alih tanah-tanah tersebut dan menjadi satu di antara di bawah tanggungan kerajaan. Kenapa *compulsory* dengan izin, *compulsory aquisition* dengan izin, tidak boleh dibuat, walhal ini ada satu undang-undang yang sedia ada di negara ini. Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah Tamil, dan sekolah-sekolah Cina.

Terutamanya di sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina, apabila saya kemukakan soalan ini, kerap kali jawapannya adalah beza, tetapi kali ini dikatakan kekurangan guru di sekolah Cina adalah 571 guru dan di sekolah Tamil adalah 185. Tuan Yang di-Pertua, pada 28 Julai Tuan Yang di-Pertua, di Ipoh lebih kurang 300 ibu bapa telah mengadakan satu tunjuk perasaan, tidak senang hati dengan Kementerian Pelajaran kerana kekurangan guru-guru di seluruh negeri Perak di sekolah-sekolah Tamil. Dikatakan apabila mereka memberikan memorandum, di mana saya pun berada di sana.

Saya difahamkan bahawa ada kekosongan sebanyak 87 kekosongan guru-guru di sekolah-sekolah Tamil. Di seluruh negara ada dikatakan lebih kurang 500 kekosongan dan ini tidak diisikan sehingga hari ini. Dengan izin, saya membaca *placard-placard* yang ada di sana yang mana dikatakan sedemikian. Dengan izin, "*We are not asking for money, we are only asking for Tamil teachers. All we want is education for our children*". *Parents shouted, holding placards*. Ini adalah tunjuk perasaan di mana pada hari itu walaupun ada lebih kurang hanya 300 orang di Jalan Tun Perak di Ipoh, tetapi ada lebih kurang 500 pegawai polis yang menjaga ketenteraman di tempat tersebut yang tidak membenarkan bas-bas yang datang dari seluruh Negeri Perak yang memberi *protest* kepada Kementerian Pelajaran.

Kita ingin tahu, masyarakat ingin tahu bilakah guru-guru akan dilantik ke sekolah-sekolah ini? Yang menjadi masalah ini adalah ini, Tuan Yang di-Pertua sesi yang dahulu pada bulan November tahun dahulu, Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa ada polisi yang baru di mana guru-guru akan dibawa dari negara China dan negara India untuk mengisi kekosongan ini, tetapi, walaupun ini adalah satu idea yang boleh diterima pakai, tetapi kita perlu lebih sensitif dalam perkara ini, memandangkan *culture* dan *sensitivity* ini adalah beza, membawa guru-guru ini adalah bukan satu polisi yang tepat. Yang lebih baik adalah mengadakan peluang-peluang supaya anak-anak kita yang berkelayakan diberi untuk menjadi guru-guru. Baru-baru ini saya jumpa beberapa anak-anak kita di mana ada kelayakan yang tertinggi dalam tingkatan 5 mendapat beberapa 'A', ada 'A' dalam Bahasa Tamil, ada 'A' dalam Bahasa Mandarin.

Kementerian Pelajaran tidak memberi peluang untuk mereka menjadi guru. Apakah hajat mereka, apakah muslihat mereka? Itulah sebab saya berpendapat, sependapat dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, bahawa ada satu polisi untuk menganaktirikan sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Jangan kita buat sedemikian, kerana kita perlu memberi sokongan, dari segi moral dan sebagainya. Kerana itu adalah keinginan ibu bapa mereka jika mereka ingin menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil atau sekolah Cina.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, ada satu lagi sebab mengapa guru Tamil dari India atau guru Bahasa Cina dari negara China tidak sesuai untuk mengajar Darjah 1, 2, 3 kerana mereka tidak tahu bahasa. Umpamanya guru dari negara China mereka hanya tahu Mandarin. Kalau dia hendak ajar pelajar-pelajar India di sekolah kebangsaan darjah satu dia tidak tahu Bahasa Melayu, macam mana dia hendak ajar Bahasa Mandarin kepada pelajar yang hanya tahu Bahasa Melayu dan begitu juga dengan budak-budak Melayu, hanya tahu Bahasa Melayu, tetapi dia hendak belajar Mandarin, cikgu hanya tahu Mandarin, tidak tahu Bahasa Melayu, macam mana hendak ajar?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, *cultural differences* dan *back ground* ini adalah sangat mustahak. Kenapa kita perlu bawa guru-guru dari negara China dan negara India, walhal kita ada guru-guru yang bersara yang ingin, sudi dan sedia untuk memberi perkhidmatan mereka. Saya sendiri tahu beberapa guru yang telah bersara dari sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah kebangsaan yang sudi untuk memberi menjadi guru sementara di sekolah-sekolah ini. Kenapa mereka tidak diberi ruangan, kenapa mereka tidak diberi *opportunity* supaya menjadi guru sambilan hingga kita boleh *train* dengan izin guru-guru yang cukup di negara ini. Baru-

baru ini kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam situasi di mana kekurangan guru yang saya telah hujahkan Tuan Yang di-Pertua, telah mengatakan bahawa di sekolah-sekolah Cina 150 sekolah dan sekolah Tamil 70 sekolah, 70 sekolah kebangsaan dan 150 sekolah kebangsaan, 150 sekolah di mana guru-guru Cina akan ditempatkan di sana dan 70 sekolah kebangsaan di mana guru-guru Tamil akan ditempatkan.

Saya rasa itu adalah satu idea yang bagus tetapi, lebih baik kita analisa, praktikal situasi ini. Nombor satu, kita kekurangan guru, kalau kita mengambil guru-guru yang sedia ada di sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil, ini akan mengakibatkan satu masalah kekurangan guru di sana. Nombor dua, kenapa pula hanya 150 sekolah dipilih untuk menghantar guru-guru Cina untuk mengajar di sana, walhal di sekolah-sekolah kebangsaan yang lain tidak ada peluang untuk murid-murid kita belajar dalam Bahasa Mandarin atau Bahasa Tamil.

Kenapa ini ada situasi diskriminasi. Saya rasa ini adalah satu perkara yang senang yang dapat diatasi. Kalau ada betul-betul keseriusan oleh Kementerian Pelajaran, oleh kerajaan semestinya kita boleh mengadakan guru-guru yang mahir, yang berkelayakan, boleh dihantar ke semua sekolah-sekolah. Jangan kita kira di sekolah-sekolah itu ada seorang murid atau 100 murid yang ingin belajar dalam Bahasa Tamil atau Bahasa Mandarin, walhal dia ada, dia suka dia mahu dia perlu diberi. T

uan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan kita tidak perlu pergi jauh untuk belajar atau tengok situasi-situasi yang berlainan. Kita hanya perlu pergi lima jam dari sini dengan bas ke *Singapore*. Di semua sekolah-sekolah, saya hairan macam mana sekolah-sekolah di sana semua sekolah kebangsaan *national schools* ada guru-guru Tamil dan guru-guru Mandarin yang sedia ada.

Mereka bukan sahaja fasih dalam sekolah, dalam bahasa Tamil atau bahasa Mandarin tetapi mereka juga fasih dalam beberapa pelajaran yang lain di mana mereka boleh diguna pakai bila mereka tidak mengajar bahasa Tamil atau bahasa Mandarin. Ini adalah satu perkara yang perlu diambil kira, jangan kerajaan mengadakan satu *out of the box*, perlu *out of the box*, ini yang dikatakan tetapi tidak guna pakai....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dipraktikkan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dipraktikkan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang kita perlu satu minda yang baru, *first world*, perkara-perkara, *walk the talk* dan saya rasa ini adalah perkara yang mustahak Tuan Yang di-Pertua.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke satu perkara yang baru iaitu di kalangan masyarakat India di negara ini, di mana tiba-tiba pada 15 hingga 16 Ogos Tuan Yang di-Pertua, di mana di TV2, rangkaian kedua, di mana *Berita Tamil* disiarkan pada 8.30 setiap hari, sekarang telah diubah dan dibawa lebih awal ke 6.30. Dahulu, semasa menteri yang dahulu dia telah mengadakan pada 5.30 ke 8.30. 8.30 adalah *primetime* supaya ia membolehkan Tuan Yang di-Pertua, membolehkan masyarakat India yang ramai di antaranya adalah bekerja di bawahan, *manual group* di mana dikatakan mereka perlu datang selepas balik ke rumah lepas pukul 6.00, selepas itu baru ada di rumah supaya mereka dapat menengok atau menonton *Berita Tamil* pada 8.30.

Kenapa pula baru Kementerian Penerangan telah membawa satu, *bring forward* masanya kepada 6.30, ramai di antara masyarakat India sangat susah hati dan tidak faham langsung. Apakah ini perlu dibuat? Saya rasa masa sudah tiba Tuan Yang di-Pertua bahawa kepada masyarakat-masyarakat minoriti di negara ini terutamanya masyarakat Cina, masyarakat India, masyarakat Kadazan, masyarakat Iban dan masyarakat-masyarakat minoriti yang lain diberi satu *television channel* yang tersendiri supaya mereka dapat mendengar atau mengetahui apa-apa yang mereka perlu mengadakan setiap masa. Ada satu *channel* untuk masyarakat tersebut.

Jikalau di Australia dan di New Zealand di mana masyarakat-masyarakat India dan Cina adalah sangat korup, boleh ada setiap hari satu masa sangat kurang hanya tidak sampai dua, tiga peratus apabila ada ruangan masa untuk masyarakat itu mendengar berita-berita dan ini pada masa yang *primetime*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Apa pula ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya mahu tanya sedikit Yang Berhormat Ipoh Barat, saya mengikuti... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baru masuk, segar nampak Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Ipoh Barat, Yang Berhormat ada masakah tengok televisyen? Cuma satu saya mahu tanya Yang Berhormat, antara filem Tamil sama filem Hindustan Yang Berhormat mana pilih? Saya suka Hindustan, tetapi orang kata Tamil punya filem pun bagus, apa bintang filem Tamil yang Yang Berhormat banyak suka Yang Berhormat, boleh terangkan pada saya Yang Berhormat. Kita boleh share tengok itu filemlah?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, perlu jawabkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tetapi saya akan jawab, tetapi yang saya lebih suka adalah gambar P. Ramlee, saya betul saya cakap, Hindi dan Tamil saya tidak ada berapa minat Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Banyak terima kasihlah!...  
[Ketawa]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak di mana Kementerian Penerangan perlu ambil tahu bahawa ramai di antara masyarakat India yang pendapatan kurang, yang di bawah...

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah cukup Yang Berhormat gulung Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada lagi sedikit, ada dua topik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri jalan kah itu, Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih kawan saya. Tuan Yang di-Pertua, setujukah Yang Berhormat kalau saya minta siaran *Berita Tamil* itu untuk Sarawak kita tukar dengan berita dalam bahasa Iban oleh sebab Yang Berhormat sendiri pun telah pergi ke Sarawak dan tengok tidak - boleh dikatakan sedikit betul orang yang dapat bertutur dalam bahasa Tamil setuju atau tidak memberi slot kepada kaum saya?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan kita kompromi dengan izin, *don't we cut-off 1%*, bagi channel yang baru kepada masyarakat Iban dan kadazan, itu cadangan saya. Jangan kita potong ini dan beri pada dia, kenapa kita perlu potong? *Why compromise?* Bagi sama rata, ini negara kaya. *Make a big diversity is an asset...*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *It is a crisis, crisis to the Judiciary*, Tuan Yang di-Pertua. Kes tertunda, *backlog of cases* masih belum dapat diselesaikan, sejak tahun 2000 jumlah kes masih tinggi dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah-Mahkamah Tinggi, Mahkamah Seksyen dan Mahkamah Majistret. Antara sebab ialah transfer oleh *judicial officers* dimaklumkan dalam tempoh masa yang pendek.

Lebih kurang 15 tahun dahulu Pendaftar Mahkamah Persekutuan memaklumkan kepada mereka yang terlibat enam bulan sebelum mereka ditukar, dinaikkan pangkat, sekarang mereka hanya diberi tempoh dua minggu. Akibatnya *judicial officers*, hakim mahkamah tinggi, sesyen dan mahkamah majistret terpaksa berlepas kerana dengar kes separuh.

Apabila mereka pulang untuk dengar kes-kes ini mereka di tempat baru terjejas. Kos juga meningkat, *accommodation transport claim*, ini membazir *tax payers money*. Jika kes-kes ini diperintah untuk didengar oleh hakim baru, *notes of evidence*

dengan izin, oleh hakim yang lama mesti ditaip supaya hakim baru boleh membacanya. *Notes of evidence* mesti dihantar kepada hakim yang lama untuk disemak.

Ini memakan masa yang lama dan membawa situasi *backlog of cases*. Hakim-hakim yang naik pangkat tetapi ada di kalangan mereka yang belum memberi keputusan terhadap kes yang sudah dengar atau tidak lagi menulis *judgment* walaupun pihaknya telah membuat rayuan, ini termasuk kepada hakim-hakim Mahkamah Persekutuan dan hakim Mahkamah Rayuan yang telah dinaikkan pangkat. Difahamkan seorang hakim Mahkamah Persekutuan masih tertunggak dengan lebih kurang 40 kes yang belum ditulis *decision* nya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ...Dan CJ Tun Ahmad Fairuz Sheikh Ahmad Abdul Halim mempunyai kriteria tertentu untuk *recommend* hakim-hakim untuk dinaikkan pangkat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup, cukup Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejap, dua, dua minit sahaja.

Mereka yang cekap yang lebih arif mengenai undang-undang dipinggirkan, justeru moral di antara hakim adalah kurang. Adakah CJ boleh menafikan keadaan ini yang berlaku dalam *judiciary* hari ini, sejak dilantik menjadi Ketua Hakim Negara, beliau membuat lawatan ke luar negeri, CJ ada dan rombongannya pernah pergi ke negara-negara Scandinavia untuk belajar sistem kehakiman mereka tetapi setakat ini tidak ada laporan terperinci mengenai hasil lawatan itu, baru-baru ini CJ dan rombongannya pula pergi ke negeri China untuk misi yang sama padahal bekas CJ Tun Dzaidin pernah pergi ke sana, mengapa pergi China walaupun CJ berkata ini adalah satu jempunan CJ negeri China. Siapakah yang membiayai perbelanjaan?

Baru-baru ini CJ mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa majistret yang bakal dilantik mesti mempunyai sekurang-kurang lima tahun pengalaman tetapi seorang majistret yang berumur 21 tahun, dilantik untuk bertugas di Kota Baharu, calon ini pada masa itu belum mendapat keputusan akhir atau belum menjadi *graduate* yang dilantik dibuat pada hal tersebut jurubahasa dan..., dan mahkamah rendah yang berkelulusan undang-undang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah masa Yang Berhormat sudah cukup, habis.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ...Tetapi mereka tidak diberi peluang walaupun beberapa kali telah dipanggil untuk temu duga. Tidakkah seorang jurubahasa SAR mahkamah rendah lebih berpengalaman dan pengetahuan daripada *first graduate* ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bukit Mas.

### 5.39 ptg.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat, 1 September yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat luar bandar khususnya di Sarawak mengharapkan pembangunan di bawah RMK-9 membawa perubahan dan peningkatan sekali gus merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan luar bandar serta juga wilayah. Untuk itu usaha dan peranan lebih gigih harus dijalankan oleh semua pihak termasuk pegawai dan kakitangan kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada projek-projek yang telah dirancang. Dengan peruntukan sebanyak RM3.4 bilion untuk luar bandar, di harap dapat merealisasikan hasrat dan impian rakyat untuk menikmati kemudahan infrastruktur yang lebih baik seperti jalan kampung, bekalan elektrik dan air serta peningkatan ekonomi dan pendidikan untuk anak-anak.

Di samping harapan tinggi itu Tuan Yang di-Pertua, kekhawatiran timbul mengenai sama ada kesemua projek yang diluluskan di bawah RMK-9 dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut jadual. Kalau tidak rakyat akan merana kerana

menunggu terlalu lama. Kini kita berada di penghujung tahun 2006, pihak jabatan dan agensi kerajaan di Sarawak masih menunggu peruntukan tahun 2006 yang belum lagi disalurkan kepada mereka. Contoh; pihak majlis tempatan tidak dapat berbuat apa-apa kerana belum mendapat peruntukan pembangunan untuk tahun ini iaitu 2006. Selain masalah tersebut, pelaksanaan projek-projek kecil pembangunan lambat dan ada pula yang tergendala disebabkan kekurangan pegawai dan kakitangan. Di peringkat daerah pihak pentadbiran selaku pelaksana projek, mengharapkan kerjasama JKR dan majlis tempatan untuk menyediakan BQ atau spesifikasi bagi setiap projek sedangkan bilangan projek agak banyak dan pegawai berkenaan terhad.

Saya mencadangkan pada kerajaan agar melantik pegawai teknikal khas untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab berkaitan pelaksanaan projek-projek kecil kerajaan. Sehubungan perkara ini, saya mohon kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, melaksanakan secepat mungkin projek-projek asas seperti bekalan elektrik, air dan jalan-jalan kampung di kawasan yang belum mendapat kemudahan yang diperlukan.

Bagi kawasan-kawasan yang jauh di pedalaman di mana bekalan dari pusat melalui RES dan *treated water* dengan izin, tidak dapat disambung, sekali lagi saya merayu kepada Kementerian supaya mendapatkan bekalan elektrik misalnya melalui mikro hidro dan air paip dari sumber tertentu yang akan dikenal pasti untuk penduduk-penduduk kawasan Parlimen bagi Bukit Mas seperti di pedalaman Bario, Bakelalan, Long Napir dan Medamit di daerah Limbang. Saya telah mendapati beberapa projek yang agak besar di kawasan Parlimen saya Bukit Mas telah diluluskan di bawah RMK-9. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas kelulusan projek-projek berkenaan. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, projek-projek ini harus dimulakan pelaksanaannya secepat yang boleh agar tidak tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di kawasan tanah tinggi Bario dan Bakelalan dalam kawasan Parlimen saya Bukit Mas sedang mengalami kekurangan bekalan barang-barang keperluan harian disebabkan masalah pengangkutan dan perhubungan jalan yang tidak wujud. FAX dulunya MAS yang membuat penerbangan ke destinasi tersebut terhad dari segi pengangkutan barang dan tidak dibenarkan membawa bahan api seperti minyak petrol, diesel dan gas dalam penerbangan pesawat.

Keadaan bertambah buruk sehingga baru-baru ini Bario diisytiharkan mengalami darurat. Mujurlah Tuan Yang di-Pertua, syarikat gergasi minyak iaitu Petronas memberi respons terhadap kenyataan yang dikeluarkan dan bersetuju menyumbangkan diesel sebanyak 20 ribu liter untuk diguna pakai di sekolah-sekolah, klinik dan tempat awam yang lain. Bekalan diesel ini sedang diangkut ke Bario dengan menggunakan *chartered flight* daripada Syarikat Layang-layang di Sabah. Sehubungan ini saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Petronas di atas sumbangan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dialami masyarakat Bario tidak akan selesai sehingga bekalan barang-barang keperluan dapat sampai di kawasan berkenaan dengan lancar dan harga berpatutan. Untuk makluman, harga satu gelen petrol di Bario sekarang ialah RM18, diesel juga RM18 satu gelen. Gas RM120 satu tong, sementara simen RM150 satu beg.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon kepada kerajaan khususnya pihak Angkatan Tentera Udara atau TUDM untuk mempertimbangkan kegunaan pesawat Nuri atau *Caribou* bagi mengangkut bekalan bahan api ke Bario dan Bakelalan untuk memberi manfaat kepada pelajar-pelajar, kakitangan kerajaan dan orang awam di kawasan berkenaan. Untuk kepentingan masa depan tanah tinggi Bario dan Bakelalan ini serta penduduk-penduduk sekalian, saya merayu kepada kerajaan untuk melaksanakan secepat yang boleh perhubungan jalan ke kawasan tersebut. Langkah kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan daripada 5.7% pada 2.9% pada akhir RMK-9 dengan memperuntukkan RM580 juta, dalam Bajet 2007 amat dialu-alukan.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat awam tersenarai, PLC, pengilang dan majikan-majikan tertentu secara tidak langsung terus menyumbang kepada kemiskinan. Syarikat-syarikat berkenaan menawarkan gaji yang rendah kepada pekerja-pekerja mereka dan memberi kontrak dengan harga paling

murah. Pendapatan pekerja-pekerja dalam golongan tersebut hanyalah sebanyak RM350 ke RM450 satu bulan jauh dari di bawah paras kemiskinan. Apabila harga komoditi ataupun hasil pendapatan syarikat turun, gaji para pekerja akan diturunkan. Tindakan untuk menaikkan gaji para pekerja jarang sekali diambil walaupun hasil pendapatan syarikat meningkat. Keadaan sedemikian menyulitkan usaha kerajaan untuk melepaskan golongan miskin dari belunggu kemiskinan. Sebaliknya Tuan Yang di-Pertua,

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh saya sampuk sedikit?

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Ya, Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat terus masuk, terus mencelah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya rasa terpanggil Tuan Yang di-Pertua. Bukit Mas ini bukan selalu dapat peluang bercakap. Beliau sebenarnya seorang wakil rakyat yang gigih, yang peka, yang memang layak sebagai Ahli Parlimen atau wakil rakyat. Saya nak bertanya Yang Berhormat, saya telah melawat kawasan Yang Berhormat bukan sebagai Menteri, tetapi sebagai sahabat ke Lawas. Satu jambatan yang penting menyeberang sungai, terusan saya rasa di Lawas itu yang menyambung ke negeri Brunei. Dan Lawas ini sebenarnya lebih dekat mengikut Kota Kinabalu walaupun di dalam kawasan negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan di Sipitang ialah Parlimen yang berjiran, Yang Berhormat bagi Sipitang di Sabah, Yang Berhormat bagi Bukit Mas di Sarawak. Saya telah menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa jambatan itu amat penting, apakah Yang Berhormat telah ambil tindakan untuk pihak kerajaan membina jambatan penghubung yang juga boleh menemukan antara Sabah dan Sarawak dan negeri Berunei Darul Salam. Tuan Yang di-Pertua macam tidak dengar sahaja cakap saya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dengar Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua tentu menyokong usaha ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Bukit Mas apa Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah lakukan atas perkara yang tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua kerana kami berjiran di kawasan seperti mana yang disebutkan tadi mengucapkan terima kasih di atas lawatan Yang Berhormat bagi Sri Gading ke kawasan kami di utara negeri Sarawak dan Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua mengenai projek jambatan yang dikatakan tadi memang menjadi keutamaan bukan sahaja kita di negeri Sarawak khususnya di Lawas tetapi juga menjadi kepentingan keseluruhan pengguna-pengguna jalan *highway* ataupun jalan persekutuan yang merentasi negara Brunei Darussalam menuju ke Kota Kinabalu melalui bahagian saya di Bukit Mas iaitu bahagian Limbang. Jadi jambatan ini baru-baru ini saya pun telah mendapat maklumat bahawa ianya telah pun diluluskan, Datuk Sri Gading dan kita berharap ia akan dapat dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini dengan tidak ada gangguan apa-apa.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Sri Aman.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Walaupun...

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Saya.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Ya sekejap.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mas. Tuan Yang di-Pertua kita di sini sering meminta supaya kita membuat jalan raya Pan Borneo ini di luar negara Brunei Darussalam. Oleh kerana kita di Sarawak ini ingin betul pergi ke Sabah tetapi Kerajaan Brunei dari masa ke semasa mengenakan syarat-syarat yang memeningkan kepala kita. Jadi macam mana Yang Berhormat tentang

permintaan kita supaya kita membuat jalan raya yang tidak melepasi negara Brunei tetapi terus ke Sabah supaya hubungan kita lebih rapat dan lebih erat.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Jalan ini bukan sahaja penting untuk negara dan rakyatnya iaitu kita semua di Malaysia tetapi menggambarkan satu ataupun memberi satu gambaran di mana negara kita Malaysia mempunyai satu jalan raya yang dimiliki kita sendiri iaitu tidak melalui negara Brunei Darussalam. Seperti mana yang kita ada sekarang jalan kita ataupun perhubungan kita melalui negara Brunei dan begitu juga sekatan-sekatan yang ada pada masa-masa tertentu.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Walaupun hasil pendapatan syarikat meningkat, gaji kepada pekerja tidak naik. Keadaan sedemikian menyulitkan iaitu syarikat-syarikat yang tidak menaikkan gaji para pekerja menyulitkan usaha kerajaan untuk melepaskan golongan miskin dari belenggu kemiskinan. Sebaliknya Tuan Yang di-Pertua syarikat-syarikat besar yang mengaut keuntungan seharusnya memainkan peranan dan tanggungjawab sosial kepada pekerja dan masyarakat di sekeliling mereka.

Di sesetengah negara maju kebajikan golongan istimewa ini diberi perhatian khusus dengan diberi layanan baik dan gaji yang cukup lumayan. Untuk mengatasi masalah, saya mencadangkan di sini satu iaitu kerajaan harus mengambil keputusan untuk *adopt*, dengan izin, satu skim gaji minimum yang tidak kurang daripada paras kemiskinan kepada semua pekerja dalam golongan pendapatan rendah termasuk pekerja-pekerja ladang, kilang dan mereka yang di bawah majikan-majikan lain di negara ini. Langkah sedemikian akan dapat menarik minat pemuda dan pemudi tempatan untuk tampil bekerja dengan syarikat-syarikat dan mengurangkan pekerja asing di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua pertanian sebagai *engine of growth*, dengan izin, diharap dapat membawa perubahan terhadap sosioekonomi dan masa depan para petani, penternak, nelayan dan pekebun-pekebun khususnya di Sarawak. Kini pendapatan golongan ini masih rendah purata RM350 sebulan dan tergolong di dalam kategori kemiskinan. Persoalannya apakah langkah konkrit yang akan pihak Kementerian dan Jabatan Pertanian jalankan untuk memperbaiki keadaan. Program-program kerajaan seperti mengadakan latihan atau kursus dan penyediaan bantuan modal sahaja tidak mungkin dapat mengatasi masalah petani, penternak dan nelayan di kampung-kampung yang membuat usaha secara individu, berkelompok dan kecil-kecilan.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua harga getah dan juga kelapa sawit naik. Petani-petani mahu terlibat menanam getah dan kelapa sawit benih, tidak ada. Mahu memelihara lembu, kambing dan ternakan lain tidak ada baka, mahu membesarkan kawasan sawah tidak ada skim dan bantuan. Sangat rumit bagi golongan ini mendapatkan bantuan dan galakan. Adakah ini disebabkan dasar memberikan fokus kepada pertanian moden berskala besar dan komersial sehingga kepentingan para petani, penternak, nelayan dan pekebun kecil diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua saya sendiri pernah mencadangkan kepada Jabatan Pertanian bagi penanaman getah secara mini estet dan juga mencadangkan untuk memperluaskan satu kawasan sawah padi sedia ada dari 20 hektar ke 200 hektar, tetapi diberitahu oleh pegawai di Jabatan Pertanian...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bukit Mas. Saya terharu Tuan Yang di-Pertua terharulah dan saya harap pihak yang bertanggungjawab, yang berwajib yang ada rasa mendalam hatinya tentang rintihan yang baru dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mas, suara orang-orang miskin di kampung hendak buat apa pun tidak ada pertolongan daripada pihak kerajaan mesti dijawab utama. Masa menteri-menteri menggulung esok soalan ini mesti diberikan keutamaan kalau mereka benar-benar bertanggungjawab kepada rakyat yang menderita dalam negara ini.... [Sorak]

Saya tidak mahu jawapan yang lain diutamakan jawapan kepada masalah rintihan penderitaan rakyat yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen seperti Bukit Mas di mana kawasan yang terpencil di negeri Sarawak ini harus diberikan keutamaan kalau benar-benar bertanggungjawab memikul tugas dan amanah yang diamanahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melihat rakyat yang menderita mendapat pembelaan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Datuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ini Bukit Mas punya Yang Berhormat berbahas. Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua setuju atau tidak itu caranya Yang Berhormat bagi Bukit Mas tentang saranan saya. Terima kasih.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Itu hasrat yang diluahkan tadi merupakan juga hasrat kita bersama. Jadi kita berharap agar pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian terhadap semua ini. Saya sendiri pernah mencadangkan kepada Jabatan Pertanian bagi penanaman getah secara mini estet dan juga mencadangkan untuk...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Eh, Yang Berhormat bagi Bintulu lagi. Sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mas. Tapi dia ada emas, saya Bintulu tak ada emas.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini gading. Sini ada gading.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sini ada gading. Jadi, saya mahu minta pandangan sikit daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mas. Tanam getah satu hal, jual getah pun satu hal. Ini perkara pun sudah lama, tetapi nampaknya tindakan tidak begitu serius. Saya tidak tahu la tindakan yang ringan sahaja. Ini perkara berlaku di seluruh Sarawak. Bila kita petani hendak jual getah kepada kedai, kedai pula takut sangat hendak beli. Getah. Getah ke apa ke tak apa lah. Itu masalahnya dia orang susah hendak beli. Fasal samseng kontrol itu harga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Eh, apa ini? Ada samseng kah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Seluruh Sarawak. Ini bukan cerita main-main sahaja, tanyalah rumah panjang semua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Wah, ini serius.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini cerita, baru minggu yang lepas saya melawat kawasan, dia ada tunjuk sama saya. "Yang Berhormat, tadi depan itu kereta dia datang Rumah Panjang, minta Rumah Panjang jual getah kepada dia orang".

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Getah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia minta itu harga mesti dia orang tentukan. Bukan ikut *market price*, tetapi, macam mana kita penguat kuasa atau pun polis di kawasan masing-masing tidak tahu ini perkara berlaku. So, ini perkara kalau tidak diselesaikan, saya minta Yang Berhormat bagi Bukit Mas, ada guna kah tidak kalau kita tanam lebih-lebih? Ada hasil kah petani dapat? Minta penjelasan.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Mengenai harga getah ini, dahulu harga naik sehingga RM5 lebih. Saya tidak ingat berapa, RM5. jadi sekarang sudah turun. Walaupun sudah turun, memang boleh menjadi satu pekerjaanlah untuk para petani kerana ini juga dapat mendatangkan hasil yang cukup lumayan bagi mereka. Yang Berhormat bagi Bintulu, saya tidak dapat buat apa-apa terhadap samseng ini dan mungkin kita serahkan kepada pihak tertentulah untuk menyelesaikan. Yang Berhormat bagi Sri Gading sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di peringkat pertama tadi saya terharu Tuan Yang di-Pertua. Terharu, amat terharu. Sedih dan pilu apabila melihat orang miskin di kawasan ini tidak terbela tetapi apabila Yang Berhormat bagi Bintulu menceritakan bagaimana lintah-lintah darat, orang tengah, samseng ini mengontrol harga-harga getah di mana orang yang menjual getah tidak mendapat harga yang sebenarnya. Oh!... Ini satu jenayah yang tidak dapat kita ampunkan. Ini jenayah memeras darah rakyat Tuan Yang di-Pertua. Dan kalau ini benar-benar berlaku, pihak berkuasa jangan bertanggung untuk membela rakyat...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang berlaku itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Harus diambil tindakan yang sebenarnya. Bagaimana pendapat saya itu wahai Yang Berhormat bagi Bukit Mas yang bijaksana.

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading di atas keprihatinan terhadap rakyat di luar bandar, khususnya di Sarawak yang menghadapi masalah-masalah tertentu. Saya bersetuju dengan pendapat beliau dan kita berharap perkara ini akan dapat diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Bagi permintaan saya ataupun cadangan untuk mengadakan mini estet getah, dan memperluaskan satu kawasan sawah padi sedia ada dari 20 hektar ke 200 hektar. Saya diberitahu oleh pegawai di Jabatan Pertanian bahawa tidak ada skim seperti ini diluluskan dalam RMK-9. Apa yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, satu majlis perasmian telah dijalankan menandakan persetujuan pihak jabatan terhadap cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, saya terus memohon daripada Kementerian dan pihak Jabatan Pertanian supaya mengadakan skim-skim yang diperlukan oleh rakyat di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kawasan Parlimen saya di Bukit Mas.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Banyak yang hendak bercakap. Bagi Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

**Seorang Ahli:** Okey, Yang Berhormat bagi Parit Sulung, *stand-by*.

#### 6.05 ptg.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Rasulullah s.a.w ada bersabda... [*Membacakan hadis Rasulullah*] Tidak akan reda Allah S.W.T. itu kecuali dengan reda kedua-dua ibu bapa. Atas dasar itu, ibu adalah orang yang paling penting dalam hidup kita.

Kerana itu saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, Akta Ahli Parlimen Saraan 1980. Seksyen 5 dinyatakan seperti berikut. 'A', 'B', 'C', 'D'. 'D', rawatan perubatan dan bayaran kelas satu bilik perseorangan di hospital, klinik kerajaan. Kemudian, kemudahan ini juga untuk keluarganya iaitu isteri-isteri, tahniahlah...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** [*Bangun*]

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Suami dan anak-anak. Saya ingin mencadangkan, masuklah ibu bapa. Saya rasa hinalah, hina. Bila saya bawa mak saya pergi hospital, kad ini tidak boleh pakai. Ibu yang melahirkan saya, apa beza dengan isteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kudat bangun.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Ibu itu lebih mulia.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Saya juga berkongsi dengan satu pengalaman yang sama. Beberapa bulan yang lalu, saya membawa ibu saya ke hospital kerajaan dan saya minta supaya sekurang-

kurangnya sebagai wakil rakyat, saya mahu memberikan sesuatu perkhidmatan kesihatan yang baik untuk ibu saya untuk diberikan perkhidmatan kelas yang lebih baik.

Apabila setelah mereka memberikan peluang itu untuk saya dan akhirnya apabila *discharge*, maka mereka meminta saya untuk membayar kerana mengikut apa yang mereka diberitahu bahawa Parlimen tidak memberikan kemudahan kepada ibu. Dan saya terpaksa membayar lebih kurang RM3,000 untuk itu. Jadi saya percaya ini adalah merupakan satu ketidakadilan khususnya kepada kita yang sepatutnya memberikan kasih sayang kepada ibu kita yang telah melahirkan kita dan membesarkan kita.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Terima kasih. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cadangan saya terus kepada Perdana Menteri. Dalam semua kemudahan kakitangan kerajaan, Ahli Parlimen, semua. Masukkanlah ibu. Masukkanlah ibu dan bapa. Saya ulang, masukkanlah ibu, dan ibu dan ibu dan bapa. Masukkanlah. Tolonglah. Pindalah akta-akta ini semua. Kita bersedia sokong. Malulah, saya malu.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam. Sebenarnya pada hari ini ada ketidakadilan dalam perkhidmatan awam, kerana ada pegawai-pegawai yang berjawatan rendah di suruh buat kerja lebih tinggi. Dibayar gaji yang rendah.

Saya ambil contoh, Hakim Mahkamah Sesyen, N54 dibayar gaji Timbalan Pendaftar, N48 tanpa elaun memangku. Sampai beberapa tahun. Contoh yang pertama. Contoh yang kedua, kerja N54, gaji N48 memangku N52. Ha, pelik. Dia bayar gaji N48, dia pangku N52, dia buat kerja N54. Ini saya ambil contoh tetapi di dalam perkhidmatan awam sekarang ini memang wujud, dipanggil KUP – 'Kerja Untuk Percuma'. Sebenarnya bukan Kerja Untuk Percuma, Khas Untuk Penyandang! Sebenarnya kerja untuk percumalah!! Kerja N54, bayar N48, tanpa elaun memangku.

Tolonglah Ketua Setiausaha Negara yang baru, dengarlah suara saya bagi pihak rakan-rakan saya. Saya ini pernah menjadi PTD, saya pernah menjadi *legal service*. Saya bercakap untuk semua orang. Saya, semua ini adalah ketidakadilan. Kemudian itu, selepas beberapa tahun dia buat kerja yang banyak ini, dia dapatlah elaun memangku N54, contohnya tetapi tidak *back dated*. Pada mula tarikh dia di *confirm* kan.

Jadi kerja sebelum ini, beberapa lama itu, itu memang betul-betul kerja untuk percumalah. Kerja untuk percuma. Saya harap ketidakadilan ini dapat diperbetulkan. Saya kesian sebenarnya. Kerana, ialah sekurang-kurangnya bagi pandangan saya walaupun dia kerja N54, dia dibayar gaji N48, sekurang-kurangnya dia dapatlah kemudahan N54. Dapatlah naik kapal terbang kelas yang pertama. Ini tidak, dia tetap juga. Kemudahan tidak dapat, elaun tidak dapat, semua tidak dapat. Dia cuma kerja sahaja untuk percuma....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, nak bagi jalan?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Islam Hadhari.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya tertarik apabila dalam hadis Nabi sebut setuju tak? Hadis Nabi kena setuju. Tak setuju, berdosa besar. Tiap pekerja yang kita ambil bekerja dengan majikan ataupun individu kita mesti beri upah. Jangan sampai kering peluh. Belum kering peluh, bayar dah. Ini kalau 10 kali kering peluh tidak bayar, itu satu kesalahan. Saya sokonglah, setuju.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Terima kasih. SSB. Dulu kita SSB. SSB ditawarkan pergi SSM, okey? Tawaran menyatakan terma-termanya mereka dikehendaki ikut kursus PTK. PTK ini memang menyusahkan kakitangan kerajaan. Saya minta KSN baru ini tukarlah. Apa periksa hendak ambil *exam*? Umur sudah 40 tahun lebih hendak ambil *exam*? Masalah dia orang yang buat kertas peperiksaan itu, dulu dia naik pangkat tak ambil periksa!! Kita cabar orang yang buat soalan itu, dia ambil semula periksa. PTK ini dah tak boleh Tuan Yang di-Pertua. Tak boleh!! Kesian!! Akhirnya kualiti kerja ini tidak diutamakan. Yang diutamakan macam mana nak lulus periksa? Ini yang menjadi masalah sekarang.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Betul.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Periksa dengan kualiti kerja. Kerana siapa yang hendak naik pangkat kena pergi periksa. Periksa lulus '1', '3', '4'. Cemerlang tidak cemerlang. Ada pula jabatan, kalau Jabatan Peguam Negara saya dengar, kalau 4 barulah boleh. Yang '3' ini macam bodoh!! Apalah!! Saya mintalah PTK ini dikaji semula oleh KSN yang baru. Sebab dulu dia tak buat benda ini, orang lain buat. Dia datang, dia kajilah PTK untuk keadilan. Untuk keadilan kakitangan awam. Kemudian itu ada juga bila dia lulus separuh, dia lulus tak separuh. Dia dapatlah BTNP, Bukan Tujuan Naik Pangkat, pun ada juga ketidakadilan. Selepas dia dapat naik pangkat, ada pula yang tidak *backdated*. Maknanya sekali lagi dia kerja percuma juga tetapi yang BTNP itu adalah kelebihan. Saya minta ketidakadilan ini semua dirumuskan dan saya mencadangkan Tribunal Perkhidmatan Awam diwujudkan semula. Berilah keadilan kepada kakitangan awam. Tribunal Perkhidmatan Awam diwujudkan semula.

Saya juga menyentuh tentang Perintah-perintah Am, Bab 'A' hingga 'G'. Adalah jelas bahawa Perintah-perintah Am ini mengikat kakitangan awam. Yang terpenting dalam Perintah-perintah Am ini adalah Peraturan Bab 'D'. Peraturan-peraturan Pegawai Awam Kelakuan dan Tatatertib 1983. Saya antara orang yang pernah mengkaji Bab 'D' ini, semasa saya menjadi Penasihat Undang-undang. Saya ingin merujuk kepada Perkara 19, Membuat Kenyataan Awam. Hari ini saya pelik bin ajaib. Semua kakitangan awam ini hendak membuat pernyataan awam. Hendak bercakap dalam surat khabar! Hendak ada nama! Sebenarnya tak boleh!! Kerajaan kita lembap! Kita patut tegas, yang boleh buat kenyataan akhbar tentang dasar kerajaan hanya menteri sepatutnya atau timbalan menteri.

Ini bukan saya cakap, Tuan Yang di-Pertua!! Ini yang cakap, buku! Buku! Bab 'D', Perkara 19, Membuat Pernyataan Awam. Seseorang pegawai tidak boleh sama sekali secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara membuat apa-apa pernyataan awam berhubung dengan dasar program keputusan kerajaan. Kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu sama ada secara am atau khusus daripada menteri. Tak boleh!! Bagi maksud perkara ini, pernyataan awam termasuklah apa pernyataan ulasan yang dibuat kepada akhbar. Kita hari ini, saya nak minta maaf. Ini sebabnya kita caca marba. Mintalah menteri tengok. Kita jadi carca marba sebab masing-masing nak bercakap.

Kalau kita terus kepada Perintah-perintah Am ini yang dinyatakan dalam Bab 'D' ini, tidak orang boleh buat pernyataan awam kecuali dengan kebenaran daripada menteri, insya-Allah banyak masalah selesai. Saya pun hendak tahu jugalah, dalam Perintah-perintah Am ini, ada jugalah Perkara ke 38, iaitu Hukuman. Hukuman!! Oii, hukuman ada ini! Amaran, denda, lucut hak emolomen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat, atau buang kerja. Saya sahaja hendak tahulah kan ya?

Kalau kita sudah ada hukuman, kita buatlah hukuman. Kalau kita setakat tulis sahaja, orang kata tak ada maknalah. Saya cuma nak tahu sahajalah, untuk tahun 2005, tahun lepas berapa ramaikah yang sudah dikenakan amaran? Ada tak yang dikenakan denda? Ada tak lucut hak emolomen ini? Ini saya tak cerita lagi fasal Akta Prosedur Kewangan yang membolehkan potongan gaji dan sebagainya. Kalau dia lalai, projek itu dia lalai, sebenarnya dia boleh diambil tindakan mengikut surcaj. Kerajaan tak buat!! Saya ambil contoh...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Nak bagi cakap kah? Saya tengah naik ini. Nak cakap? Okey, saya duduk. Saya turunlah, saya turun.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Bab hukuman ni, saya hendak bertanya pandangan dari Yang Berhormat, ada kewajaran tak supaya dia di *review* dengan izinlah. Kerana kita dapati, ramai. Saya hendak gunakan ramai ini kalau kita melihat secara keseluruhan pegawai di peringkat rendah ke ataupun pelbagai peringkat yang jelas sebenarnya menyeleweng ataupun tidak menjalankan kerja mereka tetapi nampaknya, hendak memberhentikan mereka, hendak buang mereka ini sangat sukar. Padahal dalam masa yang sama, ramai anak-anak kita yang

berpendidikan, yang berkelulusan boleh mengambil alih tempat mereka ini? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Terima kasih. Sebenarnya kita ini satu kerajaan yang sangat baik, sangat adil, sangat toleransi. Saya cakap betul. Kita kerajaan perkhidmatan awam bagi saya satu perkhidmatan yang paling susah hendak buang. Betul. Jangan nak kata buang, ambil apa tindakan pun susah. Dah tak datang kerja setengah tahun Tuan Yang di-Pertua. Saya dulu, ingat lagi, saya nak buat ini, saya kerja buat ini! Dah tak datang kerja setengah tahun, hendak mulakan prosiding dia. Ya Rasulullah! Eh, ada *list* dia, ada manual dia, lepas itu...

Saya memang setuju cadangan sahabat saya. Bukan kita hendak hukum. Bukan kita hendak hukum. Kalau kita mudahkan, orang yang tidak datang sampai enam bulan, kadang-kadang PAR dia simpan surat lama-lama. Padahal surat itu penting. Saya pernah dengan pengalaman saya, saya sendiri taip surat itu. Saya sediakan surat itu, saya taruk atas meja, saya tengok tiga hari atas meja dia. *Astaghfirullah hal'adzim*, saya kata. Kalau ikut saya memang saya tunjuk sebab sahaja. Saya halau dia keluar, tetapi tidak boleh buat apa. Cuma saya hendak tahu sahajalah berapa ramai yang sudah diambil tindakan mengikut hukuman tatatertib yang ada sebanyak tujuh yang dinyatakan Perkara 38.

Saya ingin bertukar kepada sekolah, Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Ya, saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Menyentuh soal Perintah Am, saya juga pernah menjadi Pegawai Tadbir dan Diplomatik, bekas pegawai kanan kerajaan. Saya hendak minta Yang Berhormat bagi Parit Sulung ulas Bab 'D', penglibatan pegawai dan kakitangan kerajaan dalam perniagaan dan politik yang hari ini perkhidmatan awam terjejas dengan penglibatan pegawai-pegawai berkenaan.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Terima kasih. Terima kasih banyak, terima kasih atas kepercayaan untuk memberi saya untuk mengulas itu saya mengucapkan terima kasih. Saya bukan sahaja boleh ulas, saya boleh buat kertas kerja. Saya boleh buat lebih daripada itu. Jemputlah saya akan datang, insya-Allah.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** [*Bangun*]

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Saya hendak pergi kepada sekolah ya!

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Ya, ya. Sila jemput.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Masih di Arahan Perbendaharaan dan Perintah Am. Semasa kita dahulu menjadi *Warrant Holder* atau Pemegang Waran, memang tugas pertama kitalah untuk menentukan, kita dapat mengerti Arahan Perbendaharaan dan Perintah Am, tetapi apabila kita tengok pegawai-pegawai kita sekarang, kadang-kadang kita tertanya-tanya sama ada mereka tahu atau tidak kehendak-kehendak Arahan Perbendaharaan ataupun Perintah Am. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Saya sebenarnya pasti. Saya pasti. Saya hampir pasti kakitangan awam dia tahu semua ini, sebab hendak masuk itu, dia ada dia punya Kursus Induksi dan sebagainya. Memang diajar benda-benda ini. Cuma implementasi dia.

Macam saya tanya tadi Bab 19 – membuat pernyataan awam. Bila kita tak tekankan, kita main buat buta sahaja, masing-masing hendak bercakap ikut suka dia. Itu yang menjadi masalah tetapi kalau kita pertekankan, *just* kita pertekankan, kita mengingatkan, tak boleh. Tak boleh, memang tak boleh. Jadi kalau tak boleh, fahamlah peraturan dia macam mana. Itu yang penting, tak boleh, jangan buatlah. Hendak cakap

pun tak boleh. Hendak bela diri pun tak boleh. Kita ada saluran. Betul, saya setuju, saya bukan menyebelahi mana-mana. Saya tak ada, tetapi kita ikut apa yang sudah ada. Saya pergi kepada tajuk saya Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Tentang sekolah ini. Saya hendak menyentuh pasal sekolah swasta dan sekolah antarabangsa, itu sahaja ya. Kita ada lebih kurang bilangan sekolah swasta sebanyak 291 buah dan terdapat juga sekolah-sekolah antarabangsa dan ada di antara sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah antarabangsa ini yang mempunyai pengetua-pengetua daripada luar negara.

Juga saya amat tertarik malah menyokong hasrat kerajaan untuk membenarkan hak maksimum 40% pelajar warganegara Malaysia ke sekolah antarabangsa. Sekolah antarabangsa, pengetua Orang Putih. Hendak tambah 40% orang kita.

Tuan Yang di-Pertua tahu tak, sekolah ini pakai apa bila ke sekolah dia? Pakai skirt. Hendak pakai baju kurung, kena buat surat. Apa benda sekolah dalam negara Malaysia, Islam sebagai agama Persekutuan? Hendak pakai baju kurung tak boleh? Eh! Buang sahajalah tinggal tiga Perlembagaan. Islam bukan agama rasmi. Islam adalah agama Persekutuan. Baca hendak kena betul. Boleh panggil saya cakap.

Kalau hendak pakai skirt, beri. Hendak pakai baju kurung, buat surat. Minta kebenaran. Apa ini Kementerian Pelajaran! Kementerian Pelajaran, kita Malaysia, Islam agama persekutuan. Hendak pakai tudung dekat sekolah, sekolah ini Tuan Yang di-Pertua, kena buat surat. *Astaghfirullah hal'adzim*. Hendak pakai tudung dekat sekolah-sekolah swasta dan sekolah antarabangsa ini kena buat surat. Malulah saya. Malu! Sudahlah itu, pengetua dia datang entah daripada mana-mana London, Eropah, Tokyo, Burma.

Bukan pandai sangat. Apa kriteria dia? Saya hendak tanya Kementerian Pelajaran, apa kriteria semua pengetua ini datang? Dia orang datang negara kita yang daripada London, British itu dia macam penjajah Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah dia hendak lantik guru, lantik guru agama datang orang minta yang berkelulusan Jordan, kelulusan Akademik Islam Universiti Malaya, kelulusan daripada Universiti Islam Antarabangsa, tidak hendak. Tidak hendak. Akhirnya ada satu kelulusan kewartawanan universiti apa-apa benda? Ini jadi ustazah. Ini pengetua 'ka', *nauzubillah!* Malas hendak sebut.

Ini pengetua luar negara ini Pengetua dari luar negara datang ke negara kita, hendak ambil ustazah, Ijazah Kewartawanan. Eh! Apa Kementerian Pelajaran buat ini? Pantaulah, ini negara kita. Negara Malaysia, agama Islam agama persekutuan. Buktikan. Kita ada kuasa apa kita buat. Janganlah kerana globalisasi, menggadaikan apa yang kita ada. Kerana itulah aktiviti juga, cuba Ahli-ahli Yang Berhormat pergi tengok aktiviti sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah antarabangsa ini. *Social night* tentu ada. Kemestian, tentu ada. Kadang-kadang ada juga yang buat kerja-kerja program-program di sebalik katolik-katolik. Di sebalik.... [*Disampuk*] Ada juga membuat aktiviti-aktiviti di sebalik pengaruh penyebaran agama lain walaupun tidak jelas.

Ini saya mintalah dari sudut pengetua dia, saya cadanglah kalau kita betul-betul hendak masukkan 40% lagi rakyat Malaysia, bagus tetapi pengetua dia biar betul-betul. Orang mana hendak datang, kriteria apa ada. Datang ke Malaysia, engkau kena ikut kursus, tahu budaya kita macam mana, berapa lama ada ikut kursus. Lepas itu faham apa Perlembagaan kita, Islam letak di mana, Melayu itu dekat mana. Apa kebudayaan? Kebudayaan nasional berteraskan kebudayaan Melayu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Parit Sulung, dari gaya perbincangan Yang Berhormat tadi menampakkan bahawa Kementerian Pelajaran tidak mempunyai sebarang garis panduan ataupun syarat-syarat yang diletakkan kepada sekolah-sekolah antarabangsa

ini. Jadi ini ada dua. Satu, tidak ada langsung garis panduan ataupun syarat-syarat ataupun yang keduanya adalah garis panduan dan syarat-syarat itu ada tetapi pemantauan di peringkat perjalanan kerja pelaksanaan di sekolah-sekolah ini tidak diberi perhatian oleh pihak penguat kuasa. Yang mana satu lebih berat Yang Berhormat bagi Parit Sulong?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Saya berpendapat, saya minta maaf kerana saya pun tidak membuat kajian terperinci. Saya berpendapat perkara yang kedua tadilah. Peraturan itu ada, kriteria itu ada tetapi kita ini macam buat tak nampak sahajala. Sebab itu saya kata, saya berkata ini semua kerana hasrat kita untuk memaksimumkan 40% pelajar warganegara Malaysia ke sekolah antarabangsa. Kalau inilah hasrat kita, maka ini banyak lagi perkara kita kena buat. Kita memang hendak anak kita belajar pandai, cakap Inggeris bagus, cakap Arab boleh, macam sayalah, lima bahasa saya boleh bercakap tetapi kalau budaya ini, Islam ini, asas kita ini, kita tak kekang, tak ada makna dia.

Saya akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada tajuk yang terakhir. Saya ini senang sahaja, saya tengok jam. Perumahan, rumah. Hari ini dia buat rumah taman, satu taman. Ambil satu rumah pergi daftar harga dekat kementerian. Daftar, ini taruh harga ya?

Dia daftar harga, ikut harga pasaran, tetapi harga pasaran yang dia kata itu, ikut suka dialah. Kerana kementerian punya fikir, takkan dia hendak taruk harga mahal, nanti siapa hendak beli? Takkan dia hendak taruk harga murah, nanti dia tidak untung, betul? Sebenarnya saya katakan dia sengaja letak harga mahal, tidak percaya tengok. Saya minta kajian, ini jawapan saya sudah terima, tetapi ini jawapan, jawapan "melepaskan batuk di tangga". Sekarang harga-harga rumah didaftarkan dengan kementerian memang tinggi. Sebab nanti dia akan jual murah, dia akan jual murah, dan tak akanlah orang yang beli lebih murah, hendak pergi mengadu dekat kementerian.

Apa sebab dia taruk tinggi, sebab bila dia jual kepada bumiputera 15% daripada harga yang dia daftarkan. Dia tidak bodoh, dia tidak bodoh, kita yang tertipu. Bumiputera, harga rumah bumiputera hendaklah dijual 15% lebih murah daripada harga yang didaftarkan. Dia taruk harga daftar tinggi, potong 15%, keluar surat daripada pejabat perumahan, awak ditawarkan membeli sebuah rumah lot bumiputera dengan harga sekian, iaitu 15% daripada harga yang didaftarkan. Sedangkan bila dia jual bukan lot bumiputera, dia bebas, dia bebas jual berapa harga pun. Dan dia jual memang lebih murah daripada harga didaftarkan.

Sebab itu, saya mencadangkan harga yang didaftarkan di Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan mesti ada asas. Jangan kita kena tipu saja tidak habis-habis, tidak habis-habis kita kena tipu. Mesti ada asas, asasnya ialah penilaian. Dia hendak masukkan harga rumah, dekat kementerian dia mesti ada *support* dengan penilaian, mungkin penilaian daripada kerajaan, tidak apalah, biar suruh dia ambil penilaian kerajaanlah, kerajaan dapat duit. Walaupun penilai swastalah, yang diiktirafkan segala macam. Kalau ada penilai ini, sekurang-kurangnya ada asas, sekarang tidak ada asas. Jawapan jelas, harga yang dikemukakan, saya kata kelulusan permit dan jualan adalah berdasarkan harga yang dijual. Senang sahaja jawab, harga mengikut berdasarkan pasaran semasa. Memanglah senang, tetapi kesan dia apa? Kita ini kena tipu, sah-sah kita kena tipu.

Akhir sekali, saya percaya saya ada tiga minit, saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan, nyatakan satu surat, soalan jawapan kepada saya, dalam RMK-9, Kementerian Belia dan Sukan telah meluluskan pembinaan sebanyak 50 unit kompleks sukan komuniti. Mintalah senarai 50 itu, sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya ini sudah dapat tanah dua tahun dulu, buat kerja macam hendak mati, pergi menyembah-nyembah, sudah ada tanah, sudah ada apa, dia kata apa, tidak tersenarai juga. Yang 50 ini sudah ada tanah kah? Saya hendak jawapanlah, jangan main-main, penatlah main-main ini, penat. Kalau main-main kita tidak payah buat kerja, main-main tidak payah, saya hendak jawapan 50 kompleks sukan komuniti ini, di mana ada tidak tanah-tanah dia.

Saya hendak tanya, kalau tidak ada, tukarlah dengan Parit Sulong kan, sudah tentu ada tanah, apa lagi hendak? Inilah masalah kita, projek ribu-ribu, tidak dapat laksana, antara sebab, tanah tidak ada, inilah, ini semua alasan. Sedangkan kalau Parit Sulong, kita cari tanah, kita buat, beri Sri Gading, beri yang hendak, bagi kita buat.

Projek jalan, ini hendak ada kepentingan-kepentingan lain agaknya. Kita pun tidak tahu, wallahuallah.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, suka saya membuat kesimpulan atas apa yang saya perkatakan sebentar tadi. Yang pertama, masukkanlah ibu, masukkanlah bapa dalam kemudahan-kemudahan, saya memohon, saya merayu, saya meratap, saya pegang kaki Pak Lah, masukkanlah ibu, masukkanlah bapa, berkat kita insya-Allah.

Yang kedua, kita buatlah pembelaan, kita tubuhkanlah balik Tribunal Perkhidmatan Awam yang pernah kita buat dulu, dan kita mansuhkan, berilah keadilan kepada perkhidmatan awam, janganlah kerja untuk percuma, janganlah keajaiban kursus, keajaiban kena periksa. Tukarlah PTK, baiklah BTNP dan sebagainya.

Yang ketiga tentang sekolah-sekolah swasta tadi, saya harap, sekolah swasta ini dapatlah di pantau diperkemarkan kriterianya, kemudian itu ditengok dengan mata yang terbuka oleh pihak kementerian, aktiviti, dari segi pakaian yang saya sebut sebagainya tadi. Begitu juga kepada perkhidmatan awam, jangan lupa kita ada 'Bab D' janganlah buat kenyataan awam begitu mudah sekali. Dan suka saya mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, supaya kita mengadakan asas kepada harga semasa yang dimasukkan oleh pemaju. Akhir sekali, Kementerian Belia dan Sukan, 50 kompleks sukan komuniti berhutang kepada Parit Sulong, namanya, tanahnya. Sekian saya menyokong. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk berbahas bagi Bajet 2007 yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri. Saya dapat melihat bahawa di dalam Bajet 2007 adalah merupakan satu Bajet *Expansionary* kerana dalam tahun 2006, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM137 bilion, dan pada tahun ini sebanyak RM159 bilion. Saya percaya dengan peruntukan ini sudah tentu akan memberikan satu peluang kepada negara kita untuk mencapai wawasan 2020, iaitu sekurang-kurangnya untuk mendapat pertumbuhan sebanyak 6% atau 7% untuk membolehkan kita, mencapai matlamat kita pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa rakyat benar-benar mengalu-alukan isi kandungan yang telah disampaikan di dalam Bajet ini, dan sebagai wakil rakyat luar bandar, saya ingin menyampaikan rasa terima kasih rakyat di kawasan saya, di atas keprihatinan kerajaan. Khususnya dalam usaha untuk menghapuskan yuran peperiksaan yang sebenarnya, selama ini adalah merupakan satu halangan atau pun satu hambatan kepada penduduk-penduduk luar bandar khususnya mereka-mereka yang miskin dan tertinggal.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bajet ini juga telah dijelaskan tentang perlunya satu usaha untuk mengurangkan jurang di antara wilayah. Seperti mana yang kita tahu bahawa negara kita ingin mencapai sebuah negara maju pada tahun 2020. Dan kita tidak akan mencapai satu keadaan di mana negara yang benar-benar maju sekiranya wujud perbezaan yang luas di antara bandar dan luar bandar dan demikian juga perbezaan di antara wilayah, sama ada wilayah daripada Pantai Barat Semenanjung Malaysia dengan Pantai Timur, mahupun di antara negeri-negeri Semenanjung dan juga perbezaannya dengan negeri-negeri di Sabah dan Sarawak.

Sebab itu kita mengalu-alukan apa juga usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan tetapi sememangnya seperti mana yang kita ketahui, di negeri Sabah misalnya terdapat satu *reservation* daripada kerajaan negeri Sabah tentang perwujudan RDA, tetapi ini kita tidak perlu persoalkan, kerana semestinya kerajaan negeri Sabah mempunyai alasan-alasan tertentu untuk tidak menerima, tetapi ini tidak bererti bahawa kita tidak dapat melaksanakan program-program pembangunan luar bandar yang lebih pesat, kerana banyak agensi-agensi kerajaan yang telah diwujudkan, khususnya agensi-agensi sedia ada seperti ILGS yang telah dilaksanakan di kawasan saya. Sila Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi negeri Sabah sudah pun dimuatkan, sudah pun ditulis, sudah pun termaktub dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan. Dan dokumen ini sudah

pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Pada pendapat Yang Berhormat, apakah pihak penggubal dasar, apakah pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, tidak membincangkan perkara ini sebelum dimuatkan dalam dokumen ini, sebelum diluluskan oleh Dewan ini, soalan pertama.

Yang kedua, sekarang kita sudah luluskan. Dewan ini sudah meluluskan dokumen ini menyatakan Lembaga Kemajuan Wilayah akan ditubuhkan di Sabah dan juga di Sarawak. Sekarang, tiba-tiba pula kerajaan negeri mempunyai pandangan yang berlainan mengatakan tidak mahu. Apakah Dewan ini akan melihat balik Rancangan Malaysia Kesembilan dan mengatakan bahawa perenggan ini kita akan keluarkan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan. Bolehkah kita buat begitu atau macam mana? Mohon pandangan Yang Berhormat bagi Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Seperti mana yang kita tahu bahawa di dalam negara kita, kita mengamalkan sistem Kerajaan Persekutuan atau *Federalism*, maka khususnya bagi Sabah dan Sarawak terdapat peruntukan-peruntukan tertentu di mana kerajaan negeri mempunyai pendirian-pendirian tertentu terhadap sesuatu projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga hak kuasa tanah adalah terletak di bawah kuasa kerajaan negeri. Sebab itu walaupun sememangnya di dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan telah pun tersedia bahawa satu RDA akan ditubuhkan di negeri Sabah tetapi kita juga harus mengambil kira pandangan kerajaan negeri kerana seperti yang saya jelaskan tadi bidang kuasa tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu mungkin kerajaan negeri mempunyai alasan-alasan tertentu di dalam soal ini tetapi yang penting, walaupun tidak ada penubuhan RDA ini, sepatutnya Kerajaan Persekutuan semestinya masih boleh melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk membantu kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak.

Seperti mana yang kita tahu, khususnya di kawasan saya bahawa kawasan luar bandar ini memanglah masih jauh ketinggalan tetapi saya amat berterima kasih dan ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini terima kasih saya khususnya Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Luar Bandar dan juga Ketua Menteri Sabah yang telah bersedia untuk menyediakan tanah dan untuk membangunkan di dalam program menangani kemiskinan yang secara spesifik telah digariskan di dalam Bajet 2007 ini di mana satu peruntukan sebanyak RM13 juta telah disediakan untuk memajukan projek ladang getah untuk menangani kemiskinan di kawasan semenanjung Pitas.

Walau bagaimanapun apa yang saya ingin minta di sini ialah supaya di dalam program yang akan dilaksanakan ini saya minta supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga meminta kepada Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) yang merupakan pelaksana kepada projek-projek ini untuk sekurang-kurangnya memberikan pengagihan terhadap projek ini kepada peserta-peserta yang benar-benar memerlukan khususnya mereka yang tergolong sebagai masyarakat yang benar-benar miskin atau *hardcore poor*.

Dan yang lebih penting lagi ialah, kita harus juga melihat dari segi pelaksanaannya supaya wujud keseimbangan, khususnya penyertaan kaum di dalam projek ini dan yang lebih penting lagi di sini ialah saya meminta supaya kerajaan khususnya agensi-agensinya pelaksana dapat melihat akhirnya peserta-peserta ini mempunyai pemilihan tanah kerana kita tahu mahu pada masa-masa yang lalu banyak projek kerajaan yang dilaksanakan tetapi sebenarnya tidak memberikan pemilihan tanah kepada peneroka-peneroka. Mereka itu hanya dibenarkan untuk menyertai projek-projek tersebut hanya untuk mendapatkan pendapatan sementara tetapi tidak mempunyai hak milik tanah di tempat mereka meneroka tersebut.

Ini telah pun berlaku misalnya di dalam projek SAFODA yang telah dilakukan di Semenanjung Bengkoka yang pada pendapat saya adalah projek yang telah gagal untuk menangani kemiskinan kerana akhirnya tidak ada pun program-program jangka panjang yang membolehkan peneroka-peneroka di situ memiliki tanah dan mendapat aset dan juga yang boleh memberikan kesejahteraan masa depan mereka dan anak-anak mereka.

Demikian juga projek yang telah diumumkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi projek FELCRA di Pulau Banggi yang telah pun diumumkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar bahawa satu projek penanaman getah juga yang akan diadakan di Pulau Banggi seluas 4,000 hektar dan juga ladang FELCRA yang

akan diadakan lebih kurang 8,000 hektar di tempat itu tetapi sehingga hari ini saya belum dalam melihat kenyataan-kenyataannya walaupun projek ini telah pun dirancang lebih satu tahun. Saya tidak tahu apa masalah yang timbul tetapi saya minta supaya projek ini benar-benar dapat dilaksanakan kerana sekurang-kurangnya akan menangani masalah kemiskinan khususnya di kawasan yang mempunyai penduduk lebih kurang 12,000 orang di kawasan sempadan ini.

Begitu juga saya minta supaya bukan sahaja projek ini dapat dilaksanakan tetapi sekurang-kurangnya akan memberikan faedah kepada masyarakat di situ dan juga memberikan peluang pekerjaan kepada belia-belia kerana ramai daripada belia-belia di situ yang bukan sahaja lepasan daripada sekolah menengah malah lepasan daripada universiti, dan saya minta supaya pihak FELCRA sekiranya melaksanakan projek ini dapat memberikan peluang kepada graduan-graduan dan juga lepasan sekolah di situ untuk sekurang-kurangnya mendapat peluang pekerjaan dan menyertai projek itu secara berkesan iaitu bukan hanya mendapat projek tersebut tetapi juga mendapat penyertaan yang lebih substantif.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini iaitu berkaitan dengan masalah infrastruktur. Seperti yang saya jelaskan di sini bahawa kawasan yang saya wakili adalah kawasan yang begitu luas dan masih banyak lagi jalan-jalan luar bandar yang perlu diperbaiki. Di dalam statistik yang saya telah diberikan di sini bahawa sebanyak 4,575 kilometer jalan di negeri Sabah yang masih lagi belum berturap iaitu jalan-jalan negeri.

Jalan-jalan negeri ini adalah merupakan jalan-jalan yang menghubungkan banyak kawasan-kawasan utama, misalnya di kawasan saya ialah Jalan Pitas-Bongkol-Telaga dan juga Jalan Karakit-Limbuak, Jalan Rusuk-Dandun. Ini adalah jalan-jalan utama yang diperlukan tetapi di dalam peruntukan yang telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan untuk menaik taraf jalan-jalan luar bandar ini hanyalah lebih kurang dalam RM500 juta dan kalau peruntukan sebanyak RM500 juta untuk dibelanjakan sehingga tahun 2010 iaitu lima tahun akan datang, ini bererti bahawa usaha-usaha untuk menaik taraf jalan-jalan luar bandar ini akan mengambil masa berdekad-dekad lamanya.

Ini adalah merupakan satu perkara yang penting kerana kita mahu, seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa kalau kita mahu melihat Malaysia sebagai sebuah negara maju, kita harus melihat satu perimbangan di antara bandar dan luar bandar. Kita harus menjadikan kawasan luar bandar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** ...Sebagai kawasan yang benar-benar menikmati kemudahan-kemudahan yang seperti mana masyarakat di bandar. Silakan, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kudat dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat menceritakan tentang 4,000 lebih kilometer jalan JKR negeri, dan apabila kita bertanya ini kepada pihak kementerian, biasanya mereka mengatakan, "Biarlah, serahkanlah kepada Persekutuan jalan ini", tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada masa ini untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut peruntukan yang ada hanyalah daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Persekutuan tiap tahun, dari sana sahaja. Kerajaan negeri, peruntukannya memang kemampuannya sudah... Dan *road grant* yang diberi daripada Kerajaan Persekutuan menurut Perlembagaan Persekutuan tidak mampu untuk menaik taraf hanya untuk penyelenggaraan sahaja.

Jadi, pada pendapat Yang Berhormat bagi negeri Sabah untuk mencapai Wawasan 2020, status negeri maju untuk menurap kesemua 4,000 lebih kilometer jalan itu, apakah cara lain lagi Yang Berhormat?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Saya fikir Yang Berhormat bagi Tuaran, jalan lain tidak ada melainkan untuk menambah peruntukan kerana dengan cara itulah kita dapat melihat bahawa jalan-jalan luar bandar ini adalah menjadi jalan-jalan yang mempunyai taraf sebagai sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jelaskan di sini sebelum ini ialah bahawa kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan haruslah bekerjasama untuk memastikan semua kemudahan luar bandar ini dapat dinaiktarafkan. Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa jalan-jalan luar bandar ini kebanyakannya hanya mendapat peruntukan bagi *maintenance grant*, dan ini tidak akan memberikan apa-apa kerana yang penting di sini untuk menjadikan kawasan luar bandar kita ini benar-benar kelihatan maju ia haruslah diturap sepenuhnya kerana itu di kawasan saya sendiri, saya telah mensyaratkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri kepada JPPS untuk memastikan...

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** ...Bahawa jalan-jalan kampung yang dilaksanakan haruslah jalan-jalan yang diturap kerana dengan jalan-jalan yang sebelum ini kebanyakannya tidak memberikan gambaran bahawa kita benar-benar serius untuk memajukan kawasan luar bandar. Silakan, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik kepada teras ketiga amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai ahli *'fatullah fil'ar'*. Saya setuju kalau diterapkan semualah. Naik taraf sedikit, tidak sampai saiz 16 pun, 14. Oh! Yang Berhormat tahu saiz jalan, dengan tiga inci untuk 20 tan atau 15 tan kekuatannya. Saya hendak supaya trak semua masuk ke Kelantan, walaupun Kelantan masih diperintah oleh pembangkang. Setuju ataupun tidak?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju ialah untuk melihat kawasan luar bandar benar-benar menikmati kemudahan infrastruktur yang baik dan berkualiti. Sebab itu kita harus berani untuk membelanjakan lebih banyak wang, untuk membolehkan kawasan luar bandar kita berubah. Walaupun mengikut statistik sebenarnya, di negara kita hanya 35% sahaja lagi masyarakat kita yang tinggal di luar bandar kerana 60% telah berhijrah ke bandar tetapi kalau kita tidak menaik taraf kemudahan-kemudahan asas di luar bandar, maka ini sudah tentu akan menimbulkan penghijrahan besar-besaran, khususnya belia-belia kita dan ini akan menimbulkan ketidakseimbangan dalam pembangunan di negara kita.

Dalam pembangunan infrastruktur juga kalau di kawasan saya memang banyak lagi sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi, yang bangunan-bangunannya masih lagi dibina dalam awal kemerdekaan dan banyak bangunan yang tidak selamat. Sebuah sekolah yang ingin saya sebutkan di sini iaitu sebuah sekolah SMK Kanibungan. SMK Kanibungan ini telah diwujudkan lebih daripada 15 tahun yang lalu, tetapi sekolah selama ini menumpang di sekolah rendah dan sekolah rendah ini pun, Sekolah Rendah Kanibungan ini sendiri pun, tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi. Mereka ini menumpang di situ dengan kemudahan yang begitu minimum dan saya percaya bahawa satu keperluan untuk menaik taraf ataupun memberikan satu bangunan baru bagi sekolah menengah tersebut.

Bukan sahaja di situ, bahawa ada lagi satu sekolah menengah yang menumpang lebih daripada 10 tahun, iaitu SMK Bongkol. Saya minta supaya Kementerian Pendidikan mengambil perhatian terhadap masalah ini kerana masalah ini telah pun lama tertangguh dan saya tidak nampak bagaimana kerajaan tidak boleh menyediakan satu peruntukan tertentu. Ini kerana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita bersedia untuk membelanjakan berbilion ringgit dan kawasan luar bandar ini memanglah sepatutnya mendapat keutamaan. Ini kerana pendidikanlah menjadi asas bagi masyarakat luar bandar untuk meningkatkan mobiliti sosial mereka.

Demikian juga satu kes yang spesifik iaitu berkaitan dengan SMK Pinggan-Pinggan di kawasan saya. Sekolah ini telah pun mendapat bangunan sekolah dan juga bangunan rumah guru tetapi rumah guru ini walaupun telah siap lebih kurang tiga tahun yang lalu, sehingga hari ini tidak dapat digunakan disebabkan tidak ada bekalan air. Guru-guru yang bekerja, yang mengajar di situ, mereka tidak dapat tinggal di kawasan, kompaun sekolah dan mereka terpaksa menyewa di kawasan kampung yang

berdekatan dan mereka terpaksa membelanjakan gaji mereka untuk menyewa dan tidak mendapat kemudahan yang sewajarnya.

Jadi, saya minta Kementerian Pelajaran mengambil perhatian tentang perkara ini dan menjawab kepada saya kenapakah kerajaan menyediakan bangunan ini tetapi dalam masa yang sama tidak menyediakan kemudahan bekalan air. Sebenarnya saya diberitahu bahawa terdapat rancangan daripada konsultan dan juga kontraktor untuk menyalurkan paip dari daerah Pitas ke SMK Pinggan-Pinggan itu tetapi tergendala di tengah jalan. Saya tidak tahu apa masalahnya. Adakah ini disebabkan ketiadaan peruntukan ataupun ada masalah-masalah yang lain?

Untuk perhatian juga, di sekolah ini terdapat lebih kurang 300 pelajar-pelajar yang tinggal di asrama desa dan ada yang terpaksa menumpang di rumah orang kampung dan mereka ini adalah penduduk luar bandar yang datang dari kampung yang jauh dan mereka mengharapkan mendapat peluang pendidikan yang lebih baik. Disebabkan ketiadaan kemudahan asrama, mereka ini terpaksa duduk di bangunan yang tidak selamat, yang boleh menghadapi masalah kemalangan, kebakaran dan sebagainya tetapi mereka tidak ada pilihan.

Sebab itu saya minta di dalam bajet, Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dilaksanakan ini, memberikan keutamaan sebegini. Kita mungkin boleh berbelanja dengan perkara-perkara yang lain, yang tidak penting tetapi kita harus melihat kepada projek-projek yang mempunyai impak tertinggi, khususnya projek yang mempunyai impak yang berkesan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sebutkan di sini, iaitu berkaitan dengan pembangunan sektor pelancongan. Seperti mana yang kita tahu bahawa sektor pelancongan adalah merupakan satu sektor yang telah menjana ekonomi di negara kita dan telah pun memberikan pulangan lebih kurang RM32 bilion dengan memberikan pekerjaan tidak kurang daripada setengah juta orang. Sektor pelancongan juga telah menjadi sektor yang kedua penting selepas sektor perindustrian dan ini adalah suatu sektor yang akan berpotensi untuk berkembang dari semasa ke semasa dan merupakan satu sektor yang tidak memerlukan pelaburan yang begitu banyak. Kita hanya memerlukan usaha-usaha promosi dan menyediakan kemudahan-kemudahan.

Tetapi apa yang saya ingin jelaskan di sini bahawa seperti mana di negeri Sabah, yang merupakan sebuah negeri yang melihat sektor pelancongan ini sebagai sektor yang mampu menjana ekonomi negeri Sabah. Kita telah pun melihat bahawa kedatangan pelancong agak meningkat dari semasa ke semasa, khususnya dengan banyak syarikat-syarikat penerbangan yang dibawa masuk, yang dibenarkan untuk mendarat di negeri Sabah, seperti *Singapore Airline*, *Dragon Air* dan juga syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

Apa yang menjadi pelik kepada saya di sini, kita juga telah menaik taraf *airport* kita dengan perbelanjaan yang begitu besar sebanyak RM1.2 bilion, tetapi seperti mana rakan-rakan yang lain, saya juga terkilan dengan apa yang berlaku di dalam perkembangan yang terakhir ini berkaitan dengan perkhidmatan *Malaysian Airline*. Perkhidmatan *Malaysian Airline* telah mengganggu usaha-usaha yang dibuat untuk menjadikan Sabah sebagai *the second hub*, dan juga usaha-usaha untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai sektor yang penting di negeri Sabah. Sebab itu, kita minta supaya kerajaan, saya percaya bahawa tindakan yang berlaku di dalam MAS hari ini ialah mungkin sebahagiannya kerana keengganan pihak kerajaan untuk *bail out* MAS.

Ini kerana apa yang berlaku di dalam *incident* SARS beberapa tahun yang lalu, kerajaan telah pun *bail-out Malaysian Airline* dengan menubuhkan Syarikat Penerbangan Malaysia. Apabila berlaku sekali lagi masalah kerugian baru-baru ini akibat daripada kenaikan harga minyak, kerajaan tidak begitu bersedia kerana proses *bail-out* itu juga ada melibatkan kos yang begitu banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan ucapan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** ...Sebab itu, kalau kita lihat bahawa *Malaysian Airline* mengambil banyak tindakan-tindakan yang sebenarnya merugikan negara kita kerana kita banyak penerbangan-penerbangan yang terpaksa di kurangkan

dan ini akan menjejaskan bukan sahaja integrasi masyarakat Malaysia di negara kita tetapi juga akan menjejaskan sektor pelancongan.

Saya lihat bahawa seperti mana yang dijelaskan oleh ramai rakan-rakan tadi bahawa Sabah akan mendapat lonjakan di dalam sektor pelancongan ini sekiranya jalan raya ataupun Lebuh raya Trans Borneo Sabah dapat disegerakan kerana sudah tentu ini akan memberikan peluang kepada pelancong-pelancong dari Sarawak, dari Brunei untuk datang dengan lebih mudah ke negeri Sabah. Satu perkara yang penting juga ialah kekurangan bilik yang berlaku di negeri Sabah dan saya mencadangkan supaya kerajaan melalui Kementerian Pelancongan membawa Hotel Sri Malaysia misalnya untuk ditubuhkan di negeri Sabah.

Satu isu penting yang saya ingin bangkitkan di sini yang harus menjadi perhatian kepada kita semua kerana walaupun kita menikmati keamanan dan kegembiraan di negara kita, di atas kemakmuran yang kita terima tetapi adalah manusia ataupun kumpulan-kumpulan manusia di tempat lain, di negara-negara lain yang menghadapi kekejaman akibat penindasan daripada golongan-golongan tertentu. Seperti mana pada masa-masa yang lalu apabila sistem *aparteid* adalah merupakan satu sistem yang menindas di Afrika Selatan, maka kita secara sebulat suara mengecam sistem tersebut sehinggalah akhirnya sistem tersebut dihapuskan.

Ini juga adalah merupakan satu keadaan yang sama kerana masyarakat Palestin menghadapi tindakan yang berterusan ataupun *aparteid* yang berterusan, penindasan yang berterusan daripada pihak Israel. Kalau kita lihat dalam sejarah selepas penubuhan negara Israel dalam Deklarasi Balfour 1946, telah menyebabkan banyak kejadian pembunuhan ataupun *genocide* terhadap rakyat Palestin iaitu pembunuhan diorganisir, pembunuhan yang berlaku di Sabra dan Shatila dan banyak lagi. Hari ini kalau kita melihat satu laporan akhbar iaitu Gaza hampir kebuluran dan ini satu lagi tindakan yang sebenarnya dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin dengan mengambil kesempatan keadaan tindakan yang telah mereka ambil di Lebanon. Rakyat dunia melihat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, habiskan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** ...Tentang kekejaman yang berlaku di Lebanon tetapi mereka tidak melihat apakah kekejaman yang telah dilakukan kepada rakyat Palestin, di mana masyarakat penduduk Gaza yang bilangan penduduknya seramai 1.5 juta dan lebih kurang 250 orang yang telah menjadi mangsa kekejaman, pembunuhan dan lebih kurang 1,200 rakyatnya yang cedera.

Jadi, tujuan saya untuk membangkitkan masalah ini ialah untuk meminta kepada Kementerian Luar Negeri dan juga kementerian-kementerian tertentu melihat apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada mereka, dan apakah sebagai pengerusi OIC adakah pihak kerajaan meminta satu resolusi Bangsa-bangsa Bersatu untuk memberikan satu celaan kepada tindakan yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Beluran.

**7.02 mlm.**

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menyertai perbahasan Belanjawan 2007 dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sambung besok. Sambung besoklah Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.**